



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PAHANG
TAHUN 2008



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008 NEGERI PAHANG

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI PAHANG
TAHUN 2008**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTI SARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I : AKTIVITI JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	3
Jabatan Agama Islam Pahang <i>Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)</i>	3
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang <i>Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar</i>	21
Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri Pahang <i>Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS)</i>	47
Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang <i>Pengurusan Kualiti Air Minum</i>	57
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan Kerja Raya Cawangan Mekanikal Negeri Pahang Dan Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan <i>Pengurusan Kenderaan</i>	87
Majlis Perbandaran Kuantan <i>Pengurusan Tempat Letak Kereta Berkupon</i>	98
BAHAGIAN II : PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	121
Amanah Saham Pahang Berhad	121
BAHAGIAN III : PERKARA AM	
Pendahuluan	153
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007	153
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agenzi	165
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	165
PENUTUP	169



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan.
2. Laporan saya mengenai Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang tahun 2008 ini disediakan hasil daripada Pengauditan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 10 buah Jabatan/Agenzi Negeri iaitu Jabatan Agama Islam Pahang, Jabatan Perhutanan Negeri, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri, Jabatan Bekalan Air Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan, Majlis Perbandaran Kuantan dan Amanah Saham Pahang Berhad. Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain, Pengurusan Hutan - Kepentingannya Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Kualiti Air Minum, Pengurusan Kenderaan, Pengurusan Tempat Letak Kereta Berkupon dan Pengurusan Syarikat Amanah Saham Pahang Berhad.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai semua program yang telah dirancang telah dilaksanakan dan diurus dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agenzi Negeri Pahang pada tahun 2008 masih terdapat kelemahan. Di antara kelemahan yang ditemui adalah sepertikekangan kewangan dan infrastruktur yang tidak kondusif telah menjelaskan pelaksanaan KAFA. Aktiviti yang dijalankan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal memberi impak negatif kepada alam sekitar seperti pelaksanaan projek ladang hutan, pencerobohan oleh pelombong dan pembalakan haram telah memusnahkan ekologi tasik dan juga habitat semula jadi hidupan liar. Matlamat pelaksanaan SPEKS bagi menyediakan Penyata Kewangan yang seragam dan tepat belum dilaksanakan sepenuhnya. Pelanggaran parameter air terawat melebihi piawaian yang ditetapkan menjelaskan kualiti air minum. Kos penyenggaraan kenderaan yang tinggi melebihi kos perolehan, tempoh proses pewartaan tempat letak kereta dan kelemahan dalam tadbir urus korporat syarikat, prestasi aktiviti syarikat serta kurangnya pemantauan.

4. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi tindakan susulan yang telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan dalam laporan saya bagi tahun 2007 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.
5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini telah memberi panduan kepada Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri mengenai penilaian Jabatan Audit Negara terhadap program/aktiviti dari aspek ekonomi, kecekapan dan keberkesanan serta pencapaian matlamatnya. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan segera untuk mengelak dari berlakunya pembaziran, pemborosan dan penyelewengan sesuatu program/aktiviti.
6. Pada pandangan saya, pencapaian pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai lima perkara utama yang diringkaskan sebagai **DAMAI** iaitu:
 - a) **DUE DILIGENCE** – Penjawat awam perlu menjalankan tugas dengan penuh ketelitian yang profesional untuk mewujudkan sistem penyampaian yang cemerlang.
 - b) **ACHIEVEMENT** – Memastikan semua polisi dan program yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, menggunakan kaedah *Key Performance Indicators* (KPI), tidak berlaku peningkatan kos, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi dan mencapai matlamatnya.
 - c) **MONITORING** – Pemantauan yang rapi hendaklah dibuat bagi memastikan semua program atau aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan. Projek yang telah siap dibina hendaklah digunakan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.
 - d) **ATTITUDE** - Setiap penjawat awam perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen yang tinggi. Nilai-nilai positif hendaklah diamalkan dan tiada sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas.
 - e) **INTEREST** – Setiap penjawat awam perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan minat dan dedikasi supaya projek yang dilaksanakan ada usaha penambahbaikan dan berinovasi.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam di Jabatan/Agenzi/Syarikat Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuhnya komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
10 Julai 2009**



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI

1. Jabatan Agama Islam Pahang - *Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)*

Program KAFA adalah berkonsepkan pendidikan agama peringkat rendah bagi menyokong pendidikan Islam yang dilaksanakan di bawah sistem pendidikan kebangsaan. Program ini memberi penekanan dan tumpuan kepada perkara amali dan kemahiran membaca Al-Quran mengikut tajwid di samping memberi kemahiran dalam penulisan dan pembacaan jawi. Walaupun pelaksanaannya telah menjangkau 19 tahun namun program KAFA di Negeri Pahang adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang telah menjelaskan pelaksanaan program seperti kekurangan peruntukan kewangan, infrastruktur yang kurang sempurna, status jawatan penyelia/guru tidak tetap dan elauan yang rendah, penilaian murid tidak menyeluruh, tidak mematuhi sepenuhnya garis panduan JAKIM dan kurang pemantauan.

2. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang - *Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar*

Sebarang aktiviti yang dijalankan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sama ada secara sah ataupun secara haram sebenarnya telah membawa kepada impak negatif terhadap alam sekitar. Projek Ladang Hutan di HSK Lesong, Pahang walaupun sedang dilaksanakan dengan kelulusan tetapi kedudukannya yang terletak di tengah-tengah HSK tersebut telah memberi kesan serius terhadap alam sekitar sekiranya tidak diurus dengan sewajarnya. Kes pencerobohan Taman Negeri Tasik Chini oleh pelombongan dan aktiviti pembalakan tanpa izin telah menyumbang kepada kemasuhan ekologi Tasik Chini dan isi hutan di dalamnya. Manakala aktiviti perlombongan bijih besi berhampiran HSK Ibam yang tidak terkawal telah menyebabkan kemasuhan sebahagian kawasan HSK tersebut. Pengusaha lombong juga telah turut menceroboh kawasan HSK berkenaan. Selain itu, tidak dinafikan bahawa aktiviti pembalakan telah memusnahkan habitat semula jadi dan sumber makanan hidupan liar di dalam kawasan hutan tersebut. Ini telah menyebabkan penduduk berhampiran terancam oleh haiwan seperti gajah, harimau dan kera untuk mendapatkan sumber makanan.

3. Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang - *Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS)*

Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi menyelaras pelaksanaan sistem perakaunan berkomputer seluruh negara kecuali Sabah dan Sarawak. Manakala, Kerajaan Negeri pula dikehendaki membayai kos menyediakan rangkaian dan kos penyenggaraan perkasaan. Pelaksanaan SPEKS di Negeri Pahang telah mula dilaksanakan pada bulan Januari 2003. Sehingga akhir tahun 2008, sebanyak 163 Pusat Tanggungjawab telah mula melaksanakan SPEKS yang melibatkan perbelanjaan sejumlah RM5.65 juta. Secara keseluruhannya, pelaksanaan SPEKS di Negeri Pahang perlu dipertingkatkan kerana sehingga kini, didapati dua modul masih belum dilaksanakan sepenuhnya iaitu Modul Pinjaman dan Pelaburan. Selain itu, sistem juga tidak memberikan sebarang peringatan secara automatik mengenai bil-bil yang masih belum dibayar dan lewat dibayar. Kawalan dalaman sistem yang digunakan juga tidak memuaskan terutama dari segi Log Audit dan Senarai Perisian. Pada pendapat Audit Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) adalah tidak memuaskan kerana belum mencapai matlamat yang ditetapkan.

4. Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang – *Pengurusan Kualiti Air Minum*

Bekalan air minum yang bersih dan berkualiti adalah sangat penting bagi menjaga kesihatan dan kesejahteraan umum di samping menjadi teras utama dalam pembangunan negara. Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang diberi tanggungjawab membekal air minum mengikut standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Manakala Jabatan Kesihatan Negeri Pahang membuat pemantauan untuk memastikan kualiti air minum yang dibekalkan kepada pengguna adalah selamat dan mengikut standard yang ditetapkan. Selain itu, Badan Kawal Selia Air Negeri Pahang mengawal kawasan tadahan air untuk mengelak daripada berlakunya pencerobohan dan pencemaran. Secara keseluruhannya, pengurusan kualiti air minum di Negeri Pahang adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang boleh menjelaskan kualiti air. Antaranya ialah kawalan yang belum dilaksanakan sepenuhnya oleh Badan Kawal Selia Air di kawasan tadahan air, makmal berpusat Jabatan Bekalan Air yang belum beroperasi sepenuhnya dan instrumen makmal yang rosak lewat diambil tindakan pemberian serta pelaksanaan pencucian tangki air yang tidak mengikut jadual. Kesimpulannya, perancangan dan pemantauan peringkat Negeri Pahang perlu dipertingkatkan lagi bagi menambah baik pengurusan kualiti air minum untuk menjamin air yang terawat dianalisis sebelum dibekalkan kepada pengguna.

5. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan Kerja Raya Cawangan Mekanikal Negeri Pahang Dan Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan - Pengurusan Kenderaan

Kenderaan merupakan aset yang penting bagi melancarkan perjalanan aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri. Pengurusan kenderaan wajar diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri Pahang kerana ia merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Bagi memastikan pengurusan kenderaan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pejabat SUK), Jabatan Kerja Raya Cawangan Mekanikal Negeri Pahang (JKR) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan (PDT Pekan) telah dilaksanakan dengan baik, satu kajian terhadap pengurusan kenderaan telah dijalankan oleh pihak Audit. Secara keseluruhannya tahap pengurusan kenderaan di tiga Jabatan tersebut adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti perolehan bahan api yang meragukan, penggunaan kad inden bagi kenderaan yang telah dilupuskan dan kos penyenggaraan kenderaan yang tinggi.

6. Majlis Perbandaran Kuantan – Pengurusan Tempat Letak Kereta Berkupon

Pelaksanaan tempat letak kereta berkupon secara menyeluruh di kawasan Majlis bermula pada awal Jun 2006 menggantikan kaedah kutipan secara manual. Sehingga akhir tahun 2008, Majlis mempunyai 11,089 petak letak kereta berkupon yang melibatkan 13 zon di kawasan Majlis. Jumlah hasil Bahagian Letak Kereta bagi tempoh Jun 2006 hingga Disember 2008 adalah berjumlah RM19.18 juta. Pada keseluruhannya, pelaksanaan pengurusan tempat letak berkupon Majlis adalah memuaskan kecuali bagi proses pewartaan, pengurusan dan penjagaan tempat letak kereta, susun atur petak letak kereta, proses pembelian dan penerimaan stok, pengurusan kupon jam rosak dan penukaran kupon, sistem pengurusan dan penjualan kupon, kadar bayaran, promosi dan kes tindakan mahkamah. Antara tindakan yang disyorkan adalah Majlis perlu mengkaji tempoh proses pewartaan serta peletakan hak kuasa dan memohon pertambahan serta pewujudan perjawatan baru. Selain itu tindakan bersepadan antara Jabatan, Agensi Kerajaan dan *Credit Tip Off Services (CTOS)* dengan syarikat kewangan bagi mendapat maklumat berkaitan pengguna yang disabitkan kesalahan berkaitan kompaun juga perlu diambil oleh pihak Majlis.

BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

7. Amanah Saham Pahang Berhad

Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) telah ditubuhkan pada 21 Januari 1974 dan telah beroperasi selama lebih kurang 35 tahun. Ia adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Pahang dengan modal dibenarkan berjumlah RM70 juta dan modal berbayar setakat ini berjumlah RM60.61 juta. Penubuhan ASPA adalah bertujuan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera Negeri Pahang dalam industri perkayuan dan meningkatkan faedah yang boleh diperoleh daripada sumber hutan serta mengamalkan

kaedah pengeluaran hutan secara kekal. Dalam mempelbagaikan aktiviti syarikat, ASPA turut melibatkan diri dalam industri perladangan kelapa sawit, getah dan pelaburan dalam saham ekuiti yang tersenarai di Bursa Malaysia dan syarikat-syarikat berdaya maju. Prestasi keuntungan ASPA adalah bergantung kepada harga pasaran komoditi utama dan pasaran saham yang tidak menentu. Tahap pengurusan ASPA secara keseluruhannya adalah sederhana dan boleh dipertingkatkan dengan memperkemaskan tadbir urus korporat syarikat dan mempertingkatkan prestasi aktiviti syarikat dengan memberi tumpuan kepada aktiviti yang berdaya saing dan membawa keuntungan yang tinggi kepada ASPA dan menyumbang kepada peningkatan sosio-ekonomi Negeri Pahang.



BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI

BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957, menghendaki Jabatan Audit Negara mengaudit program atau aktiviti Jabatan untuk menentukan sama ada ia telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, Jabatan Audit Negara telah memilih enam program atau aktiviti untuk dikaji secara mendalam dan menilai sejauh mana keberkesanannya. Pada tahun 2008, Pengauditan Prestasi telah dijalankan terhadap Pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain, Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS), Pengurusan Kualiti Air Minum, Pengurusan Kenderaan dan Pengurusan Tempat Letak Kereta Berkupon. Hasil pengauditan tersebut seperti yang dilaporkan ini telah dimaklumkan kepada Ketua-Ketua Jabatan yang berkenaan dan hanya isu yang ketara sahaja yang dilaporkan.

JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

2. PENGURUSAN KELAS AL-QURAN DAN FARUDU AIN (KAFA)

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Pada bulan September 1989, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju mengadakan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di seluruh negeri bagi kanak-kanak yang berumur tujuh hingga 12 tahun agar mendapat pendidikan agama dengan sempurna. Pada awal tahun 1990, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah melancarkan program KAFA. Program ini adalah bertujuan untuk mendidik murid sekolah yang berumur antara tujuh hingga 12 tahun supaya dapat membaca Al-Quran dengan baik dan beramal dengan perkara yang difardukan. Program KAFA adalah berkonsepkan pendidikan agama Islam peringkat rendah bagi menyokong dan memperkuuh pendidikan Islam yang dilaksanakan di bawah sistem pendidikan kebangsaan. Penekanan dan tumpuan adalah diberikan kepada latihan amali dan kemahiran membaca Al-Quran mengikut tajwid di samping memberi kemahiran terhadap penulisan dan pembacaan tulisan jawi.

2.1.2 Pada tahun 1990, program KAFA telah dilaksanakan di Negeri Pahang dan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) telah di amanah untuk melaksanakan program ini. Sehingga akhir tahun 2008, sebanyak 509 sekolah KAFA (2,490 kelas) telah ditubuhkan dengan jumlah murid yang berdaftar seramai 66,855 orang. Bagi tahun 2006 hingga 2008, JAIP telah menerima peruntukan daripada JAKIM berjumlah RM50.55 juta untuk bayaran elau penyelia dan guru KAFA. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM48.92 juta atau 96.8% telah dibelanjakan seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan KAFA Di Negeri Pahang
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2006	17.27	16.17	93.6
2007	16.58	16.52	99.6
2008	16.70	16.23	97.2
Jumlah	50.55	48.92	96.8

Sumber: Jabatan Agama Islam Pahang

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah bagi menilai kecekapan dan keberkesanan KAFA serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah ditumpukan terhadap program KAFA bagi tahun 2006 hingga 2008. Pengauditan dijalankan di JAIP, Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan, Rompin dan Jerantut serta sekolah/kelas KAFA. Pemilihan sampel adalah sebanyak 5% atau minimum lima sekolah/kelas bagi setiap daerah yang dipilih.

2.4 KAEDAH PENGAUDITAN

Semakan Audit dibuat terhadap fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain berkaitan dengan program KAFA. Selain itu, lawatan ke sekolah/kelas KAFA dan temu bual dengan pegawai, penyelia dan guru juga turut dijalankan. Pemilihan murid dibuat secara rawak untuk ujian lisan membaca Al-Quran, kefahaman asas Fardu Ain dan menulis jawi. Borang soal selidik juga diedarkan kepada penyelia, guru dan ibu bapa/penjaga di setiap sekolah/kelas yang dilawati untuk mendapat maklum balas bagi menilai keberkesanan program KAFA.

2.5 PENEMUAN AUDIT

2.5.1 Penubuhan KAFA

a) Syarat Penubuhan KAFA Tidak Dipatuhi

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, permohonan untuk menubuh dan melaksanakan KAFA hendaklah dikemukakan kepada Pengarah JAIP dengan menggunakan Borang A (Borang Permohonan Penubuhan/Penambahan KAFA) dan Borang B (Borang Permohonan Penubuhan/Penambahan KAFA Integrasi). Syarat-syarat permohonan untuk menubuhkan KAFA adalah seperti berikut:

- i) Mewujudkan Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Sekolah/Kelas.
- ii) Mengemukakan Kertas Cadangan Penubuhan KAFA dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Sekolah/Kelas.
- iii) Premis bagi tujuan KAFA hendaklah memenuhi piawaian kesihatan dan keselamatan.
- iv) Tiada Sekolah Rendah Agama Rakyat (SAR) atau Sekolah Rendah Agama Negeri (SAN) di kawasan di mana KAFA hendak ditubuhkan melainkan ia diintegrasikan dengan sekolah-sekolah berkenaan.
- v) Guru hendaklah mencukupi dan berkelayakan.
- vi) Jumlah murid hendaklah tidak kurang daripada 25 orang kecuali bagi kawasan-kawasan tertentu tidak kurang daripada 15 orang.
- vii) Murid hendaklah berumur antara tujuh hingga 12 tahun (Tahun Satu hingga Tahun Enam).

Semakan Audit mendapati Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Peringkat Sekolah/Kelas tidak dikemukakan kepada JAIP semasa permohonan penubuhan KAFA. Adalah didapati 14 daripada 16 permohonan tidak mengemukakan Minit Mesyuarat tersebut sebagaimana ditetapkan oleh pihak JAKIM. Perkara ini berlaku kerana Kertas Kerja Penubuhan KAFA yang dikeluarkan oleh pihak JAIP tidak mensyaratkan Minit Mesyuarat tersebut untuk disertakan bersama permohonan. Oleh itu kewujudan Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Sekolah/Kelas untuk memantau pelaksanaan program KAFA tidak dapat ditentukan. *Maklum balas daripada pihak JAIP menyatakan bahawa minit mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana telah disatukan dengan minit mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Bagaimanapun, pihak sekolah tidak mengemukakan minit tersebut semasa permohonan penubuhan kelas dibuat. Pihak JAIP mengambil maklum tentang syarat permohonan penubuhan KAFA dan akan mewajibkan minit mesyuarat untuk disertakan semasa permohonan dibuat pada masa akan datang.*

Pada pendapat Audit, permohonan penubuhan KAFA adalah tidak memuaskan kerana tidak mengemukakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Sekolah/Kelas sebagaimana yang ditetapkan oleh JAKIM.

b) Tiada Peruntukan Penubuhan Kelas Baru

Peruntukan kewangan yang mencukupi adalah amat penting bagi memastikan program KAFA berjalan dengan lancar dan cekap. Oleh itu, JAKIM, JAIP dan sekolah hendaklah merancang peruntukan kewangan untuk menampung pembayaran elaun bulanan dan perjalanan penyelia, elaun bulanan guru, bayaran penggubal soalan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK), perbelanjaan latihan/kursus dan peralatan/bahan bantu mengajar. Selain itu, pihak JAKIM dan JAIP juga perlu merancang peruntukan bagi tambahan kelas berdasarkan permintaan penubuhan kelas oleh masyarakat setempat.

Semakan Audit mendapati semenjak tahun 2002 hingga 2008 tiada peruntukan disediakan oleh JAKIM untuk tambahan kelas KAFA di Negeri Pahang. Mengikut statistik, bilangan kelas KAFA di Negeri Pahang tidak bertambah bagi tempoh tersebut iaitu sebanyak 2,490 kelas. Perkara ini merupakan salah satu faktor penyertaan murid

dalam kelas KAFA di Negeri Pahang tidak menyeluruh kerana terdapat tempat yang memerlukan kelas tetapi penubuhannya tidak dapat diluluskan. Keadaan ini amat membimbangkan kerana ia boleh memberi kesan terhadap pembinaan sahsiah murid untuk jangka masa panjang. Berdasarkan semakan ke atas fail permohonan, pihak Audit mendapati sebanyak 16 permohonan penubuhan kelas secara bertulis telah dikemukakan kepada pihak JAIP. Bagaimanapun, pihak JAIP tidak dapat meluluskan permohonan tersebut kerana tiada tambahan peruntukan bagi penubuhan kelas baru. Jumlah peruntukan yang diterima oleh JAIP untuk menjalankan program KAFA di Negeri Pahang dan bilangan kelas bagi tahun 2002 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Peruntukan Dan Bilangan Kelas KAFA Bagi Tahun 2002 Hingga 2008

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Bilangan Kelas	Catatan
2002	9.57	2,490	-
2003	9.06	2,490	-
2004	8.49	2,490	-
2005	5.82	2,490	-
2006	17.27	2,490	Tambahan peruntukan adalah disebabkan oleh kenaikan elauan bulanan penyelia daripada RM500 kepada RM750
2007	16.58	2,490	dan guru daripada RM288 kepada RM500 sebulan.
2008	16.70	2,490	

Sumber: Jabatan Agama Islam Pahang

Maklum balas daripada pihak JAIP menyatakan bahawa pada tahun 2006 pihak Jabatan telah mengemukakan permohonan untuk menambah 150 kelas KAFA kepada pihak JAKIM tetapi ditolak. Bagaimanapun, pada tahun 2010 pihak JAIP akan mengemukakan semula permohonan tersebut kepada JAKIM.

Pada pendapat Audit, peruntukan yang disediakan untuk melaksanakan program KAFA adalah tidak memuaskan kerana tiada peruntukan tambahan kelas semenjak tahun 2002.

2.5.2 Prestasi Penyelia KAFA

Penyelia KAFA terdiri daripada penyelia sepenuh masa dan penyelia sambilan. Penyelia sepenuh masa adalah penyelia yang dilantik khusus untuk mengawal selia perjalanan program KAFA dan tidak menyandang jawatan lain dalam jabatan atau agensi Kerajaan. Penyelia sambilan adalah penyelia yang dilantik untuk mengawal selia perjalanan program KAFA di samping menyandang jawatan dalam jabatan/agensi Kerajaan yang lain.

a) Penyelia Tidak Dapat Menjalankan Tugas Penyeliaan Sepenuhnya

Bagi memastikan program KAFA berjalan dengan lancar, pihak JAKIM telah menetapkan tugas-tugas utama penyelia yang perlu dilaksanakan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, tugas-tugas tersebut adalah seperti berikut:

- i) Menyelaras dan menyelia aktiviti KAFA di peringkat daerah atau negeri.
- ii) Melakukan penyeliaan khas kepada setiap guru sekurang-kurangnya enam bulan sekali.

- iii) Menjadi pegawai perhubungan di peringkat daerah di antara Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Sekolah/Kelas dengan Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri.
- iv) Memastikan guru KAFA mengikuti kursus, bengkel, seminar, ijtimak dan bimbingan yang dianjurkan oleh JAKIM atau agensi yang bertanggungjawab.
- v) Menyedia dan mengemaskinkan laporan aktiviti dan maklumat KAFA serta mengemukakannya kepada JAIP sebulan sekali dan satu salinan dihantar kepada JAKIM.
- vi) Memantau dan mengesahkan Buku Kedatangan Guru (BKG) bagi mengelak pembayaran elaun kepada guru yang tidak hadir sebelum 20 hari bulan setiap bulan supaya penerusan atau penyekatan elaun dapat dilakukan mengikut Borang E Jadual Pertama.

Semakan Audit mendapati selain menjalankan tugas penyeliaan, ada penyelia yang menjalankan tugas pentadbiran dan kewangan. Berdasarkan temu bual dengan penyelia berkenaan, pihak Audit dimaklumkan bahawa lebih dari separuh masa mereka bekerja adalah untuk melaksanakan tugas pentadbiran dan kewangan. Keadaan ini berlaku kerana tiada jawatan Pembantu Tadbir untuk melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan kewangan KAFA. Kesan daripada ini, penyelia berkenaan tidak dapat melaksanakan tugas utama mereka bagi menyelia kelas dan guru KAFA dengan berkesan. *Maklum balas daripada pihak JAIP mengesahkan bahawa penyelia berkenaan terpaksa menjalankan tugas tersebut walaupun tidak terlatih kerana ketiadaan Pembantu Tadbir untuk melakukan urusan pentadbiran dan kewangan.*

Pada pendapat Audit, peranan dan tanggung jawab penyelia tidak memuaskan kerana penyelia tidak dapat menumpukan sepenuhnya kepada tugas utama.

b) Perancangan Dan Rekod Penyeliaan

Garis panduan yang dikeluarkan oleh JAKIM menetapkan bahawa setiap penyelia perlu melakukan penyeliaan khas kepada setiap guru sekurang-kurangnya enam bulan sekali. Selain itu, penyelia juga perlu memantau dan mengesahkan Buku Kedatangan Guru. Bagi membolehkan aktiviti penyeliaan dijalankan dengan cekap dan teratur, ia perlu dirancang dengan menyediakan jadual lawatan dan setiap lawatan hendaklah direkodkan.

- i) **Jadual Lawatan Penyeliaan Tidak Disediakan** - Semakan Audit mendapati penyelia tidak menyediakan jadual lawatan bagi merancang aktiviti penyeliaan bulanan dan tahunan. Jadual lawatan adalah penting bagi menentukan setiap penyelia telah membuat perancangan untuk memastikan setiap sekolah dilawati sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. Selain itu, perancangan penyeliaan juga akan memastikan proses penyeliaan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan teratur. Oleh kerana perancangan penyeliaan tidak dibuat, maka aktiviti penyeliaan tidak dijalankan secara terancang dan berjadual.

- ii) **Rekod Lawatan Tidak Diselenggarakan** - Semakan Audit mendapati rekod lawatan tidak disediakan oleh penyelia bagi merekod setiap lawatan penyelia. Penyediaan rekod lawatan adalah penting bagi menyimpan semua maklumat berkaitan aktiviti penyeliaan. Di samping itu, rekod ini juga adalah sebagai bukti lawatan Penyelia telah dijalankan. Oleh kerana rekod tersebut tidak disediakan, pihak Audit tidak dapat menentukan kekerapan penyeliaan yang telah dijalankan oleh setiap penyelia. *Maklum balas daripada pihak JAIP menyatakan bahawa rekod lawatan bagi penyelia di tiga daerah yang dilawati tidak disediakan. Bagaimanapun, pada tahun 2008 pihak JAKIM telah memperkenal dan menyediakan Laporan Pemeriksaan Penaziran KAFA untuk menilai perancangan dan juga meneliti rekod penyeliaan.*

Pada pendapat Audit, pengurusan perancangan penyeliaan dan rekod penyeliaan adalah tidak memuaskan kerana jadual lawatan dan rekod lawatan tidak disediakan.

c) **Tiada Peruntukan Khusus Bagi Kursus/Latihan Penyelia**

Bagi meningkatkan pengetahuan penyelia yang terlibat dengan program KAFA, kursus/latihan adalah amat penting terutamanya untuk mendedahkan penyelia kepada tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Dengan adanya kursus/latihan yang bersesuaian, proses penyeliaan dan pemantauan terhadap perjalanan program KAFA akan lebih berkesan. Peruntukan khusus bagi tujuan latihan adalah penting bagi memastikan semua perancangan latihan dapat dilaksanakan dengan baik. Semakan Audit mendapati JAKIM hanya menyediakan peruntukan elaun bulanan penyelia dan elaun perjalanan sahaja. Kursus/latihan kepada penyelia hanya dapat dilaksanakan sekiranya mendapat sumbangan daripada pihak tertentu seperti Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Keadaan ini mengakibatkan terdapat penyelia kurang terlatih dan kurang mahir dalam menjalankan tugas mereka sebagai penyelia. *Bagaimanapun, maklum balas daripada pihak JAIP menyatakan bahawa peruntukan sejumlah RM144,000 bagi tujuan kursus/latihan telah diberi oleh pihak JAKIM mulai tahun 2009.*

Pada pendapat Audit, program kursus/latihan adalah tidak memuaskan kerana tiada peruntukan khusus disediakan.

d) **Peruntukan Elaun Perjalanan Penyelia Tidak Mencukupi**

Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, tugas penyelia adalah untuk menyelaras dan menyelia aktiviti KAFA di peringkat daerah atau negeri dan melakukan penyeliaan khas kepada setiap guru sekurang-kurangnya enam bulan sekali. Bagi maksud tersebut, pihak JAKIM telah menetapkan kadar elaun perjalanan penyelia seperti berikut:

- i) **Penyelia Sepenuh Masa** - Setiap penyelia dibenarkan membuat tuntutan elaun perjalanan sejumlah RM250 sebulan. Dalam keadaan tertentu, tuntutan elaun perjalanan dibenarkan sehingga maksimum RM450 sebulan tetapi tidak melebihi RM3,000 setahun. Perkiraan kadar tuntutan elaun perjalanan adalah mengikut kadar Kelas C atau tambang sebenar berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

- ii) **Penyelia Sambilan** - Penyelia Sambilan hanya boleh menuntut tuntutan elaun perjalanan mengikut kadar kelayakan masing-masing dengan maksimum RM250 sebulan dan dalam keadaan tertentu dibenarkan sehingga maksimum RM450 sebulan tetapi tidak melebihi RM3,000 setahun.

Semakan Audit terhadap rekod tuntutan elaun perjalanan penyelia mendapati peruntukan bagi 10 daripada 21 penyelia telah habis digunakan antara bulan Julai hingga Oktober 2008. Keadaan ini berlaku disebabkan kawasan yang perlu diselia oleh penyelia berkenaan adalah banyak dan jauh menyebabkan jumlah tuntutan elaun perjalanan pada setiap bulan adalah tinggi. Kekurangan peruntukan ini mengakibatkan penyelia melakukan tugas penyeliaan tanpa dibayar elaun tuntutan oleh pihak JAIP. Selain itu, peruntukan elaun perjalanan bulanan yang tidak mencukupi juga menyebabkan sesetengah penyelia tidak menjalankan tugas penyeliaan. Keadaan ini telah menjelaskan pemantauan kelas dan guru KAFA.

Pada pendapat Audit, peruntukan elaun perjalanan yang diperuntukkan kepada Penyelia adalah tidak memuaskan kerana jumlah tersebut tidak mencukupi bagi membolehkan tugas penyeliaan dijalankan dengan sempurna dan menyeluruh.

e) **Kekerapan Peletakan Jawatan Penyelia**

Bagi memastikan pelaksanaan program KAFA berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan, jawatan penyelia KAFA telah diwujudkan. Ia bertujuan untuk memantau pelaksanaan KAFA dan merupakan penyelaras bagi semua aktiviti KAFA di peringkat negeri/daerah. Berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh JAKIM, taraf jawatan penyelia KAFA adalah tidak tetap dan dibayar elaun bulanan sejumlah RM750 sahaja. Semakan Audit mendapati pada tahun 2008, seramai 13 atau 54.2% daripada 24 orang penyelia KAFA telah meletak jawatan.

Keadaan ini disebabkan taraf jawatan penyelia yang tidak tetap dan kadar elaun bulanan yang rendah. Ia mengakibatkan proses penyeliaan kelas KAFA terganggu kerana proses lantikan penyelia baru bagi menggantikan penyelia yang meletak jawatan mengambil masa yang lama. Selain itu, penyelia yang baru dilantik juga memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan tugas penyeliaan. *Maklum balas daripada pihak JAIP menyatakan JAKIM memaklumkan bahawa penyelia KAFA akan dilantik secara kontrak mulai tahun 2010.*

Pada pendapat Audit, kekerapan peletakan jawatan penyelia boleh menjelaskan kerja-kerja penyeliaan guru.

2.5.3 Prestasi Guru KAFA

Guru KAFA terdiri daripada guru KAFA sepenuh masa, guru KAFA sambilan dan guru KAFA integrasi. Guru KAFA sepenuh masa adalah guru yang dilantik untuk mengajar KAFA dan tidak menyandang jawatan lain dalam Kerajaan. Guru KAFA sambilan adalah guru yang dilantik untuk mengajar KAFA dan pada masa yang sama menyandang jawatan dalam jabatan/agensi Kerajaan yang lain. Guru KAFA integrasi adalah guru yang dilantik untuk

mengajar kelas yang diintegrasikan dengan SAR atau SAN dengan melaksanakan penggabungan kurikulum, buku sumber, peperiksaan dan persijilan yang disediakan oleh Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI). Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak JAIP menunjukkan jumlah guru yang dilantik adalah mencukupi iaitu dengan nisbah 1:27.

a) Syarat Pelantikan Guru Tidak Dipatuhi

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, jawatan guru boleh diwujudkan apabila terdapat tidak kurang daripada 25 orang murid bagi setiap kelas kecuali bagi kawasan-kawasan tertentu tidak kurang daripada 15 orang murid. Permohonan jawatan guru hendaklah dikemukakan kepada JAIP dan syarat kelayakan pemohon adalah seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia.
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun.
- iii) Sihat tubuh badan dan disahkan oleh Pegawai Perubatan.
- iv) Lulus SPM dengan Kepujian Bahasa Melayu, Pendidikan Islam atau lulus Pengajian Syariah Islamiah atau Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah dan lulus Bahasa Arab Tinggi atau kepujian Bahasa Arab Komunikasi atau yang setaraf dengannya.
- v) Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam Al-Quran, Fardu Ain dan Tulisan Jawi.

Pemilihan guru hendaklah dibuat melalui ujian bertulis pada peringkat pertama dan temu duga pada peringkat kedua. Pengarah JAIP hendaklah melantik guru berdasarkan perakuan tersebut. Surat Tawaran Guru seperti dalam Jadual Keempat dan Perjanjian Pelantikan Guru dan syarat-syarat perkhidmatannya seperti dalam Jadual Kelima Garis Panduan Pelaksanaan KAFA hendaklah dikeluarkan oleh JAIP.

Semakan Audit terhadap 90 fail dan rekod guru mendapati kesemua guru berkenaan tidak mengemukakan Laporan Perubatan dan 52 orang guru tidak mengemukakan salinan sijil akademik. Manakala tujuh orang guru di Daerah Rompin tidak memenuhi syarat kelayakan akademik berdasarkan sijil akademik yang dikemukakan seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Guru Yang Tidak Mengemukakan Laporan Perubatan, Salinan Sijil Akademik
Dan Tidak Memenuhi Syarat Minimum Lantikan

Daerah	Laporan Perubatan Tidak Dikemukakan	Sijil Akademik Tidak Disertakan	Syarat Minimum Tidak Dipatuhi
Kuantan	19	13	-
Jerantut	35	16	-
Rompin	36	23	7
Jumlah	90	52	7

Sumber: Jabatan Agama Islam Pahang

Keadaan ini berlaku disebabkan format borang permohonan guru (RKQFA-1) yang disediakan oleh JAIP tidak komprehensif iaitu tiada ruangan untuk mengisi maklumat serta butiran tertentu yang menjadi syarat permohonan. Selain itu, JAIP tidak membuat saringan awal bagi memastikan syarat kelayakan telah dipenuhi serta tidak mewajibkan

setiap guru yang berjaya mengemukakan Laporan Perubatan sebagai syarat pelantikan. Perkara ini boleh menjelaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran. *Maklum balas daripada pihak JAIP menyatakan ujian saringan secara bertulis dan temu duga ada dibuat. Bagaimanapun, rekod tidak dikemaskinikan dan disimpan dalam fail peribadi guru berkenaan.* Atas saranan Audit, pihak JAIP memaklumkan syarat minimum pelantikan guru KAFA akan dikaji semula kerana kebanyakan daripada mereka tidak memenuhi syarat. Pihak JAIP akan mengemukakan cadangan kepada JAKIM bagi meminda syarat-syarat lantikan.

Pada pendapat Audit, proses pelantikan guru KAFA adalah tidak memuaskan kerana syarat pelantikan guru tidak dipatuhi.

b) Perjanjian Pelantikan Guru KAFA Tidak Disediakan

Pelantikan guru KAFA perlu dibuat oleh JAIP melalui Surat Tawaran dan setiap guru yang bersetuju untuk menerima jawatan yang ditawarkan hendaklah mengisi dan menandatangani surat perjanjian pelantikan. Semakan Audit mendapati surat perjanjian tidak disediakan oleh JAIP sebagaimana ditetapkan dalam garis panduan JAKIM. Berdasarkan temu bual dengan pihak JAIP, pihak Audit dimaklumkan Surat Perjanjian Pelantikan tersebut tidak disediakan kerana taraf jawatan guru KAFA adalah sementara dan kadar tukar ganti guru KAFA yang tinggi. Perkara ini menyebabkan guru KAFA yang dilantik tidak terikat dengan undang-undang terhadap terma-terma lantikan dan membolehkan mereka berhenti atau meninggalkan perkhidmatan tanpa mengikut prosedur seperti tidak mengemukakan notis berhenti dan sebagainya. Keadaan ini telah menjelaskan pelaksanaan program KAFA kerana pengajaran dan pembelajaran yang sering terganggu. *Maklum balas daripada pihak JAIP menyatakan perjanjian pelantikan akan disediakan bagi guru KAFA yang masih lagi berkhidmat.*

Pada pendapat Audit, perjanjian pelantikan guru adalah tidak memuaskan kerana Surat Perjanjian tidak disediakan sebagaimana yang ditetapkan oleh JAKIM.

c) Guru Yang Tidak Hadir Bertugas Tidak Disokong Dengan Sijil Cuti Sakit

Jumlah waktu bertugas rasmi guru KAFA ialah enam jam seminggu atau 24 jam sebulan dengan mengambil kira cuti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Bagaimanapun, ia tertakluk kepada kadar masa yang ditetapkan oleh JAKIM dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Selain itu, kelayakan cuti sakit guru ialah 15 hari setahun dengan disertakan sijil pengesahan sakit daripada Pegawai Perubatan. Semakan Audit mendapati guru KAFA telah melaksanakan tugas mereka sebagaimana yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati ada guru KAFA yang tidak hadir bertugas kerana cuti sakit tetapi tidak disokong dengan sijil pengesahan sakit oleh Pegawai Perubatan. Keadaan ini berlaku kerana kelemahan pemantauan oleh penyelia daerah. Keadaan ini mengakibatkan kebenaran cuti sakit disalahgunakan oleh guru kerana tidak disokong dengan dokumen yang sah.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kehadiran guru adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat guru yang tidak hadir bertugas kerana sakit tetapi tidak mengemukakan Sijil Cuti Sakit.

d) Tiada Peruntukan Khusus Bagi Kursus/Latihan Guru

Bagi meningkatkan pengetahuan guru yang terlibat dengan program KAFA, kursus/latihan adalah amat penting terutamanya untuk meningkatkan kemahiran mengajar. Memandangkan guru yang dilantik tidak disyaratkan mempunyai pengalaman mengajar atau memiliki sijil perguruan yang diiktiraf, adalah penting bagi pihak JAIP untuk memastikan guru yang dilantik telah diberikan kursus pengajaran dan pembelajaran yang sewajarnya. Ia penting bagi memastikan guru berkenaan boleh mengajar dengan berkesan. Oleh itu, peruntukan khusus bagi tujuan tersebut adalah amat penting bagi memastikan proses peningkatan kemahiran guru dapat dilaksanakan secara berterusan. Selain itu, pihak Audit juga difahamkan bahawa tiada latihan secara formal bagi melatih guru-guru yang dilantik berhubung kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Akibatnya guru kurang terlatih dan kurang terdedah kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran terkini. Bagaimanapun, kursus/latihan yang berkaitan mata pelajaran yang diajar oleh guru berkenaan ada dilaksanakan apabila pihak sekolah mendapat sumbangan daripada pihak tertentu seperti MUIP dan Persatuan Guru-Guru KAFA Negeri Pahang atau melalui peruntukan sekolah itu sendiri. Sebagai perbandingan, pihak Audit mendapati setiap guru j-QAF yang dilantik mempunyai kelayakan minimum Ijazah Pengajian Islam dan mereka juga diwajibkan untuk menghadiri kursus pengajaran dan pembelajaran. Kursus tersebut akan dijalankan pada setiap cuti penggal persekolahan oleh pihak maktab perguruan dalam tempoh satu setengah tahun. Peruntukan bagi kursus/latihan guru j-QAF adalah disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pada pendapat Audit, program kursus/latihan adalah tidak memuaskan kerana tiada peruntukan khusus disediakan terutama bagi tujuan latihan pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan j-QAF.

2.5.4 Prestasi Murid

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, murid hendaklah berumur antara tujuh hingga 12 tahun. Bagi mata pelajaran Al-Quran, murid-murid hendaklah seboleh-bolehnya ditempatkan dalam satu kelas mengikut tahap kemampuan mereka membaca Al-Quran. Murid-murid yang sama umurnya hendaklah diletakkan dalam kelas yang sama kecuali bagi murid-murid lemah dan bermasalah boleh ditempatkan dalam kelas khas yang sesuai.

a) Bilangan Murid Bagi Setiap Kelas Kurang Daripada 15 Orang

Garis Panduan Penubuhan KAFA yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM menetapkan jumlah murid bagi setiap kelas hendaklah tidak kurang daripada 25 orang kecuali bagi kawasan-kawasan tertentu tidak kurang daripada 15 orang. Memandangkan keadaan kelas yang terhad, JAKIM turut menetapkan bahawa keutamaan pengambilan perlu diberikan terhadap murid-murid yang lemah dari segi penguasaan Al-Quran dan Fardu Ain. Semakan Audit mendapati daripada 101 kelas di 15 sekolah KAFA yang dilawati,

terdapat lapan kelas KAFA di Daerah Kuantan mempunyai bilangan murid kurang daripada 15 orang iaitu masing-masing satu kelas di SAR KAFA Al-Hikmah, Kubang Ikan dan tujuh kelas di KAFA An-Nadwah Masjid Negeri seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Kelas Yang Mengandungi Kurang Daripada 15 Orang Murid

Bil.	Sekolah	Kelas	Bilangan Murid
1.	SAR KAFA Al-Hikmah, Kuantan	Darjah 3	14
2.	KAFA An-Nadwah, Kuantan	Darjah 1A	7
3.	KAFA An-Nadwah, Kuantan	Darjah 2A	10
4.	KAFA An-Nadwah, Kuantan	Darjah 2B	10
5.	KAFA An-Nadwah, Kuantan	Darjah 2C	11
6.	KAFA An-Nadwah, Kuantan	Darjah 3A	13
7.	KAFA An-Nadwah, Kuantan	Darjah 3B	10
8.	KAFA An-Nadwah, Kuantan	Darjah 3C	9

Sumber: Rekod Sekolah

Contoh kelas KAFA yang kekurangan murid adalah seperti di **Foto 2.1** dan **Foto 2.2**.

Foto 2.1

Kelas KAFA Yang Kurang Murid



Foto 2.2



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 13 Februari 2009

Lokasi: KAFA An-Nadwah Masjid Negeri, Kuantan

Keadaan ini berlaku adalah disebabkan kekurangan murid di kawasan berkenaan dan perubahan sesi persekolahan daripada dua sesi kepada satu sesi. Hal ini mengakibatkan guru tidak digunakan secara optimum kerana bilangan murid yang diajar adalah terlalu sedikit. *Maklum balas daripada pihak JAIP menyatakan bahawa kelas KAFA yang mempunyai kurang murid diteruskan juga kerana permintaan daripada penduduk setempat. Bagi sesetengah tempat, bilangan murid yang menghadiri kelas KAFA hanya 10% daripada jumlah murid di sebelah pagi kerana kelas KAFA tidak diwajibkan.*

Pada pendapat Audit, jumlah bilangan murid adalah memuaskan kerana sebahagian besar kelas mempunyai bilangan murid yang mencukupi.

b) Pelaksanaan Ujian Penilaian Kelas KAFA Belum Menyeluruh

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, ujian bulanan dan tahunan hendaklah diadakan dan diselaraskan oleh JAIP dengan kerjasama JAKIM. Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) hendaklah diadakan pada Tahun Lima kecuali bagi kes-kes tertentu boleh

diadakan pada Tahun Enam. Kertas ujian dan skema pemarkahan UPKK hendaklah disediakan oleh Panel JAKIM dan hendaklah diguna pakai oleh JAIP. Sijil UPKK hendaklah dikeluarkan oleh JAKIM dan murid yang berjaya dalam UPKK layak menerima sijil. Semakan Audit mendapati pada tahun 2008 hanya 71 atau 47.7% daripada 149 buah sekolah di Daerah Kuantan, Jerantut dan Rompin yang mengambil UPKK. Keadaan ini menunjukkan UPKK tidak dilaksanakan secara menyeluruh di semua kelas KAFA. Ia berlaku disebabkan JAKIM tidak mewajibkan semua kelas KAFA mengambil UPKK. Walaupun sebahagian besar kelas KAFA ada melaksanakan ujian tahunan, UPKK adalah amat penting untuk mengukur pencapaian murid memandangkan ia adalah penilaian pada tahun akhir bagi setiap murid. Keputusan UPKK juga boleh dijadikan penanda aras sama ada objektif program KAFA telah tercapai atau sebaliknya.

Pada pendapat Audit, penilaian KAFA adalah tidak memuaskan kerana UPKK tidak diwajibkan kepada semua murid untuk mengukur tahap pencapaian setiap murid dan keberkesanan program KAFA.

c) Kurikulum Kelas KAFA

Semua kelas termasuk kelas yang diintegrasikan dengan SAR dan SAN hendaklah menggunakan pakai kurikulum KAFA yang disediakan oleh JAKIM. Pembelajaran KAFA haruslah menekankan kepada latihan amali fardu ain, bacaan Al-Quran, asas Bahasa Arab dan asas tulisan jawi. Ia merangkumi mata pelajaran tilawah Al-Quran, hafazan Al-Quran, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, Bahasa Arab serta pelajaran Seni Khat. KAFA hendaklah menggunakan buku sumber yang diluluskan oleh JAKIM. Bahan bantu belajar yang sesuai juga boleh digunakan di KAFA dan pembeliannya adalah dengan menggunakan yuran yang dikutip daripada murid-murid. Semakan Audit mendapati semua kelas KAFA yang beroperasi di Negeri Pahang telah mengguna pakai sepenuhnya kurikulum yang telah ditetapkan oleh JAKIM.

Berdasarkan perbandingan kurikulum dengan pelaksanaan program j-QAF, pihak Audit mendapati bahawa tiada perbezaan yang ketara di antara kedua-duanya. Kurikulum kelas j-QAF yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia turut menekankan kepada mata pelajaran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain di samping memastikan murid dapat khatam Al-Quran pada Tahun Enam sekolah rendah. Selain itu, kelas j-QAF turut mengutamakan penguasaan tulisan Jawi, mendidik murid untuk menghayati amalan fardu ain dan membolehkan mereka berkomunikasi dengan perkataan-perkataan Bahasa Arab yang mudah.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kurikulum di semua sekolah/kelas KAFA adalah baik kerana telah mengambil kira kurikulum yang telah ditetapkan oleh JAKIM.

2.5.5 Infrastruktur Dan Kemudahan Asas

Bagi memastikan program KAFA dapat berjalan dengan baik, bangunan yang dijadikan sebagai premis sekolah/kelas perlulah selamat untuk digunakan dan mempunyai kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Selain itu, kawasan pembelajaran juga perlu disediakan dengan kemudahan asas yang mencukupi serta bilik darjah dilengkapi dengan

alat pembelajaran yang baik. Semakan Audit mendapati kebanyakkan infrastruktur dan kemudahan asas di sekolah KAFA terutama SAR KAFA adalah dalam keadaan serba kekurangan dan tidak selesa. Lawatan Audit ke SAR KAFA Al-Hikmah, Kuantan dan KAFA SK Pulau Mansok, Jerantut mendapati kerusi dan meja murid yang digunakan adalah tidak sempurna dan bersesuaian seperti di **Foto 2.3** dan **Foto 2.4**.

Foto 2.3

Peralatan Kerusi Dan Meja Yang Tidak Selesa



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 9 Oktober 2008

Lokasi: SAR KAFA Al-Hikmah, Kuantan

Foto 2.4



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 4 November 2008

Lokasi: KAFA SK Pulau Mansok, Jerantut

Keadaan ini telah menyebabkan murid terpaksa belajar dalam keadaan yang tidak selesa. Selain itu, pihak Audit juga mendapati kemudahan kelas di SAR KAFA Al-Hikmah tidak sempurna kerana hanya *partition* digunakan bagi memisahkan antara kelas seperti di **Foto 2.5**.

Foto 2.5

**Keadaan Kelas Yang Tidak Sempurna
Kerana Hanya Dipisahkan Dengan Partition**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 9 Oktober 2008

Lokasi: SAR KAFA Al-Hikmah, Kuantan

Selain itu, lawatan Audit ke SAR KAFA Al-Hikmah dan SAR KAFA Al-Munawwarah di Kuantan mendapati sekolah berkenaan tidak mempunyai kemudahan kantin yang selesa seperti di **Foto 2.6** dan **Foto 2.7**.

Foto 2.6
Sekolah Yang Tidak Mempunya Kemudahan Kantin Yang Selesa



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 9 Oktober 2008
Lokasi: SAR KAFA Al-Hikmah, Kuantan*

Foto 2.7



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 15 Oktober 2008
Lokasi: SAR KAFA Al-Munawwarah, Kuantan*

Manakala, lawatan Audit ke SAR KAFA Sg. Meranti, Rompin mendapati kemudahan tandas yang kurang sempurna seperti di **Foto 2.8**.

Foto 2.8
Tandas Yang Tidak Sempurna Dan Kotor



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 23 Oktober 2008
Lokasi: SAR KAFA Sg. Meranti, Rompin*

Berdasarkan temu bual dengan guru KAFA di sekolah yang dilawati, keadaan ini adalah disebabkan pihak sekolah tidak mempunyai peruntukan kewangan untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas yang baik. Akibatnya, wujud suasana pembelajaran yang tidak selesa di sekolah/kelas berkenaan yang mana telah menjelaskan tumpuan dan pencapaian murid dalam pembelajaran. *Maklum balas daripada pihak JAIP menyatakan penyediaan pembelajaran kelas KAFA adalah tanggungjawab pihak sekolah. Peruntukan*

daripada Kementerian Pelajaran untuk membina kelas-kelas KAFA ini boleh diberi jika pihak sekolah mempunyai tapak. Bagi kelas-kelas yang tidak mempunyai tapak baru, mereka hendaklah menggunakan bangunan sedia ada.

Pada pendapat Audit, kemudahan yang disediakan adalah tidak memuaskan kerana tidak sempurna dan selesa.

2.5.6 Fail Peribadi Penyelia Dan Guru Tidak Lengkap

Pengurusan rekod dan maklumat yang baik membolehkan maklumat mudah diperoleh, memudahkan perancangan dan pemantauan program KAFA oleh pihak pengurusan. Oleh yang demikian, sistem pengurusan rekod dan maklumat yang teratur dan berkesan perlu dilaksanakan dan menempatkan kakitangan khusus untuk menguruskannya. Semakan Audit mendapati pengurusan fail dan rekod pengurusan program KAFA adalah memuaskan kecuali pengurusan fail-fail peribadi penyelia dan guru di JAIP tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar maklumat lengkap berkaitan penyelia dan guru tidak dapat diperoleh.

Pada pendapat Audit, pengurusan fail dan rekod adalah memuaskan kecuali pengurusan fail peribadi penyelia dan guru tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

2.5.7 Analisis Maklum Balas Penyelia, Guru Dan Ibu Bapa

Pihak Audit telah mengedar soal selidik kepada penyelia, guru dan ibu bapa bagi mendapatkan maklum balas mengenai pelaksanaan program KAFA. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 23 penyelia, 91 guru dan 291 ibu bapa. Daripada jumlah tersebut, pihak Audit hanya menerima maklum balas daripada 12 penyelia, 90 guru dan 196 ibu bapa. Analisis daripada soal selidik tersebut, didapati 9 atau 75% penyelia dan 67 atau 74% guru berpendapat bahawa jumlah elauan yang diterima adalah tidak mencukupi. Selain itu, 11 atau 92% penyelia dan 66 atau 73% guru berpendapat bahawa tempat bekerja mereka adalah selesa. Pihak Audit juga mendapati 3 atau 25% penyelia dan 27 atau 30% guru yang tidak pernah menghadiri sebarang kursus seperti di **Jadual 2.5** dan **Jadual 2.6**.

Jadual 2.5
Maklum Balas Penyelia

Bil.	Perkara	Penyelia								
		Bil. Penyelia	C	TC	S	TS	H	TH	TM	
1.	Elaun	12	2	9	-	-	-	-	1	
2.	Tempat Kerja	12	-	-	11	1	-	-	-	
3.	Latihan	12	-	-	-	-	8	3	1	

Sumber: Maklum Balas Soal Selidik

Nota: C: Mencukupi H: Pernah Menghadiri Kursus
 TC: Tidak Mencukupi TH: Tidak Pernah Menghadiri Kursus
 S: Selesa TM: Tiada Maklumat
 TS: Tidak Selesa

Jadual 2.6
Maklum Balas Guru

Bil.	Perkara	Guru							
		Bil. Guru	C	TC	S	TS	H	TH	TM
1.	Elaun	90	21	67	-	-	-	-	2
2.	Tempat Kerja	90	-	-	66	20	-	-	4
3.	Latihan	90	-	-	-	-	63	27	-

Sumber: Maklum Balas Soal Selidik

Nota: C: Mencukupi H: Pernah Menghadiri Kursus
TC: Tidak Mencukupi TH: Tidak Pernah Menghadiri Kursus
S: Selesa TM: Tiada Maklumat
TS: Tidak Selesa

Pada pendapat Audit, kadar elauan yang diterima oleh penyelia dan guru adalah tidak memuaskan kerana kebanyakan penyelia dan guru berpendapat elauan KAFA yang diterima adalah tidak mencukupi.

Manakala 196 soal selidik yang diterima daripada ibu bapa mendapati 64 atau 32% ibu bapa menyatakan anak-anak mereka kurang lancar membaca Al-Quran sebelum mengikuti KAFA. Selain itu, 63 atau 32% ibu bapa menyatakan bahawa anak mereka kurang memahami perkara asas fardu ain dan 80 atau 40% ibu bapa menyatakan bahawa anak mereka kurang memuaskan dalam penguasaan penulisan jawi. Analisis maklum balas ibu bapa terhadap pencapaian anak sebelum menghadiri kelas KAFA adalah seperti di Jadual 2.7.

Jadual 2.7
Maklum Balas Ibu bapa Terhadap Pencapaian Anak Sebelum Menghadiri Kelas KAFA

Bil.	Perkara	Ibu bapa						
		Bil. Ibu Bapa	L	S	KL	M	KM	TM
1.	Bacaan Al-Quran	196	17	107	64	-	-	8
2.	Kefahaman Fardu Ain	196	-	116	-	9	63	8
3.	Penulisan Jawi	196	-	99	-	7	80	10

Sumber: Maklum Balas Soal Selidik

Nota: L: Lancar KL: Kurang Lancar KM: Kurang Memuaskan
S: Sederhana M: Memuaskan TM: Tiada Maklumat

Bagaimanapun, selepas menghadiri program KAFA, kesemua murid telah menunjukkan peningkatan ketara di mana hanya seorang ibu bapa atau 0.5% sahaja yang menyatakan anak mereka masih kurang memuaskan dari segi kelancaran pembacaan Al-Quran, pemahaman perkara asas fardu ain dan penguasaan penulisan jawi seperti di Jadual 2.8.

Jadual 2.8
Maklum Balas Ibu bapa Terhadap Pencapaian Anak Selepas Menghadiri Kelas KAFA

Bil.	Perkara	Ibu bapa						
		Bil. Ibu Bapa	L	S	KL	M	KM	TM
1.	Bacaan Al-Quran	196	122	65	1	-	-	8
2.	Kefahaman Fardu Ain	196	-	50	-	137	1	8
3.	Penulisan Jawi	196	-	60	-	126	1	9

Sumber: Maklum Balas Soal Selidik

Nota: L: Lancar KL: Kurang Lancar KM: Kurang Memuaskan
S: Sederhana M: Memuaskan TM: Tiada Maklumat

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program KAFA adalah baik kerana sebahagian besar ibu bapa berpendapat bahawa kewujudan program KAFA telah memberikan peningkatan pengetahuan agama yang ketara kepada anak-anak mereka.

2.5.8 Pemantauan

Bagi memastikan program KAFA berjalan dengan lancar, pihak JAKIM telah mewujudkan mekanisme pemantauan di peringkat negeri dan sekolah. Di peringkat negeri, pelaksanaan program KAFA akan dipantau oleh Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri manakala di peringkat sekolah pula akan dipantau oleh Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Sekolah/Kelas.

a) Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri Tidak Diadakan

Garis panduan JAKIM menetapkan Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri perlu ditubuhkan dan perlu mengadakan mesyuarat. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri telah ditubuhkan sebagaimana yang ditetapkan dalam garis panduan JAKIM. Pihak Audit dimaklumkan pada tahun 2006 dan 2007 mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri tidak diadakan. Manakala, pada tahun 2008 Jawatankuasa tersebut hanya bermesyuarat sekali sahaja.

b) Jawatankuasa Pelaksana KAFA Di Peringkat Sekolah

Garis panduan JAKIM menetapkan Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Sekolah/Kelas perlu ditubuhkan dan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Semakan Audit terhadap Jawatankuasa tersebut di 15 buah sekolah/kelas yang dilawati mendapati perkara seperti berikut:

- i) Dua buah sekolah/kelas tidak mempunyai Jawatankuasa Pelaksana KAFA iaitu SAR Al-Hikmah Kg. Kubang Ikan, Kuantan dan KAFA Surau Kampung Sepakat, Rompin.
- ii) Penubuhan Jawatankuasa Pelaksana KAFA di dua buah sekolah tidak mematuhi garis panduan JAKIM iaitu di KAFA Sekolah Kebangsaan Cenderawasih, Kuantan dan KAFA Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Rompin.
- iii) Jawatankuasa Pelaksana KAFA bagi tujuh buah sekolah/kelas tidak mengadakan mesyuarat seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Sekolah Yang Tidak Mengadakan Mesyuarat
Jawatankuasa Pelaksana KAFA

Bil.	Nama Sekolah
1.	KAFA Sekolah Kebangsaan Cenderawasih, Kuantan.
2.	KAFA Sekolah Kebangsaan Kampung Kolam, Rompin.
3.	KAFA Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Rompin.
4.	KAFA Tadika Islam Daerah Jerantut.
5.	KAFA Balai Raya Mat Kilau, Jerantut.
6.	KAFA Sekolah Kebangsaan Pulau Mansok, Jerantut.
7.	SAR Felda Sungai Retang, Jerantut.

Sumber: Rekod Sekolah KAFA

Pada pendapat Audit, pemantauan Jawatankuasa Pelaksana Peringkat Negeri dan Peringkat Sekolah/Kelas adalah tidak memuaskan kerana jawatankuasa tidak pernah bermesyuarat.

2.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya tahap pelaksanaan Program KAFA di Negeri Pahang adalah tidak memuaskan disebabkan oleh kekurangan peruntukan kewangan, infrastruktur yang kurang sempurna, status jawatan penyelia/guru tidak tetap dan elaun yang rendah, tiada perjawatan khusus untuk kerja-kerja pentadbiran dan kewangan, penilaian murid tidak menyeluruh, tidak mematuhi sepenuhnya garis panduan JAKIM serta kurang pemantauan. Bagi penambahbaikan pelaksanaan program KAFA, pihak Audit mengesyorkan langkah-langkah seperti berikut:

- a) JAIP perlu mematuhi semua garis panduan pelaksanaan program KAFA yang telah di keluarkan oleh JAKIM.
- b) JAKIM perlu menambah jumlah peruntukan kewangan bagi membolehkan program KAFA dapat dilaksanakan dengan menyeluruh, lancar dan berkesan.
- c) JAKIM perlu mewajibkan murid menduduki UPKK bagi membolehkan tahap pencapaian murid diukur dengan lebih berkesan.
- d) JAKIM dan JAIP perlu meningkatkan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas di sekolah/kelas KAFA dan disediakan dengan sempurna bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa.
- e) Proses pemantauan pelaksanaan KAFA oleh JAKIM perlu dijalankan dengan terancang, teratur dan berkesan oleh pihak JAIP.
- f) JAKIM perlu mewujudkan jawatan Pembantu Tadbir untuk menguruskan hal ehwal kewangan dan pentadbiran KAFA di JAIP.
- g) KAFA hendaklah diperkasakan supaya setaraf dengan Program j-QAF.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

3. PENGURUSAN HUTAN DAN KEPENTINGANNYA KEPADA ALAM SEKITAR

3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Hutan merupakan salah satu anugerah Tuhan yang tidak ternilai. Kepentingan hutan terhadap kehidupan sejagat tidak boleh dinafikan. Namun, hari ini hutan telah semakin terancam. Penerokaan dan pencerobohan hutan telah meninggalkan impak negatif kepada alam sekitar dan kehidupan manusia. Kemusnahan hutan dan isu alam sekitar merupakan antara topik yang hangat diperbincangkan di negara ini. Di Malaysia, hutan diteroka untuk pelbagai tujuan seperti pembalakan bagi mendapatkan hasil daripada industri perkayuan. Hutan juga diteroka untuk tujuan pembangunan seperti perladangan, penempatan serta pembinaan kemudahan infrastruktur. Permintaan hasil hutan yang tinggi dan keperluan pembangunan kepada negara telah menimbulkan konflik antara meningkatkan hasil Kerajaan dan kualiti hidup masyarakat dengan tanggungjawab untuk mengekalkan kualiti alam sekitar. Fenomena ini menuntut usaha yang bersungguh-sungguh oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mengekal dan melindungi hutan yang sedia ada yang semakin terancam. Justeru itu, timbul persoalan sama ada wujud pengurusan perhutanan yang mampan di negara kita yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi kepada negara secara berterusan di samping berusaha untuk mengekalkan kestabilan ekologi alam sekitar.

3.1.2 Hutan Simpanan Kekal (HSK) diwujudkan untuk menjamin keseimbangan iklim, memelihara kesuburan tanah, membekal sumber air, memelihara flora dan fauna dan sebagainya. HSK dikelaskan kepada dua jenis iaitu Hutan Pengeluaran dan Hutan Perlindungan. Hutan Pengeluaran merupakan kawasan hutan yang produktif dan ekonomik untuk menghasilkan kayu balak atau kawasan yang berpotensi untuk dipulihkan semula untuk menghasilkan kayu balak secara berkekalan. Manakala Hutan Perlindungan adalah hutan yang berfungsi mengikut keperluan tertentu seperti Hutan Tadahan Air, Hutan Perlindungan Hidupan Liar, Hutan Kawalan Banjir dan sebagainya.


3.1.3 Negeri Pahang mempunyai keluasan tanah 3,596,585 hektar di mana 2,068,199.18 hektar atau 57.5% daripadanya merupakan kawasan berhutan. Daripada keluasan tersebut, seluas 1,562,496.20 hektar atau 43.4% hektar merupakan kawasan HSK. Manakala 105,962.98 hektar atau 2.9% adalah Tanah Kerajaan dan 399,740 hektar atau 11.1% merupakan Taman Negara/Suaka Hidupan Liar. Kawasan Tidak Berhutan pula adalah seluas 1,528,385.82 hektar atau 42.5%. Kedudukan kawasan berhutan di Negeri Pahang adalah seperti di **Jadual 3.1**, manakala **Peta 3.1** menunjukkan kedudukan kawasan Hutan Pengeluaran dan Hutan Perlindungan.

Jadual 3.1
Keluasan Kawasan Hutan Negeri Pahang

Kawasan	Keluasan (ha)	Peratus Keluasan (%)
Hutan Simpanan Kekal (HSK)	1,562,496.20	43.44
Kawasan Tidak Berhutan	1,528,385.82	42.50
Tanah Kerajaan (TK)	105,962.98	2.95
Taman Negara/Suaka Hidupan Liar	399,740.00	11.11
Jumlah Keluasan	3,596,585.00	100

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

Peta 3.1
**Kedudukan Kawasan Hutan Pengeluaran
 Dan Hutan Perlindungan Di Negeri Pahang**



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

3.1.4 Kawasan berhutan yang dipenuhi dengan kayu kayan ini menjadi sumber hasil untuk kepentingan ekonomi Negeri selain terdapat pelbagai jenis flora dan fauna yang berperanan untuk mengawal kestabilan alam sekitar. Pada tahun 2006, Negeri Pahang telah mengutip sejumlah RM90.16 juta hasil daripada sumber hutan melalui bayaran premium, royalti dan bayaran lain seperti lesen, permit dan denda kesalahan hutan. Manakala pada tahun 2007 pula sejumlah RM74.59 juta telah dikutip dan pada tahun 2008 sejumlah RM89.52 juta berjaya dikutip.

3.1.5 Menyedari bahawa sektor perhutanan merupakan sumber hasil utama yang boleh menjana kepada pendapatan berterusan, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah menyediakan satu rancangan perhutanan jangka panjang yang dinamakan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Pahang. Rancangan Pengurusan Hutan ini merupakan satu lembaran baru bagi Kerajaan Negeri Pahang dalam pengurusan hutan yang berdasarkan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan atau *Sustainable Forest Management (SFM)*. Konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan ini merupakan satu proses pengurusan hutan untuk mencapai objektif pengeluaran hasil secara berterusan tanpa menjelaskan nilai-nilai yang terdapat pada hutan itu sendiri dengan mengambil kira keseimbangan sistem ekologi dan kestabilan alam sekitar. JPNP telah diberi amanah untuk mentadbir, mengurus dan membangunkan semula hutan, terutamanya bagi kawasan HSK dengan keluasan yang mencukupi secara berkekalan, di samping bertanggungjawab bagi mengeluarkan lesen membalak, memungut hasil hutan dan mengawal hutan daripada diceroboh.

3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan hutan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan dengan mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar.

3.3 SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini tertumpu kepada pengurusan Hutan Simpanan Kekal yang melibatkan Hutan Pengeluaran dan Hutan Perlindungan untuk tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2006 hingga 2008. Semakan Audit telah dijalankan di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang serta tiga Pejabat Hutan Daerah iaitu Daerah Kuantan, Jerantut dan Rompin.

3.4 KAEDAH PENGAUDITAN

3.4.1 Pengauditan ini dijalankan dengan cara menyemak fail, rekod dan dokumen di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai di JPNP serta khidmat nasihat kepakaran daripada Jabatan/Agensi yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian (PTG) Negeri Pahang dan Pentadbir Tanah Daerah Pekan.

3.4.2 Lawatan ke kawasan aktiviti perhutanan seperti kawasan pembangunan hutan, Hutan Perlindungan, pembalakan serta kawasan pencerobohan HSK iaitu perlombongan, pembalakan haram serta penerokaan HSK oleh Orang Asli juga telah dilakukan bersama pegawai daripada JPNP dan Jabatan/Agenzi yang berkaitan.

3.5 PENEMUAN AUDIT

3.5.1 Kerosakan/Kepupusan Flora Dan Fauna Akibat Penubuhan Ladang Hutan Di Negeri Pahang

Pihak Berkuasa Negeri melalui Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) yang Ke-35/2007 pada 28 November 2007 berkaitan cadangan kawasan yang sesuai untuk Ladang Hutan Di Negeri Pahang (Projek) telah bersetuju:

- a) Meluluskan kawasan seluas lebih kurang 17,190.60 hektar yang akan ditentukan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang kepada Syarikat Asiaprime Group of Companies (AGC), Global Emerging Markets Forestry Fund (GEMFF) dan Mentiga Corporation Berhad bagi mengusahakan Ladang Hutan secara usaha sama dengan syarat kawasan terbabit tidak terlibat dengan mana-mana projek yang telah diluluskan terlebih dahulu sebelum ini.
- b) Semua hasil hutan yang terdapat di atas tanah berkenaan akan dilupuskan terlebih dahulu oleh pihak Kerajaan.
- c) Kawasan yang diluluskan adalah seluas 17,004.39 hektar seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Keluasan Kawasan Ladang Hutan Yang Diluluskan

Daerah	Luas (ha)		Jumlah (ha)	Catatan
	HSK	Tanah Kerajaan		
Bentong	4,500.00	-	4,500.00	HSK Kemasul
Rompin	-	2,234.00	2,234.00	Tanah Kerajaan Mukim Rompin
Kuantan/Pekan/Maran	4,046.00	-	4,046.00	HSK Remeh Chereh (Tambah)
Temerloh/Bera	454.00	-	454.00	HSK Kemasul
	777.00	-	777.00	HSK Sg. Purun
Raub	267.52	-	267.52	HSK Batu Talam
	363.46	-	363.46	HSK Tersang
	3,624.81	-	3,624.81	HSK Gunung Benom
	-	93.08	93.08	Tanah Kerajaan Mukim Ulu Dong
	-	267.10	267.10	Tanah Kerajaan Mukim Gali
Jerantut	-	377.42	377.42	Tanah Kerajaan Mukim Ulu Cheka
Jumlah	14,032.79	2,971.60	17,004.39	


Sumber: Pejabat Hutan Daerah Bentong

Tujuan pelaksanaan projek ini adalah untuk ditanam dengan pokok getah sebagai bahan untuk dijadikan perabot. Sebelum sesuatu kawasan yang telah dikenal pasti itu dibangunkan sebagai ladang hutan, segala hasil hutan yang terdapat di dalamnya akan dikeluarkan secara tebang habis (*clear felling*). Lesen pembalakan akan dikeluarkan kepada satu pihak lain, manakala pelaksanaan projek akan dibuat secara usaha sama oleh tiga syarikat seperti mana yang telah diputuskan oleh MMK.

Semakan Audit mendapati sehingga kini, hanya Daerah Rompin sahaja yang telah mula melaksanakan projek ini, manakala daerah lain yang terlibat masih di peringkat menentukan

kawasan yang sesuai. Bagaimanapun, didapati pelaksanaan projek di Rompin adalah melibatkan kawasan seluas 1,214.08 hektar (3,000 ekar) di dalam kawasan HSK Lesong dan tidak di Tanah Kerajaan seluas 2,234 hektar sebagaimana kelulusan MMK tersebut. Berdasarkan kepada Pelan Kompartment HSK Lesong, didapati kawasan berkenaan adalah terletak di tengah-tengah HSK berkenaan. Ianya melibatkan sebanyak 11 kompartment iaitu Kompartmen 73, 99, 100, 101, 102, 126, 127, 128, 129, 130 dan 131. Kedudukan kawasan dan kompartment yang terlibat dengan projek ladang hutan adalah seperti di **Pelan 3.1**.

Pelan 3.1
Kedudukan Kompartmen Yang Terlibat Dengan
Projek Ladang Hutan Dalam HSK Lesong



Sumber: Pejabat Hutan Daerah Rompin

Semakan Audit seterusnya mendapati Pihak Berkuasa Negeri melalui MMK Ke-5/2008 pada 30 Januari 2008 telah meluluskan permohonan kawasan seluas 1,214.08 hektar atau 3,000 ekar kepada Imbasan Bahagia Sdn. Bhd. di HSK Lesong yang juga merupakan kawasan yang dicadangkan untuk Projek ini. Kelulusan ini adalah bagi mengeluarkan isi hutan di kesemua kompartment yang terlibat secara berperingkat mengikut kompartment. Kaedah pembalakan adalah secara tebang habis selaras dengan cadangan untuk menjadikannya kawasan ladang hutan. Semakan lanjut mendapati sehingga kini, kawasan ini masih lagi berstatus HSK. Syarikat berkenaan telah pun diberikan lesen membalak pertama iaitu RT 07/2008(KP) yang melibatkan Kompartmen 128 seluas 153.60 hektar. Tempoh lesen adalah dari 10 Jun 2008 hingga 9 Jun 2009.

Daripada maklum balas yang diterima, JPNP menjelaskan bahawa kawasan Projek di Kompartmen 128 seluas 153.6 hektar ini merupakan kawasan yang sudah dikeluarkan balak (KSK) pada tahun 1977. Pada keseluruhannya, kawasan lesen ini mengandungi hasil hutan pada anggaran 111.82 meter padu per hektar (m^3/ha). Hasil analisis Bancian Sebelum Tebangan (Pre-F) merumuskan bahawa kompartment ini dikategorikan sebagai kawasan miskin kerana kurangnya pokok besar, sangat kurang spesies komersial dan kebanyakan pokok bersaiz jaras. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bahawa pada tahun 2007 dan 2008, pengeluaran sebenar kayu balak daripada Kompartmen 128 ini adalah lebih tinggi

berbanding kawasan pengeluaran di sekitarnya yang terletak dalam HSK Lesong. Adalah didapati purata pengeluaran sebenar bagi tujuh kawasan lain ialah antara 38.87 hingga $70.54 \text{ m}^3/\text{ha}$ berbanding $73.73 \text{ m}^3/\text{ha}$ bagi Kompartmen 128. Ini membuktikan bahawa kawasan yang di cadang untuk Projek Ladang Hutan ini masih mengandungi isi hutan yang bernilai tinggi. Butiran purata pengeluaran sebenar balak mengikut lesen adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
**Perbandingan Pengeluaran Sebenar Balak Mengikut
Lesen Dari HSK Lesong Pada Tahun 2007 Dan 2008**

No. Lesen	No. Kompartmen	Luas (ha)	Jumlah Pengeluaran Sebenar (m^3)	Purata Pengeluaran Sebenar (m^3/ha)
RT 01/2007(KP)	43-A	12.15	824.27	67.84
RT 02/2007(KP)	92-B	40.50	1,875.13	46.30
RT 03/2007(KP)	131-B	44.00	3,103.80	70.54
RT 04/2007(KP)	91-A	40.47	2,653.50	65.57
RT 05/2007(KP)	130-A	50.00	2,947.34	58.95
RT 01/2008(KP)	104-A	55.60	2,764.00	49.71
RT 02/2008(KP)	187-A	71.37	2,774.22	38.87
RT 07/2008(KP)	128	153.60	11,324.58	73.73

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

Sementara itu, semakan Audit terhadap hasil yang diterima daripada Royalti dan Ses mendapati Lesen RT 07/2008(KP) ini telah menyumbang Royalti berjumlah RM122,134 dan Ses berjumlah RM114,446. Secara purata hasil per hektar (RM/ha) mendapati hasil yang diterima daripada lesen ini adalah hampir sama dengan hasil yang diterima oleh lesen-lesen lain dari kawasan HSK tersebut. Ini menunjukkan bahawa isi hutan yang dikeluarkan daripada Kompartmen 128 adalah hampir sama dengan kawasan yang lain. Butiran hasil daripada Royalti dan Ses mengikut lesen adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
**Perbandingan Royalti Dan Ses Mengikut Lesen
Dari HSK Lesong Pada Tahun 2007 Dan 2008**

No. Lesen	No. Kompartmen	Luas (ha)	Jumlah Royalti (RM)	Jumlah Ses (RM)	Jumlah Royalti Dan Ses (RM)	Purata Royalti Dan Ses (RM/ha)
RT 01/2007(KP)	43-A	12.15	11,367	8,243	19,610	1,614
RT 02/2007(KP)	92-B	40.50	26,245	18,751	44,996	1,111
RT 03/2007(KP)	131-B	44.00	39,034	31,038	70,072	1,593
RT 04/2007(KP)	91-A	40.47	37,627	26,535	64,162	1,585
RT 05/2007(KP)	130-A	50.00	36,289	29,473	65,762	1,315
RT 01/2008(KP)	104-A	55.60	30,226	27,640	57,866	1,041
RT 02/2008(KP)	187-A	71.37	34,089	27,742	61,832	866
RT 07/2008(KP)	128	153.60	122,134	114,446	236,579	1,540

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

Satu lawatan Audit ke kawasan lesen pembalakan tersebut telah dilakukan pada 28 April 2009 bersama dengan pegawai dan Renjer Pejabat Hutan Daerah Rompin. Tujuan lawatan ini adalah bagi melihat keadaan sebenar kawasan yang dicadangkan sebagai ladang hutan dan juga kerja pembalakan yang telah dilaksanakan di Kompartmen 128 selain melihat kesannya terhadap alam sekitar. Jarak antara sempadan pintu masuk ke HSK Lesong ke Kompartmen 128 adalah sejauh 35 kilometer dengan mengambil masa perjalanan kira-kira 51 minit menggunakan kenderaan pacuan empat roda melalui jalan balak sedia ada. Hasil

daripada tinjauan yang dibuat mendapati kawasan yang dilesenkan seluas 153.60 hektar ini terletak di tengah-tengah HSK Lesong. Manakala kawasan sekeliling Kompartmen 128 masih lagi belum diberi lesen pembalakan. Kerja pembalakan di kawasan lesen telah dilaksanakan sepenuhnya. Adalah didapati hampir keseluruhan pokok telah ditebang dan yang tinggal hanyalah pokok bersaiz kecil yang tidak bernilai tinggi. Jalan dan lorong pembalakan terdapat di merata tempat. Walaupun Zon Penampang Sungai diwujudkan di kawasan Sungai Pajau yang merintangi kawasan lesen dan pokok tidak ditebang dalam zon penampang tersebut, namun ini tidak memberi makna kerana seluruh kawasan tersebut telah diterangkan. Keadaan tebing dan lereng bukit dengan jelas menggambarkan bahawa pengeluaran kayu balak telah dilakukan secara tidak terkawal. Adalah didapati pembalakan dalam kompartmen ini telah pun selesai pada bulan Disember 2008. Pelesen yang sama sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan lesen membalaik di Kompartmen 100 seluas 108 hektar yang terletak bersebelahan dengan kawasan lesen sedia ada. Keadaan kawasan pembalakan adalah seperti di **Foto 3.1** hingga **Foto 3.10**.

Foto 3.1
Papan Tanda Kawasan Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 28 April 2009
Lokasi: HSK Lesong, Rompin

Foto 3.2
Jalan Masuk Ke Kawasan Lesen



Foto 3.3
Keadaan Hutan Setelah Isi Hutan Dikeluarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 28 April 2009
Lokasi: HSK Lesong, Rompin

Foto 3.4



Foto 3.5
**Kawasan Tebing Yang
Mengalami Hakisan**



Foto 3.6
**Keadaan Hutan Setelah Isi
Hutan Dikeluarkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 28 April 2009
Lokasi: HSK Lesong, Rompin

Foto 3.7
Jalan Dalam Kawasan Lesen



Foto 3.8



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 28 April 2009
Lokasi: HSK Lesong, Rompin

Foto 3.9
Sisa Kayu Balak Yang Ditinggalkan



Foto 3.10
Kompartmen 100 Bersebelahan Kompartmen 128 Yang Bakal Dikeluarkan Isi Hutan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 28 April 2009

Lokasi: HSK Lesong, Rompin

Keluasan Kompartmen 128 yang telah diusahakan ini adalah 12.7% daripada jumlah keseluruhan keluasan kawasan yang dicadangkan sebagai ladang hutan seluas 1,214.08 hektar. Berdasarkan kepada pemerhatian Audit terhadap aktiviti pembalakan yang telah dijalankan, Projek ini dijangka akan memberi kesan terhadap alam sekitar sekiranya keseluruhan kawasan yang dicadangkan ini dimajukan sebagai ladang hutan berdasarkan perkara seperti berikut:

- a) Kedudukan kawasan terletak di tengah-tengah HSK Lesong yang mengandungi pelbagai spesies kayu bermutu tinggi dan kaedah pembalakan secara tebang habis boleh mengakibatkan kerosakan dan kepupusan flora dan fauna.
- b) Kawasan Projek melibatkan keluasan 1,214.08 hektar. **Bagaimanapun, Laporan Kesan Terhadap Alam Sekitar (EIA) tidak dibuat sebelum Projek dilaksanakan bagi menilai kesannya terhadap alam sekitar.** Ini adalah disebabkan pengeluaran hasil hutan dibuat mengikut kompartmen yang diluluskan iaitu satu kompartmen pada satu masa sebagaimana kelulusan MMK Ke-38/2008. Setiap kompartmen mempunyai keluasan kurang daripada 500 hektar.
- c) Projek ladang hutan yang akan ditanam dengan pokok getah adalah tanaman berstatus jangka sederhana iaitu antara 15 hingga 20 tahun. Setiap kali proses penebangan akan dibuat secara tebang habis dan berulang berbanding kaedah penebangan secara terpilih yang diamalkan dalam kawasan HSK untuk tempoh 30 tahun.
- d) Penggunaan bahan kimia seperti baja dan racun semasa membangunkan ladang hutan sudah pasti akan menjelaskan alam sekitar seperti flora, fauna, udara dan juga kualiti air.
- e) Kebebasan pihak pengurusan Projek Ladang Hutan keluar masuk ke kawasan Projek ini akan menyukarkan JPNP memantau dan memastikan kawasan HSK Lesong terpelihara dan bebas daripada pencerobohan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 81(1), Akta Perhutanan Negara. Peruntukan ini melarang memasuki kawasan HSK

tanpa kebenaran. Ini akan menambah beban kerja, masa dan tenaga pihak JPNP bagi memastikan kawasan tersebut bebas daripada sebarang pelanggaran undang-undang.

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia di dalam laporannya bertajuk *Macro Environmental Impact Assessment of Proposed Forest Operation in Pahang* (2007) menyatakan bahawa antara kesan alam sekitar akibat daripada aktiviti pembersihan hutan adalah seperti berikut:

- i) *Production activities and vegetation are deprived of soil. Thus, there will be loss of dwelling places for all resources, especially aboreal species.*
- ii) *Land development, where clearing and other land activities lead to soil erosion, deposits of sediments in waterways and changes to the microclimates. Cutting of hills and even formation of embankments may pose danger of slope instability and may result in landslides. Normally, these danger might be avoided by reducing excavation height and immediate work for repairing slopes.*
- iii) *Minor construction impacts may lead to the air and noise pollution from the exhausts by the passing vehicles.*
- iv) *Logging destroys natural habitats, resulting in the inevitable loss of biodiversity and sometimes leading to the local, and possibly global, extinction of species.*
- v) *Harvesting of commercial trees can directly change the forest structure and its species composition, and in most cases, other trees are destroyed in the process.*
- vi) *During the logging operations, the destruction of the forest vegetation is inevitable especially due to tree felling as well as the use of skid trail. The impact is more serious if it rains during the logging phase. Even though only the prescribed trees were felled, but during the felling many other smaller trees, especially the saplings, scrubs and herbs on the forest floor were greatly affected.*

Pada pendapat Audit, cadangan untuk melaksanakan Projek Ladang Hutan ini adalah tidak memuaskan kerana JPNP tidak menyediakan satu perancangan khusus dan komprehensif dengan mengambil kira impak terhadap alam sekitar sebelum ia dilaksanakan.

3.5.2 Kepupusan Flora Dan Fauna Akibat Perlombongan Bijih Besi

Perlombongan bijih besi boleh dijalankan dengan syarat mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Negeri. Mengikut Seksyen 158 Enakmen Mineral Negeri 2001, menyatakan bahawa melombong atau menjalankan kerja-kerja melombong tanpa mendapat suatu lesen yang sah daripada Pihak Berkuasa Negeri adalah satu kesalahan. Jika disabitkan, denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya. Bagaimanapun, kesalahan ini boleh dikenakan kompaun di bawah Seksyen 174, Enakmen yang sama.


Di Negeri Pahang terdapat beberapa kawasan perlombongan bijih besi yang masih aktif beroperasi seperti di Daerah Rompin dan Pekan. Aktiviti perlombongan yang dijalankan mestilah mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Mineral Dan Geosains di dalam kawasan yang dibenarkan. Operasi perlombongan di dalam kawasan HSK perlu

mendapat kebenaran JPNP terlebih dahulu bagi tujuan pengeluaran hasil hutan. Sementara menceroboh di dalam kawasan HSK, Hutan Perlindungan dan Taman Negeri adalah tidak dibenarkan sama sekali. Aktiviti perlombongan yang melanggar peraturan boleh memberi kesan terhadap kemusnahan hutan dan alam sekitar. Lawatan Audit ke beberapa kawasan perlombongan bijih besi di Daerah Rompin dan Pekan mendapati berlaku pencemaran alam sekitar seperti berikut:

a) Perlombongan Haram Di Taman Negeri Tasik Chini

Tasik Chini telah diwartakan sebagai Rizab Pelancongan Tasik Chini atau Taman Negeri Tasik Chini pada 7 Disember 1989 melalui Warta Kerajaan Pahang No. 1113. Kawasan ini mempunyai keluasan 5,085 hektar dan diletak di bawah kawalan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Sebelum kawasan ini diwartakan sebagai Taman Negeri terdapat sebanyak enam lot kawasan berhampiran dengan tasik ini telah dilesenkan untuk pengeluaran bijih besi secara pajakan. Selepas diwartakan sebagai Taman Negeri Tasik Chini, segala aktiviti perlombongan yang wujud di kawasan tersebut adalah merupakan satu kesalahan di bawah Kaedah Tanah Negeri Pahang dan Kaedah Perhutanan Negeri Pahang. Kawasan Taman Negeri Tasik Chini yang telah diwartakan dan bekas tapak lombong bijih besi adalah seperti di **Pelan 3.2**.

Pelan 3.2
Taman Negeri Tasik Chini Dan Bekas Lombong Bijih Besi



Sumber: PTG Negeri Pahang

Pada 26 Jun 2008, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang telah mengesan aktiviti perlombongan haram di atas bekas tapak lombong bijih besi di Bukit

Ketaya dalam kawasan Taman Negeri Tasik Chini. Satu Operasi Bersepadu telah dilakukan dengan diketuai oleh Pengarah PTG bersama anggota Unit Penguat kuasanya serta anggota Unit Penguat kuasa dari Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan, Pejabat Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran, Jabatan Mineral Dan Geosains serta Polis. Dalam operasi tersebut, sebanyak tujuh buah jentera berat *excavator* pelbagai jenis dan sebuah lori hantu telah disita dan tiga orang telah ditahan kerana disyaki terlibat dalam kerja perlombongan haram dan mereka dikenakan kompaun sejumlah RM250,000. Pada 16 Julai 2008, sekali lagi operasi serbuan telah dilakukan oleh Unit Penguat kuasa PTG Negeri Pahang dan Unit Renjer Pejabat Renjer Kuala Mentiga. Dalam serbuan tersebut didapati laluan jalan yang digali sebelum ini oleh Pihak Berkuastra Negeri bagi mengelak kegiatan perlombongan haram telah dikambus dan kenderaan boleh memasuki kawasan tersebut. Operasi kali ini telah berjaya menahan dan menyita sebuah *excavator* yang digunakan dalam aktiviti perlombongan haram ini. Berdasarkan kepada laporan PTG, aktiviti mengangkut keluar bijih besi itu dibuat pada waktu malam.

Berdasarkan kepada foto yang diambil semasa operasi serbuan tersebut, jelas menunjukkan bahawa kesan kerosakan kepada alam sekitar amatlah serius. Kawasan bukit, tebing dan hutan telah dikorek dengan sewenang-wenangnya untuk mendapatkan bijih besi. Keadaan kawasan tersebut menunjukkan bahawa aktiviti haram ini telah lama dijalankan. Keadaan lombong haram yang dirakamkan semasa operasi serbuan tersebut adalah seperti di **Foto 3.11** hingga **Foto 3.18**.

Foto 3.11

Kawasan Hutan Diceroboh Untuk Mendapatkan Bijih Besi



Foto 3.12



Sumber: PTG Negeri Pahang

Tarikh: 26 Jun 2008

Lokasi: Taman Negeri Tasik Chini, Pekan

Foto 3.13
Lubang Yang Dikorek Untuk
Mendapatkan Bijih Besi



Foto 3.14
Keadaan Kawasan Sekitar
Lombong Haram



Sumber: PTG Negeri Pahang
Tarikh: 26 Jun 2008
Lokasi: Taman Negeri Tasik Chini, Pekan

Foto 3.15
Jalan Yang Digunakan Untuk
Membawa Keluar Bijih Besi



Foto 3.16
Longgokan Bijih Besi Yang
Belum Diproses




Sumber: PTG Negeri Pahang
Tarikh: 26 Jun 2008
Lokasi: Taman Negeri Tasik Chini, Pekan

Foto 3.17
Excavator Yang Berjaya
Ditahan Dan Disita



Foto 3.18
Lori Hantu Yang Digunakan Untuk
Mengangkut Bijih Besi



Sumber: PTG Negeri Pahang
Tarikh: 27 Jun 2008
Lokasi: Taman Negeri Tasik Chini, Pekan

Pihak Audit telah membuat lawatan ke tapak perlombongan haram tersebut pada 23 April 2009 bersama dengan anggota Unit Penguat kuasa PTG Negeri Pahang. Tujuan lawatan ini adalah bagi melihat keadaan sebenar kesan perlombongan haram tersebut terhadap alam sekitar. Daripada pemerhatian Audit mendapati kesannya amatlah serius di mana pelombong telah membuang sisa bijih besi ke dalam Tasik Chini yang telah menjelaskan kualiti air Tasik Chini. Ini dibuktikan dengan keadaan pokok yang berada berhampiran kawasan buangan tersebut telah mati. Selain itu, kesan kawasan hutan di sekitar tasik telah diceroboh untuk mendapatkan bijih besi dapat dilihat dengan jelas. Lubang besar bekas dikorek bagi mendapatkan bijih besi wujud di sekitar kawasan tersebut. Manakala kesan tarahan di kawasan bertebing telah dilakukan secara tidak terkawal. Ini menyebabkan berlakunya hakisan di kawasan tersebut. Longgokan bijih besi yang tidak sempat dibawa keluar masih terdapat di merata-rata tempat. Keadaan kawasan perlombongan haram dan kesan pencemaran akibat daripada aktiviti ini adalah seperti di **Foto 3.19** hingga **Foto 3.26**.

Foto 3.19
Longgokan Sisa Bijih Besi
Di Tepi Tasik Chini



Foto 3.20
Sisa Bijih Besi Yang Di Buang
Ke Dalam Tasik Chini



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 23 April 2009
Lokasi: Taman Negeri Tasik Chini, Pekan

Foto 3.21

**Sisa Bijih Besi Yang Di Buang
Ke Dalam Tasik Chini**



Foto 3.22

**Pokok Yang Telah Mati Akibat Pembuangan
Sisa Bijih Besi Ke Dalam Tasik Chini**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 23 April 2009

Lokasi: Taman Negeri Tasik Chini, Pekan

Foto 3.23

**Kawasan Lombong Haram
Yang Ditinggalkan**



Foto 3.24

**Aktiviti Melombong Telah
Memusnahkan Kawasan Hutan**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 23 April 2009

Lokasi: Taman Negeri Tasik Chini, Pekan

Foto 3.25
Longgokan Bijih Besi Belum Diproses Yang Ditinggalkan



Foto 3.26
Tebing Yang Ditarah Untuk Mendapatkan Bijih Besi



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 23 April 2009

Lokasi: Taman Negeri Tasik Chini, Pekan

Semasa lawatan tersebut, pihak Audit mendapati kawasan Taman Negeri Tasik Chini telah diceroboh oleh pembalak tanpa izin bagi mengeluarkan kayu balak dari kawasan berkenaan. Kelihatan dengan jelas kesan penebangan pokok telah dilakukan di kiri dan kanan jalan masuk dan juga di dalam kawasan taman tersebut. Jentera berat turut digunakan bagi mengeluarkan balak tersebut berdasarkan kepada kesan yang ditinggalkan. Kegiatan ini telah merosak dan memusnahkan flora serta fauna yang ada di taman tersebut. Aktiviti penebangan pokok secara haram di dalam kawasan ini adalah seperti di **Foto 3.27** hingga **Foto 3.30**.

Foto 3.27
Kesan Penebangan Balak Di Jalan Masuk Ke Taman Negeri



Foto 3.28
Sisa Balak Yang Ditinggalkan Di Tepi Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 23 April 2009

Lokasi: Taman Negeri Tasik Chini, Pekan

Foto 3.29
Bukti Jalan Laluan Penggunaan Jentera Berat Untuk Mengambil Balak



Foto 3.30
Sisa Balak Yang Ditinggalkan Oleh Penceroboh



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 23 April 2009

Lokasi: Taman Negeri Tasik Chini, Pekan


Pada pendapat Audit, pencerobohan Taman Negeri Tasik Chini oleh pelombongan haram adalah amat serius kerana ia telah menjelaskan kualiti air. Sementara itu, aktiviti penebangan pokok secara haram telah turut memusnahkan flora dan fauna di dalamnya akibat aktiviti pembalakan tanpa izin. Kawasan Taman Negeri Tasik Chini sepatutnya dijaga bagi menjamin kestabilan ekologi kawasan rizab pelancongan yang boleh menyumbang kepada pendapatan Kerajaan Negeri.

b) Perlombongan Bijih Besi Oleh Ibam Mining Sdn. Bhd.

Syarikat Ibam Mining Sdn. Bhd. telah diberi lesen pajakan untuk melombong bijih besi di dalam kawasan Tanah Kerajaan Negeri seluas 122 hektar di Bukit Pesagi, Mukim Keratong, Rompin di atas Lot 27575. Tempoh pajakan adalah selama 5 tahun iaitu dari 21 Ogos 2008 hingga 20 Ogos 2013. Pada 12 Januari 2009, Unit Penguat kuasa PTG Negeri Pahang telah menjalankan siasatan terhadap operasi lombong ini setelah menerima aduan awam berhubung aktiviti perlombongan yang dijalankan di luar kawasan diluluskan dan pencerobohan HSK Ibam. Hasil daripada siasatan tersebut mendapati memang wujud aktiviti pencerobohan di dalam Tanah Kerajaan dan juga HSK Ibam sebagaimana dilaporkan.

Lawatan Audit ke kawasan lesen berkenaan pada 23 April 2009 bersama dengan anggota Unit Penguat kuasa PTG Negeri Pahang mendapati selain menjalankan operasi di dalam kawasan yang dibenarkan, terdapat kesan aktiviti perlombongan di dalam HSK Ibam dan juga Tanah Kerajaan yang melibatkan kawasan dianggarkan seluas 50 ekar. Kawasan yang diceroboh adalah bagi kerja melombong untuk mendapatkan bijih besi manakala Tanah Kerajaan turut dijadikan tapak *stock pile*. *Daripada maklum balas yang diterima, JPNP tidak mengetahui wujudnya pencerobohan di kawasan HSK Ibam oleh pelombong bijih besi tersebut. Ini membuktikan bahawa wujud kelemahan dalam menjalankan operasi penguatkuasaan dan pemantauan serta tiada koordinasi di antara Jabatan yang berkaitan.* Kedudukan kawasan lesen dan juga kawasan yang telah diceroboh adalah seperti di **Pelan 3.3**.

Pelan 3.3
Kedudukan Kawasan Lesen Dan Yang Diceroboh




Sumber: PTG Negeri Pahang

Keadaan kawasan yang telah diceroboh adalah seperti di **Foto 3.31** hingga **Foto 3.34**.

Foto 3.31
Kedudukan Kawasan HSK Yang Diceroboh



Foto 3.32
Kawasan HSK Yang Diceroboh



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 23 April 2009

Lokasi: Lombong Bijih Besi, Ibam Mining Sdn. Bhd.

Foto 3.33
Pencerobohan Dalam Tanah Kerajaan



Foto 3.34



Sumber: PTG Negeri Pahang

Tarikh: 12 Januari 2009

Lokasi: Lombong Bijih Besi, Ibam Mining Sdn. Bhd.

Semasa lawatan Audit, didapati satu kawasan di dalam HSK Ibam telah mengalami kesan lumpur dan kelodak yang amat serius. Keadaan menjadi lebih ketara apabila hujan. Kelodak tersebut telah membawa bersama lumpur dan batu ke cabang Sungai Tepesuk memasuki kawasan HSK Ibam dan telah memusnahkan sebahagian daripada kawasan HSK tersebut. Kawasan kejadian terletak bersebelahan dengan kawasan lesen bijih besi ini. Adalah didapati bahawa kelodak dan lumpur tersebut datangnya dari kawasan lesen berkenaan dan perkara ini telah disahkan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah Rompin. Daripada tinjauan Audit mendapati kaedah perlombongan yang dilakukan boleh menyumbang kepada hakisan yang membawa lumpur ke kawasan berkenaan. Sisa lombong dan tanah dibuang ke lereng-lereng bukit yang menyebabkan kelodak dan lumpur mengalir ke bawah dan masuk ke alur sungai semasa hujan. Kawasan tebing jalan dan cerun bukit di sekitar kawasan lesen juga menunjukkan kesan hakisan yang serius. Keadaan yang berlaku adalah seperti di **Foto 3.35** hingga **Foto 3.42**.

Foto 3.35
Penanda Sempadan Kawasan HSK Ibam



Foto 3.36
Kesan Kelodak Dan Lumpur Melintasi HSK Ibam



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 23 April 2009

Lokasi: HSK Ibam, Rompin

Foto 3.37
Kelodak Dan Lumpur
Memusnahkan HSK Ibam



Foto 3.38
Lumpur Dan Batu Masuk Ke
Cabang Sungai Tepesuk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 23 April 2009
Lokasi: HSK Ibam, Rompin

Foto 3.39
Kesan Hakisan Di Tebing Jalan



Foto 3.40



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 23 April 2009
Lokasi: HSK Ibam, Rompin

Foto 3.41
Sisa Lombong Dibuang Ke Lereng Bukit
Dan Kesan Hakisan Pada Cerun



Foto 3.42
Kesan Hakisan Di Cerun Bukit



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 23 April 2009

Lokasi: HSK Ibam, Rompin

Pada pendapat Audit, pengurusan lombong bijih besi di Tanah Kerajaan bersebelahan HSK Ibam ini adalah tidak memuaskan kerana ia telah menyebabkan kemasuhan sebahagian HSK tersebut serta telah memberi impak serius terhadap alam sekitar.

3.5.3 Gangguan Hidupan Liar Akibat Aktiviti Pembalakan

Aktiviti pembalakan di dalam kawasan HSK telah memberi kesan kepada habitat hidupan liar seperti gajah, harimau, kera dan sebagainya. Aktiviti seperti penebangan pokok, pembinaan jalan balak, jalan tuju, lorong penarik dan sebagainya akan memusnahkan sumber makanan bagi haiwan tersebut. Manakala bunyi bising daripada jentera, kenderaan dan mesin menebang pokok akan mengganggu kawasan habitat haiwan berkenaan. Ini menyebabkan hidupan liar tersebut lari dari kawasan pembalakan dan keluar atau berhijrah ke tempat yang lebih selamat untuk mencari makanan. Penghijrahan ini akan sampai ke kawasan penempatan penduduk dan ladang berhampiran. Akhirnya haiwan itu mengganggu dan merosakkan tanaman serta harta benda penduduk yang mengakibatkan kerugian selain mengancam keselamatan mereka.

Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang untuk tahun 2006 hingga 2008, didapati sebanyak 748 aduan telah diterima daripada orang awam berhubung gangguan oleh gajah, 122 aduan melibatkan harimau belang dan 846 aduan melibatkan kera. Daripada ketiga-tiga jenis haiwan ini, gajah merupakan haiwan yang menjadi ancaman utama kepada orang awam. Daripada laporan aduan yang diterima mendapati lokasi utama yang sering diganggu oleh gajah ialah kawasan ladang, kebun dan juga kampung. Ini menunjukkan bahawa kehadiran gajah-gajah tersebut adalah untuk mencari makanan kerana kawasan berkenaan mempunyai sumber makanan yang banyak. Kedudukan laporan aduan gangguan hidupan liar dari tahun 2006 hingga 2008 di Negeri Pahang menunjukkan kes gangguan mengikut kawasan HSK adalah seperti di **Jadual 3.5** dan **Jadual 3.6**.

Jadual 3.5
Bilangan Aduan Gangguan Gajah, Harimau Belang Dan Kera Dari Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Gajah	Harimau Belang	Kera
2006	275	41	218
2007	272	55	265
2008	201	26	363
Jumlah	748	122	846

Sumber: Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang


Jadual 3.6
Laporan Gangguan Gajah Mengikut HSK/Taman Negara Pada Tahun 2008

HSK/Taman Negara	Bilangan Aduan
HSK Kemasul	69
HSK Tekam	26
HSK Lesong	24
HSK Ibam	21
HSK Yong	16
Taman Negara	12
HSK Som	10
HSK Berkelah	10
HSK Chini	9
HSK Remeh Chereh	3
HSK Purun	1
Jumlah	201

Sumber: Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang

Kedudukan lokasi gangguan gajah di Negeri Pahang pada tahun 2008 adalah seperti di **Peta 3.2.**


Peta 3.2
Kawasan Lokasi Gangguan Gajah Di Negeri Pahang Pada Tahun 2008



Sumber: Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang

Semakan Audit mendapati pada tahun 2008, kawasan yang sering menjadi tumpuan gangguan gajah adalah kawasan ladang yang berkeluasan melebihi 100 hektar. Ladang ini biasanya ditanam dengan kelapa sawit dan getah yang kedudukannya berhampiran dengan kawasan HSK yang ada menjalankan aktiviti pembalakan. Selain itu, kawasan kebun dan kampung yang berhampiran juga turut diganggu. Ini kerana di kawasan tersebut merupakan sumber makanan bagi haiwan berkenaan setelah kawasan habitatnya diteroka dan diganggu oleh aktiviti pembalakan. Selain tanaman penduduk musnah, gajah turut merosakkan harta benda seperti rumah dan kemudahan asas lain. Bilangan kes gangguan gajah mengikut lokasi adalah seperti di **Carta 3.1**. Manakala **Foto 3.43** hingga **Foto 3.46** merupakan contoh kerosakan oleh serangan gajah.

Carta 3.1
Bilangan Kes Gangguan Gajah Mengikut Lokasi
Pada Tahun 2008



Sumber: Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang

Foto 3.43
Kelapa Sawit Yang Dirosakkan Gajah



Sumber: Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang
Tarikh: 21 Mei 2007
Lokasi: Kampung Baru, Lipis

Foto 3.44
Pokok Pisang Berhampiran Rumah Penduduk Dimusnahkan Gajah



Foto 3.45
Pokok Kelapa Ditumbangkan Oleh Gajah
Dan Menimpa Rumah Penduduk



Foto 3.46
Serangan Gajah Merosakkan
Rumah Penduduk



Sumber: Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang

Tarikh: 8 Ogos 2008

Lokasi: Kampung Bandar, Lipis

Pada tahun 2008, dianggarkan jumlah kerugian yang dialami akibat daripada gangguan gajah ini mengikut jenis tanaman adalah berjumlah RM474,120. Daripada jumlah tersebut, nilai kerugian yang melibatkan kelapa sawit berjumlah RM338,130 diikuti getah RM84,290, pisang RM21,200 dan tanaman lain berjumlah RM30,500. Butiran kos kerugian mengikut jenis tanaman adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Anggaran Kerugian Akibat Gangguan Gajah
Mengikut Jenis Tanaman Pada Tahun 2008

Jenis Tanaman	Bilangan Kerosakan (Pokok)	Anggaran Kos Kerugian (RM)
Kelapa Sawit	5,934	338,130
Getah	12,399	84,290
Pisang	2,120	21,200
Durian	6	2,000
Kelapa	4	400
Campuran (Kelapa/Sawit/Getah/Pisang/Rambutan)	316	28,100
Jumlah	20,779	474,120

Sumber: Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang

Berdasarkan kepada hasil kajian oleh Universiti Putra Malaysia seperti dalam laporannya bertajuk *Macro Environmental Impact Assessment of Proposed Forest Operation in Pahang* (2007) menyatakan bahawa aktiviti pembalakan telah memberi kesan terhadap hidupan liar seperti berikut:

- a) *Logging operations change the physical aspect of the forest environment (e.g: microclimate: temperature, humidity and light intensity) and wildlife habitat. The lower level of undisturbed primary forest is typically dark, humid, cool and wind free. When a forest is opened, the temperature becomes hotter, humidity decrease and drier and often windy. Thus, most of the residual trees that provide shelter and protection for wildlife were also destroyed even after logging activities have ceased.*

- b) *Damage and loss of residual trees (fruit trees important to wildlife) is extremely high in most logging operations. Numerous non-timber trees are destroyed during logging and many of these are food trees used by animal species. Their losses contribute significantly to the effects of animal density in logged forests. The distribution and abundance of food supplies have also been influenced by logging activities.*

Pada pendapat Audit, kes gangguan hidupan liar terutamanya melibatkan gajah adalah serius kerana telah mengancam nyawa serta menyebabkan kerugian harta benda orang awam.

3.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

3.6.1 Secara keseluruhannya, pengurusan hutan di Negeri Pahang adalah kurang memuaskan kerana telah memberi kesan kepada alam sekitar. Aktiviti yang dijalankan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal sama ada secara sah ataupun secara haram telah menyumbang kepada impak negatif terhadap alam sekitar. Projek Ladang Hutan di HSK Lesong, walaupun sedang dilaksanakan dengan kelulusan tetapi kedudukannya yang terletak di tengah-tengah HSK tersebut telah memberi kesan serius terhadap alam sekitar walaupun ia bersifat sementara. Kes pencerobohan Taman Negeri Tasik Chini oleh pelombong dan penebangan pokok secara haram telah memusnahkan ekologi Tasik Chini dan isi hutan di dalamnya. Manakala aktiviti perlombongan bijih besi berhampiran HSK Ibam yang tidak terkawal telah menyebabkan sebahagian HSK tersebut musnah. Selain itu, aktiviti pembalakan telah memusnahkan habitat semula jadi dan sumber makanan hidupan liar di dalam kawasan hutan tersebut. Ini menjadi kawasan penempatan, ladang dan dusun berhampiran kawasan berkenaan sebagai tempat haiwan seperti gajah, harimau dan kera mendapatkan sumber makanan. Ini telah mengancam kehidupan penduduk serta kemusnahaan harta benda dan telah menyebabkan mereka mengalami kerugian.

3.6.2 Isu alam sekitar yang melibatkan HSK bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri Pahang sahaja. Ia juga melibatkan semua Jabatan dan Agensi yang ada hubungan dengan kawasan yang berkaitan. Sehubungan itu, untuk mengatasi masalah yang timbul dan penambahbaikan di masa akan datang, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- a) JPNP perlu lebih peka terhadap isu alam sekitar terutama yang melibatkan kepentingan Negara semasa menguruskan aktiviti pembalakan di dalam kawasan HSK.
- b) JPNP perlu menyediakan satu perancangan yang khusus dan komprehensif sebelum melaksanakan Projek Ladang Hutan dengan mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar dan juga terhadap kawasan HSK yang dimajukan. Selain itu, implikasi kepada JPNP dari aspek pemantauan, keperluan guna tenaga, logistik, kos dan masa juga perlu diambil kira.
- c) JPNP perlu menjalin kerjasama dan persefahaman dengan Jabatan dan Agensi yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Jabatan Mineral Dan Geosains, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan sebagainya. Pusat Hentian

Setempat (*One Stop Centre*) yang melibatkan semua Jabatan dan Agensi tersebut boleh diwujudkan bagi memudahkan urusan dan penyelesaian masalah.

- d) JPNP perlu mengkaji keperluan undang-undang yang lebih tegas terhadap penceroboh HSK sama ada melibatkan perlombongan mahu pun pembalakan secara haram.
- e) Mengambil kira kos yang melibatkan kesan terhadap alam sekitar semasa menilai jumlah kerosakan yang disebabkan oleh aktiviti pembalakan. Ini sebagai mesej tentang kepentingan untuk menjaga alam sekitar kepada mereka.

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG

4. PENGURUSAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS)

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) dibangunkan bagi memenuhi kehendak Kerajaan Persekutuan supaya satu sistem perakaunan berkomputer yang seragam dan berkualiti dilaksanakan oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia. SPEKS yang dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan negeri supaya penyata kewangan yang standard, berkualiti dan tepat pada masanya dapat disediakan. Selain itu, ia dapat memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan menjadi sumber rujukan maklumat kewangan negeri bagi persiapan Kerajaan Negeri ke era Kerajaan Elektronik.

4.1.2 Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menyelaras pelaksanaan sistem perakaunan berkomputer seluruh negara kecuali Sabah dan Sarawak serta membangun dan menyelenggarakan sistem aplikasi dan menyediakan peralatan/perkakasan komputer. Manakala, Kerajaan Negeri dikehendaki menyediakan rangkaian untuk pelaksanaan SPEKS dan menanggung kos penyenggaraan perkakasan sahaja. Persetujuan telah dicapai melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan-Kerajaan Negeri Dengan Kerajaan Persekutuan pada bulan November 1996. Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) yang bermesyuarat pada bulan Mac 2000 telah menetapkan Projek Perintis bagi SPEKS dilaksanakan di Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Perlis dan Kedah mulai tahun 2001. Dua Perjanjian bernilai RM59.07 juta telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh JANM dengan Konsortium Jaya Sdn. Bhd. (KJSB) untuk membekal, memasang, membangun, menguji, melatih, melaksana dan menyenggara perkakasan, perisian komputer serta Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Untuk Kerajaan Negeri (SPEKS) pada bulan Jun 2001. Pembangunan sistem ini merangkumi 11 modul perakaunan dalam tiga fasa dan rangkaian sistem komputer yang menghubungkan Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri (PKN) dengan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

4.1.3 Pelaksanaan SPEKS secara *national rollout* untuk sembilan negeri yang lain pula dilakukan pada bulan Januari 2003. Bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pelaksanaan SPEKS ialah Bahagian Pengurusan Perakaunan Dan Unit Komputer di Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Pahang. Bahagian dan Unit tersebut adalah bertanggungjawab untuk berurusan dengan pihak yang membangunkan sistem iaitu JANM mengenai pelaksanaan sistem ini. Bahagian ini diketuai oleh seorang Akauntan Gred W54 dan dibantu oleh 10 orang Pembantu Akauntan Gred W17 yang dilantik oleh JANM. Manakala, Unit Komputer pula diketuai oleh seorang Pegawai Sistem Maklumat Gred F41 (PSM) dan seorang Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29 (PPSM) untuk memberi sokongan teknikal dan membantu Akauntan Negeri dalam operasi SPEKS. Di peringkat PTJ pula, Ketua Jabatan adalah sebagai Pegawai Pengawal yang memainkan

peranan penting dalam pelaksanaan terutama memantau operasi SPEKS dan juga sebagai pengguna terakhir secara langsung yang meluluskan sesuatu transaksi yang diproses oleh sistem. Sehingga akhir tahun 2008, sebanyak 163 PTJ telah mula melaksanakan SPEKS dalam operasi pengurusan kewangan masing-masing yang melibatkan perbelanjaan sejumlah RM5.65 juta.

4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembangunan dan pengurusan SPEKS telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3 SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi tempoh pelaksanaan SPEKS mulai tahun 2001 hingga tahun 2008. Pengauditan ini dijalankan terhadap pelaksanaan semua modul Sistem SPEKS di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang (PKN) dan tiga Jabatan yang dipilih iaitu Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang (JKR), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPH) dan Jabatan Pertanian Negeri Pahang (JPNP). Selain itu, pengauditan juga akan melibatkan pemeriksaan di tiga pejabat bagi tiga daerah yang dipilih iaitu daerah Rompin, Temerloh dan Bentong.

4.4 KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen seperti polisi keselamatan, kontrak perolehan, penyata dan laporan yang dikeluarkan oleh sistem SPEKS. Pemilihan sampel dilaksanakan menggunakan perisian *Audit Command Language (ACL)* berdasarkan jumlah transaksi dan aktiviti yang dilaksanakan. Selain itu, perbincangan turut diadakan dengan pegawai yang terlibat untuk mengesahkan maklumat yang telah diperoleh. Lawatan dan pemeriksaan fizikal terhadap aspek kawalan keselamatan dan pengurusan SPEKS bagi setiap modul yang dilaksanakan turut dijalankan melibatkan Pejabat, tiga Jabatan dan Cawangan di tiga daerah yang dipilih. Di samping itu juga, sebanyak 300 borang soal selidik telah diedarkan kepada pihak pengurusan dan kakitangan yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan SPEKS bagi setiap Pejabat dan Jabatan yang dilawati untuk mendapatkan maklum balas terhadap kesan pelaksanaan SPEKS di kalangan pengguna. Maklum balas yang diperoleh akan dianalisis untuk dirumuskan tahap kepuasan pengguna secara keseluruhan terhadap pelaksanaan SPEKS.

4.5 PENEMUAN AUDIT

4.5.1 Dua Modul Masih Belum Dilaksanakan Sepenuhnya

Pelaksanaan SPEKS di Pejabat telah bermula pada bulan Disember 2002. Pembangunan modul aplikasi SPEKS dilaksanakan oleh KJSB melalui tiga fasa melibatkan 11 modul seperti mana mengikut perjanjian yang telah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dengan KJSB seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Jadual Perancangan Pelaksanaan SPEKS Di Negeri Pahang

Fasa	Bil.	Modul SPEKS	Tarikh Yang Dirancang
Pertama	1.	Modul Kawalan Data	Disember 2002
	2.	Modul Lejar Am	Disember 2002
	3.	Modul Sekuriti Aplikasi	Januari - Disember 2003
Kedua	4.	Modul Sistem Pengurusan Maklumat	Januari - Disember 2003
	5.	Modul Gaji	Januari - Disember 2003
	6.	Modul Bajet	Januari - Disember 2003
	7.	Modul Lejar Akaun Subsidiari	Januari - Disember 2003
	8.	Modul Aset	Januari - Disember 2003
	9.	Modul Pinjaman	Januari - Disember 2003
	10.	Modul Pelaburan	Januari - Disember 2003
	11.	Modul PTJ Kewangan	Januari 2004

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri

Semakan Audit terhadap status pelaksanaan SPEKS di Negeri Pahang mendapati dua modul masih belum digunakan sepenuhnya iaitu Modul Pinjaman dan Modul Pelaburan seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Status Pelaksanaan SPEKS Di Negeri Pahang
Sehingga Akhir Tahun 2008

Fasa	Bil.	Modul SPEKS	Kemajuan Pelaksanaan (%)
Pertama	1.	Modul Kawalan Data	100
	2.	Modul Lejar Am	100
Kedua	3.	Modul Sekuriti Aplikasi	100
	4.	Modul Sistem Maklumat Pengurusan	100
	5.	Modul Gaji	100
	6.	Modul Bajet	100
	7.	Modul Lejar Akaun Subsidiari	10
	8.	Modul Aset	10
	9.	Modul Pinjaman	0
	10.	Modul Pelaburan	0
	11.	Modul PTJ Kewangan	100

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri

Modul Aset pula telah digunakan di Pejabat sejak tahun 2007 tetapi tidak dapat digunakan di Jabatan lain kerana pihak JANM sedang membangunkan/mengubahsuai modul tersebut mengikut Pekeling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. Modul Aset yang baru akan diperluaskan pelaksanaannya kesemua Jabatan secara berperingkat. Bagi Modul Lejar Akaun Subsidiari (SLAS) pula, ia telah mula dilaksanakan pada tahun 2009. Kursus berkenaan modul ini telah diadakan pada bulan Februari 2009 melibatkan tiga Jabatan perintis iaitu Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Jabatan Agama Islam Pahang. Pelaksanaannya di jabatan lain akan dilakukan secara berperingkat setelah kursus diberikan kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan. Modul Pinjaman dan Pelaburan tidak dapat dilaksanakan sehingga kini kerana terdapat masalah data *conversion* daripada data manual untuk dimasukkan ke dalam SPEKS. Modul-modul ini akan dilaksanakan selepas mendapat latihan daripada pihak JANM.

Pada pendapat Audit pencapaian matlamat utama Kerajaan Negeri untuk melaksanakan SPEKS secara keseluruhan dalam jangka waktu ditetapkan tidak tercapai kerana masih terdapat dua modul yang belum dilaksanakan lagi.

4.5.2 Tiada Makluman Melalui Sistem Terhadap Bil Yang Masih Belum Dibayar

Pembangunan SPEKS adalah mengambil kira peraturan kewangan yang ditetapkan dalam Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan. Setiap bil yang diterima perlu direkodkan di dalam Daftar Bil dengan segera bagi memastikan tiada kelewatan pembayaran. Oleh itu, dengan adanya Daftar Bil, ia akan memudahkan pengguna untuk mengesan sebarang bil yang masih belum dibayar. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Daftar Bil yang dijana melalui SPEKS mendapati sistem tidak memberikan sebarang peringatan secara automatik terhadap bil-bil yang masih belum dibayar seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Contoh Laporan Daftar Bil Yang Dijana Melalui SPEKS

TARIKH : 09/02/2009 MASA : 14:07:PM			KERAJAAN NEGERI SISTEM PERAKAUNAN BUKU VOT		MUKA SURAT : 26/36
			DAFTAR BIL/INVOIS BAGI TEMPOR 01/12/2008 HINGGA 31/12/2008 SENARAI SEMUA DAFTAR BIL INVOIS		
Membayar Kod Perihal					
JABATAN :	0003	PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI	NO. RUJUKAN	NO. RUJUKAN	NO. RUJUKAN
PTJ/PK :	03142000	PEJ. KEWANGAN & PERBENDAHARAAN NEGERI	TARikh	TKH. DISEDIAKAN	TKH. SEDIAKAN
AMAN		T. TERIMA		TKH. PENGESAHAN	TKH. DIHANTAR
		T. PERAKUI			
		T. TERIMA			
BUTIRAN BIL / INVOIS		NAMA PEMERKAL/PENERIMA	P. TEMPATAN	BAUCER	CHEK
RUJUKAN	T. TERIMA		NO. RUJUKAN	NO. RUJUKAN	NO. RUJUKAN
TARIKH	T. PERAKUI		TARikh	TKH. DISEDIAKAN	TKH. SEDIAKAN
AMAN	T. TERIMA			TKH. PENGESAHAN	TKH. DIHANTAR
12663	24/12/2008	TEO THIAM HOCK	LO80070000237	V0001789	745150
24/12/2008	24/12/2008		22/12/2008	24/12/2008	26/12/2008
449.00	24/12/2008			24/12/2008	26/12/2008
20018	24/12/2008	UNIQUE ENGRAVING	LO80070000234	V0001788	745149
24/12/2008	24/12/2008		22/12/2008	24/12/2008	26/12/2008
492.00	24/12/2008			24/12/2008	26/12/2008
20240	24/12/2008	MELODY MUSIC SOUND AND LIGHTS		V0001794	745154
24/12/2008	24/12/2008			24/12/2008	26/12/2008
4,000.00	24/12/2008			24/12/2008	26/12/2008
29281SUMMASALMUADZ	24/12/2008	PERALATAN PEJABAT SEJATI SDN. BHD.		V0001795	745155
24/12/2008	24/12/2008			24/12/2008	26/12/2008
4,580.00	24/12/2008			24/12/2008	26/12/2008
3033	24/12/2008	SUKAN MAKMUR SDN BHD		V0001802	745162
24/12/2008	24/12/2008			24/12/2008	26/12/2008
10,200.00	24/12/2008			24/12/2008	26/12/2008
4176	24/12/2008	INTER MILAN SDN BHD		V0001804	745164
24/12/2008	24/12/2008			24/12/2008	26/12/2008
12,000.00	24/12/2008			24/12/2008	26/12/2008

*Sumber: Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang
Tarikh: 21 Februari 2009*

Daftar Bil yang dijana melalui SPEKS hanya merekodkan tarikh bil diterima dan tarikh baucar dikeluarkan. Oleh itu, pengguna perlu melihat dan menyemak sendiri melalui sistem secara manual untuk mendapatkan maklumat bil-bil yang masih belum dibayar. Keperluan satu peringatan atau petunjuk secara automatik di dalam sistem untuk memberikan peringatan tentang bil yang masih belum dibayar boleh membantu pengguna mengesan sebarang bil yang lewat dibayar melebihi dari tempoh yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit kawalan aplikasi SPEKS terhadap elemen bil yang belum dibayar adalah tidak memuaskan kerana pengguna perlu mengesan sebarang bil yang belum dibayar secara manual dan bukan secara terus melalui sistem.

4.5.3 Tiada Makluman Di Dalam Sistem Terhadap Kelewatan Bayaran Bil

Tujuan Daftar Bil diselenggarakan adalah bagi memastikan bil dibayar segera iaitu dalam tempoh 14 hari dari tarikh ia diterima seperti mana kehendak Arahan Perbendaharaan 103 (b) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006. Ia adalah untuk merekodkan bil dan tuntutan termasuk invois, borang perakuan bayaran untuk bayaran kontrak dan inden kerja. Semakan Audit terhadap Laporan Daftar Bil yang dijana melalui SPEKS mendapati tiada kemudahan yang disediakan oleh sistem untuk memberi makluman secara automatik kepada pengguna SPEKS berkaitan bil yang masih belum dibayar atau yang telah lewat dan melebihi dari tarikh yang ditetapkan untuk tujuan pembayaran. Sehingga kini, pengguna SPEKS perlu meneliti laporan secara manual bagi mengesan sebarang bil yang belum lagi dibayar atau telah pun lewat mengikut peraturan yang ditetapkan. Hal ini menyebabkan pengguna SPEKS tidak dapat mengesan sebarang kelewatan bayaran yang berlaku dan boleh memberi kesan kepada prestasi pembayaran oleh Jabatan/PTJ. *Maklum balas yang diperoleh dari pihak Pejabat menjelaskan bahawa perkara tersebut akan dimaklumkan kepada pihak JANM.*

Pada pendapat Audit makluman khusus terhadap kelewatan bayaran di dalam sistem adalah tidak memuaskan kerana tidak dimaklumkan secara automatik bagi membantu pengguna SPEKS mengesan secara langsung sebarang bil yang belum dibayar atau telah lewat dari tarikh yang ditetapkan.

4.5.4 Tiada Perubahan Tarikh Penyerahan Penyata Kewangan

Matlamat utama pembangunan SPEKS adalah untuk menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang tepat dan berkualiti pada masa yang ditetapkan serta membantu pihak pengurusan membuat keputusan pengurusan kewangan yang lebih baik. Tarikh penyerahan Penyata Kewangan Tahunan Kerajaan Negeri telah ditetapkan melalui keputusan mesyuarat Majlis Kewangan Negara iaitu sebelum atau selewat-lewatnya pada 31 Mei pada setiap tahun. Di Negeri Pahang, sebelum pelaksanaan SPEKS, tarikh penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri kepada Jabatan Audit Negara adalah pada penghujung bulan Mei setiap tahun. Oleh itu, dengan adanya pelaksanaan SPEKS, adalah diharapkan tarikh penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri akan lebih cepat dari tarikh sebelum pelaksanaan SPEKS. Bagaimanapun, semakan Audit yang dijalankan terhadap Daftar Serahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri mendapati tarikh penyerahan Penyata Kewangan tersebut masih lagi belum berubah iaitu seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Tarikh Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

Tahun Penyata Kewangan	Tarikh Serahan Penyata Kewangan	Catatan
1999	27 Mei 2000	Sebelum Pelaksanaan SPEKS
2000	28 Mei 2001	Sebelum Pelaksanaan SPEKS
2001	24 Mei 2002	Sebelum Pelaksanaan SPEKS
2002	20 Mei 2003	Sebelum Pelaksanaan SPEKS
2003	24 Mei 2004	Selepas Pelaksanaan SPEKS
2004	24 April 2005	Selepas Pelaksanaan SPEKS
2005	19 Mei 2006	Selepas Pelaksanaan SPEKS
2006	9 April 2007	Selepas Pelaksanaan SPEKS
2007	13 Mei 2008	Selepas Pelaksanaan SPEKS
2008	9 April 2009	Selepas Pelaksanaan SPEKS

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri

Daripada Jadual di atas, didapati tarikh penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri sebelum atau selepas pelaksanaan SPEKS masih lagi antara bulan April hingga Mei. *Maklum balas yang diperoleh daripada Akauntan Negeri menjelaskan bahawa kelewatan penyerahan Penyata Kewangan pada tahun 2008 adalah disebabkan masalah kemas kini maklumat kepada Penyata Kewangan yang telah disiapkan. Bagaimanapun, Pejabat telah memaklumkan untuk mempercepatkan penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2009 selewat-lewatnya pada bulan Mac 2010.*

Pada pendapat Audit tarikh penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, dengan pelaksanaan SPEKS, ia seharusnya boleh dipercepatkan lagi ke bulan Mac atau Februari pada setiap tahun.

4.5.5 Peruntukan Penyenggaraan Rangkaian Kurang Dibelanjakan

Sumber kewangan SPEKS diperoleh daripada peruntukan JANM. Pada tahun 2006, pihak JANM telah meluluskan geran berjumlah RM1.29 juta bertujuan menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan SPEKS agar pelaksanaan SPEKS dapat berjalan dengan lancar. Peruntukan ini telah diakaunkan dalam Akaun Amanah Pengurusan SPEKS. Tujuan akaun amanah ini adalah bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan SPEKS seperti berikut:

- Pembelian perkakasan tambahan seperti komputer peribadi dan pencetak agar pelaksanaan SPEKS berjalan dengan lancar.
- Bantuan peningkatan rangkaian SPEKS di negeri agar tahap capaian bertambah dan pantas.
- Pembayaran tuntutan perjalanan, hotel, lojing, elaun penceramah dan elaun lebih masa bagi pegawai yang membantu pelaksanaan SPEKS.
- Perbelanjaan mengadakan mesyuarat, latihan dan lawatan yang berkaitan dengan SPEKS.
- Pelbagai program berkaitan aktiviti pelaksanaan SPEKS.

Semakan Audit terhadap akaun amanah pengurusan SPEKS sehingga akhir Januari 2009 mendapati hanya sejumlah RM0.38 juta atau 29.9% telah dibelanjakan bagi membiayai aktiviti-aktiviti berkaitan pelaksanaan SPEKS seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5
Perbelanjaan Akaun Amanah Pengurusan SPEKS Sehingga Akhir Januari 2009**

Bil.	Butiran Aktiviti	Jumlah Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	Perolehan Komputer	660,000	238,629	421,371	36.2
2.	Peningkatan Rangkaian SPEKS	200,000	-	200,000	0
3.	Latihan, Tuntutan Perjalanan, Hotel, Lojing, Elaun Ceramah & Elaun Lebih Masa	200,000	65,672	134,328	32.8
4.	Projek Security Posture Assessment (SPA)	45,000	44,991	9	99.9
5.	Mesyuarat, Seminar & Lawatan	68,000	27,483	40,517	40.4
6.	Perolehan Pencetak	78,000	7,900	70,100	10.1
7.	Bayaran Penyenggaraan Perkakasan	40,000	1,063	38,937	2.7
Jumlah		1,291,000	385,738	905,262	29.9

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang

Pada tahun 2008, didapati tiada perbelanjaan dilakukan bagi penyenggaraan atau peningkatan rangkaian SPEKS. *Maklum balas yang diperoleh daripada Pegawai Sistem Maklumat menjelaskan bahawa perbelanjaan untuk penyenggaraan perkakasan dan peningkatan rangkaian adalah di bawah pengurusan dan tanggungjawab pihak Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM) SUK. Bagaimanapun, pihak Perbendaharaan Negeri telah memaklumkan kepada pihak UPTM tentang kesediaan untuk menyalurkan bantuan kewangan bagi menyedia dan menaik taraf keperluan rangkaian di jabatan.* Sehingga kini tiada keperluan daripada pihak UPTM untuk menggunakan peruntukan ini. Pihak Pejabat memaklumkan akan menyelaraskan perkara ini dengan pihak UPTM secepat mungkin.

Pada pendapat Audit Perbelanjaan Akaun Amanah Pengurusan SPEKS adalah tidak memuaskan kerana prestasi perbelanjaannya sehingga kini hanyalah 29.9% dan tiada keperluan untuk menggunakan peruntukan ini.

4.5.6 Mekanisme Mengesan Pencerobohan Tidak Digunakan

Kawalan pengesanan percubaan menceroboh dan aktiviti pengguna yang tidak dibenarkan biasanya dilakukan melalui cara menjelaki kronologi aktiviti yang telah dilakukan melalui Log Audit. SPEKS perlu mempunyai dua Log Audit iaitu Log Audit Sekuriti dan Log Audit Transaksi. Log Audit Sekuriti adalah bagi merekod pelbagai maklumat aktiviti pengguna. Contohnya seperti kegagalan mengakses yang dibuat terhadap fail terkawal serta penggunaan utiliti sistem dan aplikasi, umpamanya aplikasi mana yang boleh diguna, bila dan oleh siapa. Manakala Log Audit Transaksi pula berfungsi untuk merekodkan transaksi yang diproses dalam sistem. Log Audit Transaksi diwujudkan bagi merekodkan maklumat transaksi seperti tarikh, masa, lokasi, pengguna dan aktiviti yang dijalankan termasuk perubahan kepada sistem aplikasi dan capaian serta cubaan capaian oleh penggodam (*hackers*). Log Audit Transaksi ini hendaklah disemak dari semasa ke semasa, di *backup* dan disimpan untuk tujuan rujukan dan tindakan. Semakan Audit yang dijalankan terhadap kawalan pengesanan pencerobohan mendapati pihak Akauntan Negeri tidak menggunakan Log Audit. Ketiadaan Log Audit boleh menyebabkan pendaftar gagal mengesan segala aktiviti pengguna atau penceroboh di dalam SPEKS. Di samping itu juga, ia akan menyukarkan sistem untuk mengesan semula pemprosesan transaksi yang telah dilakukan oleh sistem itu sendiri. Pihak Pejabat memaklumkan akan menyelaraskan perkara ini dengan JANM secepat mungkin.

Pada pendapat Audit tahap kawalan keselamatan sistem adalah tidak memuaskan kerana mekanisme utama untuk mengesan sebarang aktiviti pencerobohan tidak digunakan.

4.5.7 Post Implementation Review Tidak Pernah Dilaksanakan

Pengurusan dan penilaian perkhidmatan pihak ketiga perlu dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan oleh semua pembekal perkhidmatan menepati kehendak pihak pengurusan serta mematuhi perjanjian dan *Service Level Agreement* (SLA). Pengurusan perkhidmatan pihak ketiga secara berkesan dapat meminimumkan risiko berkaitan pembekal yang *non-performing*. Semakan Audit terhadap elemen kawalan ini

mendapati *Post Implementation Review* (PIR) tidak pernah dilakukan semenjak SPEKS dilaksanakan. *Maklum balas yang diperoleh daripada pihak Pejabat menjelaskan bahawa perkara ini akan dimaklumkan kepada pihak JANM secepat mungkin untuk tindakan selanjutnya.*

Pada pendapat Audit ketiadaan penilaian ini menyebabkan Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri Pahang tidak dapat memastikan sama ada setiap terma perjanjian yang telah dipersetujui telah dilaksanakan atau pun tidak.

4.5.8 Disaster Recovery Centre Belum Dibangunkan

Disaster Recovery Centre (DRC) perlu disediakan bagi memastikan SPEKS kembali beroperasi seperti sediakala selepas berlaku sesuatu bencana. DRC hendaklah diuji secara berkala untuk memastikan SPEKS dapat beroperasi dan urus niaga Pejabat tidak terjejas. Latihan juga perlu dilaksanakan supaya setiap kakitangan terlibat dengan DRC mengetahui tanggungjawab masing-masing semasa berlakunya bencana. Pengurusan *backup storage* hendaklah didokumentasikan selain mematuhi polisi dan prosedur yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati PKN telah memilih lokasi bagi penyediaan DRC. Bagaimanapun, latihan pengujian untuk mengaktifkannya masih tidak dijalankan memandangkan ia belum siap dibangunkan dan peralatan serta kemudahan masih belum lengkap. Kelewatan pelaksanaan ini dikhawatir boleh menjelaskan *backup storage* yang dilindungi daripada peringkat awal pelaksanaan SPEKS tersebut.

Pada pendapat Audit pelaksanaan DRC adalah tidak memuaskan kerana belum lagi dilaksanakan.

4.5.9 Firewall Activity Log Tidak Digunakan

Firewall digunakan bertujuan untuk keselamatan daripada ancaman trafik yang tidak dikehendaki dan bagi melicinkan perjalanan proses dalam SPEKS. Di awal pelaksanaan SPEKS, tiada sebarang masalah berlaku disebabkan oleh *firewall* tetapi apabila bertambahnya bilangan pengguna yang mencapai sistem, sedikit demi sedikit masalah telah dapat dikesan seperti capaian lambat, pengguna tidak dapat memasuki sistem disebabkan *firewall* tidak dapat menampung bilangan pengguna yang membuat capaian serentak kepada SPEKS. Pada tahun 2008, Pejabat telah menukar *firewall* baru iaitu *Watch Guard Firebox X5500e* dengan kos perolehan yang berjumlah RM65,000. Ianya lebih sesuai digunakan dan mempunyai kapasiti yang mencukupi bagi menggantikan *firewall* yang sedia ada iaitu *Watch Guard 1000*. Bagaimanapun, *Firewall Activity Logs* tidak digunakan dan disemak secara berkala. Akibat daripada ini menimbulkan kesukaran untuk mengesan sebarang percubaan pencerobohan di dalam rangkaian sistem. Pihak Pejabat memaklumkan akan menyelaraskan perkara ini dengan pihak JANM secepat mungkin.

Pada pendapat Audit kawalan keselamatan sistem adalah tidak memuaskan kerana *Firewall Activity Log* tidak disediakan dan ini boleh menyebabkan berlaku pencerobohan ke dalam SPEKS.

4.5.10 Jumlah Perisian Yang Terlibat Dengan SPEKS Tidak Diketahui

Pengurusan Perisian Sistem dan Teknikal (*System Software and Technical Support*) adalah untuk memastikan perisian sistem diurus secara teratur agar SPEKS dapat beroperasi secara terkawal. Temu bual Audit dengan pegawai yang bertanggungjawab menjelaskan bahawa tiada satu daftar atau senarai lesen perisian sistem khusus disediakan bagi mengenal pasti jumlah perisian yang diguna pakai. Pihak Pejabat tidak dapat mengesahkan dan mengesan jumlah perisian sistem yang dimiliki dan mengetahui tempoh masa bagi setiap perisian tamat dan bila perisian sistem tersebut perlu dikemaskinikan. Sehingga kini, segala urusan tersebut dijalankan oleh pihak pembekal apabila telah hampir tamat tempoh setiap perisian sistem di Pejabat. Pihak Pejabat memaklumkan akan menyelaraskan perkara ini dengan pihak JANM secepat mungkin dari segi penyediaan daftar khusus untuk perkara tersebut.

Pada pendapat Audit Pengurusan Perisian Sistem dan Teknikal adalah tidak memuaskan kerana tiada daftar atau senarai lesen perisian disediakan bagi mengenal pasti jumlah perisian yang diguna pakai.

4.5.11 Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Peringkat Negeri Pahang Tidak Aktif

Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS peringkat Negeri Pahang ditubuhkan bertujuan untuk melancarkan pelaksanaan SPEKS di Negeri Pahang. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau kemajuan pelaksanaan SPEKS di peringkat Negeri. Ia merangkumi fungsi untuk menyelesaikan sebarang masalah berbangkit semasa proses pelaksanaan dijalankan, keperluan guna tenaga dan latihan yang bersesuaian untuk kakitangan yang terlibat dan pemantauan pelaksanaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Akauntan Negeri dan ahli - ahlinya terdiri daripada seorang wakil dari Unit Pengurusan Teknologi Maklumat dan dua orang wakil dari Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan, Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pahang dan Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang. Semakan Audit terhadap penubuhan Jawatankuasa ini mendapati terma rujukan Jawatankuasa tidak disediakan dengan lengkap di mana kekerapan mesyuarat Jawatankuasa tidak dinyatakan di dalam terma rujukan pelantikan Jawatankuasa. Semenjak tahun 2006, pihak Audit mendapati Jawatankuasa tidak pernah mengadakan sebarang mesyuarat. Selain itu, fail berkaitan minit mesyuarat Jawatankuasa juga tidak di selenggara dengan kemas kini. *Maklum balas yang diperoleh daripada pihak Pejabat menjelaskan bahawa jawatankuasa ini baru sahaja diaktifkan iaitu pada tahun 2009. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 17 Mac 2009 melibatkan semua wakil daripada Jabatan dan beberapa wakil PTJ. Pejabat juga menjelaskan bahawa mesyuarat akan diadakan sebanyak dua kali setahun.*

Pada pendapat Audit kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Peringkat Negeri Pahang adalah tidak memuaskan memandangkan mesyuarat tersebut hanya diadakan pada tahun 2009.

4.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pelaksanaan SPEKS di Negeri Pahang perlu dipertingkatkan lagi kerana belum mencapai matlamat pengurusan sistem perakaunan berkomputer Kerajaan Negeri di samping menyediakan Penyata Kewangan dan laporan kewangan yang tepat dan berkualiti seperti yang diperlukan oleh pihak pengurusan Kerajaan Negeri. Beberapa aspek kawalan am dan aplikasi SPEKS perlu diperbaiki dan dipertingkatkan lagi tahap kawalan dan penggunaannya untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Oleh itu, pihak Audit mengesyorkan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang mengambil tindakan seperti berikut:

- a)** Menambah baik kawalan dalaman dan keselamatan, rangkaian dan perkakasan SPEKS.
- b)** Memberi latihan yang relevan dan berterusan.
- c)** Mempertingkatkan tahap pemantauan.
- d)** Memastikan sistem, rangkaian dan perkakasan diselenggarakan secara berjadual.
- e)** Polisi, arahan, peraturan, garis panduan, pekeliling dan standard berkaitan dengan SPEKS dimaklum, difahami dan dilaksanakan secara berterusan.
- f)** Mempercepatkan tarikh penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.
- g)** Menaik taraf keperluan rangkaian di setiap Jabatan.

JABATAN BEKALAN AIR NEGERI PAHANG

5. PENGURUSAN KUALITI AIR MINUM

5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Bekalan air minum yang bersih dan berkualiti adalah sangat penting bagi menjaga kesihatan dan kesejahteraan umum di samping menjadi teras utama dalam pembangunan negara. Air yang bersih dan berkualiti adalah dinilai dari ciri-ciri fizikal, kimia, biologi serta radioaktif. Di Malaysia, standard kualiti air yang dibekalkan adalah seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam Standard Kualiti Air Minum Kebangsaan. Secara amnya, undang-undang, dasar, garis panduan dan peraturan yang terperinci bagi industri perkhidmatan air telah wujud di negara ini. Selain itu, penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah bertujuan untuk memantau sepenuhnya industri perkhidmatan air negara.

5.1.2 Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang (JBA Pahang) telah ditubuhkan pada awal Januari 1993. Sebelum ini ia adalah sebuah Unit di bawah Jabatan Kerja Raya. Selain di Ibu Pejabat, JBA Pahang mempunyai 11 cawangan di seluruh negeri yang bertanggungjawab dalam urusan kawal selia, perancangan, pembangunan dan pengurusan sistem bekalan air. Objektif utama JBA Pahang adalah untuk memberi perkhidmatan bekalan air bersih yang memuaskan dari segi kualiti dan kuantiti kepada pengguna untuk keperluan pembangunan sosial dan ekonomi di Negeri Pahang.

5.1.3 Negeri Pahang mempunyai keluasan 35,515 km persegi dengan jumlah penduduknya seramai 1.30 juta orang pada akhir tahun 2008. JBA Pahang mempunyai 79 buah Loji Rawatan Air (LRA) yang beroperasi di seluruh negeri dengan keupayaan pengeluaran air sebanyak 867 juta liter sehari (jlh) untuk dibekalkan kepada 1.16 juta pengguna. Pada tahun 2008, hasil yang diperoleh daripada bekalan air adalah berjumlah RM109.78 juta dan telah menyumbang sebanyak 24% daripada hasil pendapatan Kerajaan Negeri Pahang. Tarif yang dikenakan ialah RM0.37 untuk 18 meter padu yang pertama bagi pengguna domestik dan RM1.45 untuk setiap padu bagi pengguna perniagaan.

5.1.4 Badan Kawal Selia Air Negeri Pahang (BKSA) ditubuhkan pada April 2008 bagi mengurus, mengawal dan menyelaras sumber air dan mutu air, kawasan tadahan air secara bersepadu serta mengeluarkan lesen bagi pembekalan air mentah. Unit Perkhidmatan Kejuruteraan Kesihatan di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKN Pahang) menjalankan Program Kawalan Mutu Air Minum dan dipantau oleh Unit Kawalan Mutu Air Minum (Unit KMAM) untuk memastikan kualiti dan keselamatan air minum yang dibekalkan kepada pengguna mengikut piawaian yang ditetapkan seterusnya mengurangkan kejadian penyakit bawaan air yang dikaitkan dengan kualiti air. Program ini juga berfungsi untuk memberi amaran sekiranya terjadi penurunan kualiti air minum secara mendadak dan membolehkan pihak Jabatan Kesihatan serta Jabatan Bekalan Air mengambil langkah pencegahan atau pemberian sebelum kejadian wabak penyakit merebak.

5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada kualiti air minum telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan selaras dengan standard yang ditetapkan oleh KKM.

5.3 SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan yang dilaksanakan ini meliputi tahun 2006 hingga Mac 2009 yang telah diuruskan oleh JBA Pahang bagi tujuan pembekalan air yang berkualiti kepada penduduk. Kajian ini juga melibatkan Jabatan Kesihatan Cawangan Negeri Pahang (JKN), SPAN Wilayah Timur, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Negeri Pahang (JAS), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPN) dan BKSA. Kajian ini juga meliputi empat Loji Rawatan Air (LRA) yang dipilih iaitu LRA Semambu, Kuantan, LRA Kuala Terla dan LRA Sungai Burung, Cameron Highlands serta LRA Nenasi, Pekan seperti di **Peta 5.1**.

Peta 5.1
Lokasi Loji Rawatan Air Yang Terpilih



Sumber: Rekod Jabatan Bekalan Air Pahang

5.4 KAEAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen seperti jadual kerja, laporan tahunan program, laporan ujian kualiti air dan aduan awam. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai juga diadakan bagi mengesahkan maklumat serta mengadakan lawatan ke LRA yang dipilih. Selain itu, borang soal selidik juga diedarkan kepada pengguna yang terlibat bagi mendapatkan maklum balas dan pendapat terhadap kualiti air yang dibekalkan. Analisis juga dijalankan terhadap data yang diperoleh daripada

maklum balas pengguna dan juga ujian kualiti air yang dijalankan. Pemilihan LRA dibuat berdasarkan kriteria seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Kriteria Pemilihan

Bil.	LRA	Kapasiti	Tahun Dibina	Punca Air	Kriteria Pemilihan
1.	Loji Semambu Kuantan	i) Fasa 1 – 121.13 jlh ii) Fasa 2 – 121.13 jlh	i) Fasa 1 - 1998 ii) Fasa 2 - 2008	Sungai Kuantan	Loji terbesar di Negeri Pahang mempunyai dua LRA yang berbeza
2.	Loji Kuala Terla Cameron Highlands	17.03 jlh	April 2007	Sungai Terla dan Sungai Ichat	Kawasan pertanian – air tercemar mengandungi Pestisid
3.	Loji Sungai Burung Cameron Highlands	2.65 jlh	1985	Sungai Rotan dan Sungai Burung	Kawasan pertanian – air tercemar mengandungi Pestisid
4.	Loji Nenasi Pekan	3.79 jlh	2006	Bumi	Sumber air dari bumi menggunakan sistem <i>dynasand</i>

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5 PENEMUAN AUDIT

5.5.1 Air Mentah

Mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), pengurusan sumber air mentah atau kawasan tadahan Negeri Pahang adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri melalui BKSA.

a) Pewartaan Kawasan Tadahan

Berdasarkan temu bual dengan pegawai BKSA dan semakan terhadap rekod JPN yang berkaitan mendapat seluas 250,952 hektar atau 87.8% daripada 285,862 hektar kawasan tadahan air yang dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri telah diwartakan sehingga akhir tahun 2008. Manakala baki seluas 34,910 hektar masih dalam tindakan Pejabat Tanah Dan Galian, Negeri Pahang. Pewartaan ini dibuat bagi memastikan kawasan tadahan tersebut terus terpelihara dan terkawal. Selain itu, semakan Audit juga mendapat sehingga akhir tahun 2008 sebanyak 119 batang sungai di Negeri Pahang telah diwartakan termasuk Sungai Kuantan, Sungai Terla, Sungai Ichat, Sungai Burung dan Sungai Rotan. Butiran lanjut mengenai kawasan hutan tadahan air Negeri Pahang yang telah diwartakan adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Kawasan Hutan Tadahan Air Negeri Pahang Yang Telah Dikenal Pasti

Bil.	Daerah	Mukim	Kawasan Tadahan	Keluasan (Hektar)
1.	Kuantan	<ul style="list-style-type: none"> • Ulu Kuantan • Penyor 	<ul style="list-style-type: none"> • Empangan Chereh • Empangan Jeram 	13, 283.94 53,882.00
2.	Rompin	<ul style="list-style-type: none"> • Keratong • Rompin • Tanah Kerajaan Berhutan 	<ul style="list-style-type: none"> • Empangan Pukin & Empangan Jekatih • Kawasan Hutan Tadahan Air Dalam Tanah Kerajaan Yang Telah Diluluskan Sebagai Hutan Simpanan Kekal Dalam MMK8/99 Dalam tindakan Pejabat Tanah Dan Galian. 	21,554.00 9,640.00
3.	Temerloh	<ul style="list-style-type: none"> • Jenderak • Chenor • Semantan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Hutan Tadahan Air 	12,279.00 4,176.50 870.00
4.	Jerantut	<ul style="list-style-type: none"> • Hulu Tembeling 	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Hutan Tadahan Air 	15,515.00
5.	Bentong	<ul style="list-style-type: none"> • Bentong • Sabai/Pelangai • Tanah Kerajaan Berhutan 	<ul style="list-style-type: none"> • Empangan Perting & Chamang • Empangan Telemong & Benus • Kawasan Tadahan Air Dalam Tanah Kerajaan Yang Telah Diluluskan Sebagai Hutan Simpanan Kekal Dalam MMK8/99. Dalam tindakan Pejabat Tanah Dan Galian. 	10,978.00 28,086.00 11,842.12
6.	Raub/Cameron Highlands	<ul style="list-style-type: none"> • Batu Talam,Ulu Semantan, Teras & Gali • Hulu Telom,Ringlet/ Tanah Rata & • Tanah Kerajaan Berhutan 	<ul style="list-style-type: none"> • Empangan Lipis/Sia,Liang, Kelau & Kenong • Kawasan Tadahan Air Kampung Raja,Terla, Brinchang/Tanah Rata, Habu & Sungai Habu. • Kawasan Hutan Tadahan Air Dalam Tanah Kerajaan Yang Telah Diluluskan Sebagai Hutan Simpanan Kekal Dalam MMK8/99. Dalam tindakan Pejabat Tanah Dan Galian. 	88,842.00 1,486.00 13,428.00
Jumlah				285,862.56

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

Pada pendapat Audit, pewartaan kawasan tadahan air dan sungai oleh Kerajaan Negeri Pahang adalah baik kerana sebahagian besar kawasan iaitu 87.8% telah diwartakan.

b) Status Kawalan Keselamatan Di Kawasan Tadahan

Semakan Audit mendapati pelaksanaan Enakmen Sumber Air 2007 belum dikuatkuasakan sepenuhnya kerana BKSA baru ditubuhkan pada April 2008 dan belum membuat pemantauan sepenuhnya ke semua kawasan tadahan air. Kesan daripada kurangnya kawalan serta pemantauan di kawasan tadahan air boleh menjadai tahap kualiti air mentah kerana aktiviti pencerobohan boleh mengakibatkan pencemaran air. *Maklum balas daripada BKSA menjelaskan bahawa kawalan terhadap keselamatan kawasan tadahan air daripada berlakunya pencemaran dan pencerobohan adalah satu aktiviti penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan secara bersepada bersama JPN. Perkara ini dilaksanakan melalui tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kawasan tadahan air di Negeri Pahang yang akan bermula pada Jun 2009.*

Pada pendapat Audit, kawalan dan pemantauan yang dilaksanakan di kawasan tадahan adalah tidak memuaskan kerana BKSA belum melaksanakan penguatkuasaan sepenuhnya.

c) Kualiti Air Mentah

- i) **Analisis Rekod Pencemaran Bagi Tahun 2006 Hingga 2008 Oleh Jabatan Alam Sekitar** - Bagi tujuan mengklasifikasikan status kebersihan sungai atau sumber air, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar telah menggunakan julat Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Klasifikasi Indeks Kualiti Air Negara

Kelas	Julat IKAN	Klasifikasi
I	Lebih daripada 92.7	Pemuliharaan alam sumber air yang asli dan tidak memerlukan sebarang rawatan.
II	76.5 – 92.7	Berstatus bersih, mengikut Interim Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Malaysia sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan konvensional diperlukan untuk tujuan tersebut.
III	51.9 – 76.5	Berstatus bersih, mengikut Interim Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Malaysia sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan lanjut diperlukan untuk tujuan tersebut.
IV	31.0 – 51.9	Tujuan pengairan sahaja.
V	Kurang daripada 31.0	Tidak sesuai untuk bekalan air dan pengairan.

Sumber: Rekod Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Semakan Audit terhadap rekod JAS berkenaan dengan julat IKAN mendapati status sungai bagi rangkaian yang dipilih iaitu Sungai Kuantan, Sungai Terla, Sungai Ichat, Sungai Rotan dan Sungai Burung diklasifikasikan sebagai kelas II iaitu bersih seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Indeks Kualiti Air Negara Bagi Sungai Rangkaian Terpilih
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	Loji	Kawasan Tадahan/ Sumber Air (Rangkaian Terpilih)	Indeks Kualiti Air			Kelas			Status Sungai
			2006	2007	2008	2006	2007	2008	
1.	Semambu	Sungai Kuantan	92.5	91.0	86.0	II	II	II	Bersih
2.	Kuala Terla	Sungai Terla dan Sungai Ichat	94.5	92.5	92.0	I	II	II	Bersih
3.	Sungai Burung	Sungai Rotan dan Sungai Burung	92.5	90.0	92.0	II	II	II	Bersih

Sumber: Rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

- ii) **Pengujian Kualiti Air Mentah Oleh Jabatan Kesihatan Negeri** - Bagi menguji kualiti air mentah sama ada ia mencapai mutu yang dikehendaki, pengambilan sampel air mentah dilaksanakan oleh JKN Pahang dan sampel yang diambil dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis. JKN Pahang juga menjalankan Kajian Kebersihan setiap tahun bagi mengenal pasti sumber pencemaran air di kawasan tадahan, loji dan retikulasi yang berkebarangkalian tinggi memberi kesan kepada kesihatan pengguna. Standard yang digunakan oleh KKM bagi menilai tahap kualiti air mentah adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Kriteria Bagi Kualiti Air Mentah Dan Kekerapan Pemantauan Yang Dicadangkan

Jenis Ujian	Parameter	Nilai Yang Boleh Diterima	Kekerapan Pemantauan (Air Permukaan)
Kumpulan I (Fizikal Dan Bakteria)	<i>Total Coliform</i>	5000 MPN/100ml	W
	<i>E-Coli</i>	5000 MPN/100ml	W
	pH (Low)	5.5	W
	pH (High)	9.0	W
	Kekeruhan	1000 NTU	W
	Warna	300 TCU	W
Kumpulan II (Bakteria Dan Kimia)	<i>Biological Oxygen Demand</i>	6 mg/ l	M
	<i>Chemical Oxygen Demand</i>	10 mg/ l	M
	<i>Ammonia</i>	0.5 mg/ l	M
	<i>Nitrate</i>	10 mg/ l	M
	<i>Floride (H)</i>	1.0 mg/ l	M
	<i>Iron</i>	0.2 mg/ l	M
	<i>Manganese</i>	0.2 mg/ l	M
Kumpulan III (Kimia)	<i>Aluminium</i>	500 mg/ l	M
	<i>Mercury</i>	0.001 mg/ l	Y/4
	<i>Cadmium</i>	0.005 mg/ l	Y/4
	<i>Arsenic</i>	0.05 mg/ l	Y/4
	<i>Lead</i>	0.1 mg/ l	Y/4
	<i>Chromium</i>	0.5 mg/ l	Y/4
Kumpulan IV	<i>Zinc</i>	3.0 mg/ l	Y/4
	<i>Aldrin/dieldrin</i>	0.00003 mg/ l	Y/4
	<i>DDT</i>	0.002 mg/ l	Y/4
	<i>Heptachlor</i>	0.00003 mg/ l	Y/4
	<i>Methoxycyclor</i>	0.02 mg/ l	Y/4
	<i>HexaCloroBenzene</i>	0.001 mg/ l	WN
	<i>Lindane</i>	0.002 mg/ l	Y/4
	<i>Chlordane</i>	0.0002 mg/ l	Y/4
	<i>2,4-D</i>	0.03 mg/ l	WN

Sumber: Rekod Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota: W- Seminggu sekali

M- Sebulan sekali

Y/4- 3 bulan sekali

WN- Mengikut Keperluan

Bagi menentukan kualiti air mentah, sebanyak 14,591 sampel di daerah yang dipilih telah diuji oleh JKN Pahang bagi tahun 2006 hingga 2008 di daerah rangkaian yang dipilih seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Kualiti Air Mentah Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Daerah	Jumlah Sampel Diuji				Jumlah Sampel Pelanggaran				Peratus Pelanggaran (%)			
		KI	KII	KIII	KIV	KI	KII	KIII	KIV	KI	KII	KIII	KIV
2006	Kuantan	1,548	609	125	125	18	52	0	0	1.20	8.50	0	0
	Cameron Highlands	1,773	727	140	131	17	12	0	0	1.00	1.70	0	0
	Pekan	1,194	478	115	190	13	62	0	0	10.90	13.00	0	0
2007	Kuantan	1,569	754	140	224	26	72	0	0	1.66	9.55	0	0
	Cameron Highlands	2,058	732	140	113	12	17	0	0	0.58	2.32	0	0
	Pekan	815	576	120	192	15	49	0	0	1.80	8.51	0	0
2008	Kuantan	2,016	864	160	248	28	24	0	0	1.39	2.83	0	0
	Cameron Highlands	2,226	756	140	224	0	0	0	0	0	0	0	0
	Pekan	1,392	639	120	192	38	56	0	0	2.73	8.76	0	0
Jumlah		14,591	6,135	1,200	1,639	167	344	0	0	1.14	5.61	0	0

Sumber: Rekod Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Nota:

KI - Ujian fizikal dan bakteria

KII – Ujian kimia (Kumpulan II)

KIII - Ujian kimia (Kumpulan III)

KIV- Ujian kimia (Kumpulan IV)

Analisis Audit mendapati daripada 14,591 sampel yang diuji untuk ujian fizikal dan bakteria bagi kualiti air mentah di muka sauk (*intake*) bagi tiga daerah rangkaian yang dipilih bagi tahun 2006 hingga 2008, hanya 167 sampel atau 1.1% yang mengandungi pelanggaran. Keadaan ini menunjukkan bilangan kes kandungan bakteria tersebut belum pada tahap kritikal kerana pencemaran tidak berlaku secara berterusan.

Selain itu, Kumpulan II,III dan IV melibatkan ujian kimia dibuat untuk memastikan bahan kimia yang terdapat dalam air tidak melebihi kadar yang diluluskan. Bahan kimia dimaksudkan adalah seperti *Ammonia, Iron, Manganese, Mercury, Cadmium, Arsenic, Lead, Chromium dan Zinc*. Ujian kandungan kimia dilaksanakan terhadap sampel air mentah yang diambil dari sungai atau *intake*. Analisis Audit mendapati daripada 8,974 sampel (Kumpulan II,III & IV) yang diuji untuk ujian kimia bagi kualiti air mentah di *intake* bagi tiga daerah rangkaian yang dipilih bagi tahun 2006 hingga 2008 mendapati hanya 344 sampel atau 3.8% daripada kumpulan II sahaja yang mengandungi pelanggaran.

Semakan Audit mendapati selain daripada sampel yang diambil oleh JKN Pahang, JBA Pahang juga telah mengambil sampel dan melakukan ujian fizikal bagi pH, kekeruhan dan warna. Pengujian ini dilakukan di makmal Ioji bagi menilai kualiti air mentah dari *intake* iaitu setiap dua jam bagi LRA Semambu dan setiap empat jam bagi LRA Kuala Terla, Sungai Burung dan Nenasi. Berdasarkan Laporan Kajian Kebersihan JKN Pahang, bagi tahun 2006 hingga 2008 tidak berlaku pencemaran yang serius terhadap kualiti air mentah di LRA Semambu, LRA Sungai Burung, LRA Kuala Terla dan LRA Nenasi.

Pada pendapat Audit, berdasarkan bacaan Indeks Kualiti Air Negara oleh JAS, kualiti air sungai bagi rangkaian terpilih adalah baik kerana airnya berada dalam kelas II iaitu berstatus bersih. Begitu juga berdasarkan analisis kualiti air oleh JKN, kualiti air mentah bagi LRA Semambu, Kuala Terla, Sungai Burung dan Nenasi adalah baik.

d) Caj Royalti Air Mentah

Semakan Audit mendapati bekalan air mentah yang diambil oleh JBA tidak dikenakan caj royalti oleh pihak Kerajaan Negeri. Pengusaha industri dan pertanian daripada tiga daerah sahaja yang membayar lesen dan caj air mentah. Pengusaha industri bagi Daerah Bentong dan Temerloh telah membayar mengikut kadar yang diluluskan oleh MMKN. Manakala pengusaha pertanian bagi Daerah Cameron Highlands masih membayar lesen mengikut kadar lama iaitu RM10 setahun dan kesannya boleh mengurangkan hasil Kerajaan Negeri. Sehingga akhir tahun 2008, kutipan hasil ini masih di uruskan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah kerana ia belum diambil alih oleh BKSA. Pihak BKSA memaklumkan tiada caj air dikenakan kepada JBA Pahang memandangkan Jabatan tersebut masih lagi belum dikorporatkan dan hasil air terawat yang dikutip merupakan punca hasil Kerajaan Negeri. Manakala tindakan penguatkuasaan ke atas pelesenan abstraksi air mentah akan dijalankan dengan lebih proaktif dengan kerjasama semua Pejabat Daerah Dan Tanah.

Pada pendapat Audit, pengurusan caj royalti air mentah adalah tidak memuaskan kerana tiada penekanan terhadap kutipan hasil air mentah. Kerajaan Negeri perlulah mengambil kira secara menyeluruh penekanan kutipan caj air mentah kerana pada masa ini hanya pengusaha industri sahaja yang dikenakan caj air mentah.

5.5.2 Loji Rawatan Air

Bagi menentukan pengurusan terhadap pengeluaran air terawat mencapai kualiti yang dikehendaki sebanyak empat buah LRA telah dipilih untuk diaudit.

a) Kategori Makmal

Semakan Audit mendapati pada tahun 2001, JBA Pahang telah diluluskan projek pembinaan sebuah makmal berpusat di LRA Semambu, Kuantan. Bagaimanapun, projek ini lewat disiapkan iaitu pada akhir tahun 2007 kerana masalah kontraktor. Sehingga kini makmal berkenaan masih belum beroperasi sepenuhnya.

Selain itu, semakan Audit mendapati makmal di LRA yang dipilih tidak mempunyai Sijil Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) berdasarkan ISO/IEC 17025:2005. Bagaimanapun, JBA Pahang sedang dalam proses memohon Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan MS ISO 9001:2000. Pemeriksaan Audit terhadap semua makmal di LRA tersebut mendapati makmal LRA Semambu, Nenasi dan Sungai Burung adalah kemas dan teratur serta mempunyai sistem penyimpanan rekod yang memuaskan. Manakala makmal LRA Kuala Terla masih belum dilengkapkan sepenuhnya seperti di **Foto 5.1.**

Foto 5.1
Makmal LRA Yang Tidak Lengkap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 29 Oktober 2008
Lokasi: LRA Kuala Terla, Cameron Highlands

Maklum balas daripada JBA, menjelaskan bahawa makmal pusat akan beroperasi sepenuhnya apabila jawatan Pembantu Makmal gred C17 diisi pada akhir Mei 2009. Manakala status makmal masih lagi dalam tindakan JBA untuk memperoleh sijil SAMM. Selain itu, JBA telah melengkapkan makmal LRA Kuala Terla dan telah diaudit oleh pihak SPAN Wilayah Utara pada akhir April 2009.

Pada pendapat Audit, makmal berpusat JBA Pahang adalah tidak memuaskan kerana ia masih belum beroperasi sepenuhnya. Manakala makmal LRA Semambu, Nenasi dan Sungai Burung adalah memuaskan dan mempunyai sistem penyimpanan rekod yang kemas kini. Bagaimanapun, makmal di LRA Kuala Terla belum dilengkapi dengan peralatan bagi menguji kualiti air terawat.

b) Ujian Di Makmal

Kualiti air hanya dapat ditentukan melalui ujian yang dijalankan terhadap air mentah atau air yang telah dirawat. Semakan Audit mendapati di setiap LRA disediakan makmal bagi menjalankan ujian fizikal seperti ujian terhadap parameter kekeruhan, warna, pH dan baki klorin kecuali LRA Kuala Terla kerana makmal LRA tersebut baru siap dibina pada tahun 2007 dan belum dilengkapi dengan peralatan pengujian. Bagaimanapun, ujian bakteria hanya dijalankan di LRA Semambu dan ujian bakteria serta kimia secara terperinci hanya dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia. Senarai ujian yang dijalankan di makmal LRA yang di audit adalah seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Senarai Ujian Yang Dijalankan Di LRA

Bil.	LRA	Jenis Air	Jenis Ujian	Kekerapan
1.	Semambu, Kuantan	Air Mentah	pH, kekeruhan, warna	Setiap 2 jam
		Air Mendap	pH, kekeruhan, warna	Setiap 2 jam
		Air Bersih	pH, warna, kekeruhan, baki Klorin, Fluorida, <i>Aluminium, Iron, Manganese, Total Coliform</i>	Setiap 2 jam
2.	Sungai Burung, Cameron Highlands	Air Mentah	pH, kekeruhan, warna	Setiap 2 jam
		Air Mendap	pH, kekeruhan, warna	Setiap 2 jam
		Air Bersih	pH, warna, kekeruhan, <i>Aluminium, Bebas Klorin, Iron</i>	Setiap 2 jam
3.	Nenasi, Pekan	Air Mentah	pH, kekeruhan, warna, bau	Setiap 4 jam
		Air Mendap	pH, kekeruhan, warna, bau	Setiap 4 jam
		Air Bersih	pH, warna, kekeruhan, baki Klorin, <i>Iron</i>	Setiap 4 jam

Sumber: Rekod Jabatan Bekalan Air Pahang

Pada pendapat Audit, ujian yang dilaksanakan di makmal loji adalah memuaskan kecuali di LRA Kuala Terla. Ujian kualiti air terawat di LRA Kuala Terla perlu dijalankan bagi menjamin air dianalisis sebelum disalurkan kepada pengguna berdasarkan panduan KMAM.

c) Kakitangan Di Loji Rawatan Air

Semakan Audit mendapati jawatan Pegawai Sains telah diisi manakala jawatan Pembantu Makmal gred C22 dan C17 masih belum diisi dan beliau sekarang dibantu oleh seorang Juruteknik gred J17 yang telah dilatih bagi menjalankan ujian kualiti air di makmal. Bagi makmal di LRA yang dipilih, ujian kualiti air dijalankan oleh operator loji atau pekerja rendah awam yang berpengalaman dan telah diberi latihan dalaman oleh JBA Pahang. *Maklum balas daripada JBA menjelaskan bahawa pengisian jawatan Pembantu Makmal gred C22 hanya akan dilaksanakan selepas pengisian jawatan Pembantu Makmal gred C17 dibuat pada akhir Mei 2009.*

Pada pendapat Audit, pengisian perjawatan bagi makmal JBA Pahang adalah tidak memuaskan kerana lewat diisi. JBA perlu memastikan semua kakitangan yang melaksanakan ujian kualiti air di loji adalah berkelayakan dan kompeten bagi menjamin kualiti air.

d) Prosedur Pensampelan

Semakan Audit mendapati JBA Pahang ada menyediakan prosedur kerja bagi ujian air mentah, air enap dan air bersih serta ujian kandungan baki klorin dan pH di paip agihan. Selain itu, JBA juga mengguna pakai Manual Program Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan bagi mengawal dan memantau kualiti air minum yang dibekalkan kepada pengguna. Manual Program ini menerangkan dengan terperinci kaedah dan prosedur pensampelan.

Selain daripada mengambil laporan pensampelan bagi ujian kualiti air di makmal oleh Unit KMAM, JBA Pahang juga menjalankan ujian sendiri di makmal loji iaitu ujian balang dan ujian fizikal. Ujian fizikal dijalankan bagi menentukan tahap parameter pH,

kekeruhan dan warna serta klorin. Ujian ini dijalankan dengan menggunakan peralatan seperti pH Meter, *Turbidity Meter*, *Multi Direct Photometer* atau *Comparator Disc*.

Pada pendapat Audit, prosedur dan protokol pensampelan bagi JBA Pahang adalah baik kerana mempunyai manual atau prosedur khusus sebagai rujukan dalam menjalankan pensampelan.

e) Komponen Yang Digunakan

- i) Peralatan - Semakan Audit mendapati makmal di LRA Semambu, Sungai Burung dan Nenasi mempunyai peralatan pengujian yang lengkap, manakala makmal LRA Kuala Terla belum dilengkapi sepenuhnya kerana ia baru dibina pada tahun 2007. Peralatan yang digunakan bagi ujian fizikal kualiti air di makmal LRA adalah seperti di **Jadual 5.8** dan **Foto 5.2**.

Jadual 5.8
Senarai Peralatan Pengujian Kualiti Air Di LRA

Bil.	Parameter Diuji	Peralatan Makmal	Jenama
1.	Kekeruhan	<i>Turbidimeter</i>	Hach 2100P
2.	pH	pH Meter	WTW 330i
3.	Baki Klorin, <i>Aluminium, Ferum, Manganese, Flourida</i>	<i>Multi Direct Photometer</i>	Lovibond
4.	Dosej Kimia (Ujian Balang)	<i>Jar tester</i>	-

Sumber: Rekod Jabatan Bekalan Air Pahang

Foto 5.2
Peralatan Ujian Jabatan Bekalan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 29 Oktober 2008

Lokasi: LRA Semambu, Kuantan

Pada pendapat Audit, peralatan yang digunakan di LRA adalah memuaskan kecuali di LRA Kuala Terla yang belum dilengkapi sepenuhnya.

ii) **Instrumen** - Semakan Audit mendapati instrumen *On-Line Analyser Monitoring System* yang dipasang di makmal LRA Semambu tidak berfungsi. Alat yang bernilai RM446,016 ini telah dibekalkan pada tahun 2001 semasa projek pembinaan makmal berpusat diluluskan dan hanya dipasangkan di makmal setelah ia siap dibina pada tahun 2007. Alat ini didapati rosak dan masih belum dibaiki lagi walaupun tempoh jaminan telah tamat pada akhir November 2008. Selain itu, *pH analyser* yang dipasang di LRA Kuala Terla dan LRA Nenasi juga didapati tidak berfungsi dan masih belum dibaiki. Keadaan ini menyebabkan pemantauan prestasi LRA tidak dapat dijalankan. Instrumen yang tidak berfungsi di LRA Semambu dan LRA Kuala Terla adalah seperti di **Foto 5.3** hingga **Foto 5.5**.

Foto 5.3
Supervisory Control and Data Acquisition System (SCADA)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 20 Oktober 2008
Lokasi: LRA Semambu, Kuantan

Foto 5.4

On-Line Analyser



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 20 Oktober 2008
Lokasi: LRA Semambu, Kuantan

Foto 5.5



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 29 Oktober 2008
Lokasi: LRA Kuala Terla, Cameron Highlands

Maklum balas daripada JBA menjelaskan bahawa tindakan mengenai pasti kerosakan dan penyenggaraan instrumen telah dijalankan pada akhir tahun 2008 dan melibatkan kos sejumlah RM90,000.

Pada pendapat Audit, instrumen yang digunakan adalah tidak memuaskan kerana JBA lewat mengambil tindakan pembaikan yang menjelaskan proses pemantauan kualiti air.

f) Kalibrasi Peralatan

Semakan Audit mendapati kalibrasi dalaman telah dilakukan oleh Juruteknik, Operator Loji atau Pembantu Am Rendah bagi semua peralatan pengujian mengikut kekerapan yang telah ditetapkan bagi LRA Semambu, Nenasi, Kuala Terla dan Sungai Burung. Bagi kalibrasi luaran peralatan akan dihantar kepada pembekal berkenaan untuk dibuat kalibrasi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati maklumat berkaitan kalibrasi bagi tahun 2006 dan 2007 tidak dapat diperoleh kerana Daftar Kalibrasi hanya diselenggarakan bermula dari tahun 2008.

Pada pendapat Audit, kalibrasi peralatan pengujian adalah memuaskan kerana JBA Pahang telah mengambil tindakan untuk menyelenggara rekod kalibrasi.

g) Rekod Kawalan Harian Kualiti Air Di Loji Rawatan Air

Semakan Audit mendapati LRA Sungai Burung dan Nenasi tidak menyelenggara rekod Kawalan Harian Kualiti Air bagi tahun 2006 hingga 2007, namun ia mula diselenggarakan pada tahun 2008. Manakala rekod LRA Kuala Terla tidak disediakan dan LRA ini baru siap dibina pada tahun 2007. LRA Semambu pula mempunyai rekod yang lengkap dan kemas kini bagi tahun 2006 hingga 2008.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod Kawalan Harian Kualiti Air di LRA adalah memuaskan.

h) Penggunaan Fluorida

Pihak JBA Pahang memaklumkan bahawa hanya tiga buah LRA di rangkaian terpilih iaitu LRA Semambu, Kuala Terla dan Sungai Burung yang disediakan *Flouride Feeder*. Semakan Audit mendapati di LRA Semambu, Kuala Terla dan Sungai Burung tidak menggunakan fluorida sejak tahun 2008 kerana kelewatan pembekalan bahan kimia tersebut. Ia juga disebabkan oleh kenaikan harga secara mendadak. Manakala LRA Nenasi tidak menggunakan fluorida dalam proses rawatan air kerana *Flouride Feeder* tidak dipasang di LRA tersebut. *Maklum balas daripada JBA menjelaskan bahawa berdasarkan maklumat daripada Bahagian Pergigian JKN, sumber air mentah di LRA Nenasi telah mengandungi bahan fluorida secara semula jadi.*

Pada pendapat Audit, penggunaan fluorida di LRA Negeri Pahang adalah tidak memuaskan kerana semua LRA yang terpilih tidak menggunakan fluorida dalam air terawat.

i) Pelanggaran Parameter Kualiti Air Bersih

Ujian bersama yang dijalankan oleh pasukan Audit, JBA Pahang dan JKN terhadap kualiti air di makmal LRA yang dipilih mendapati pelanggaran parameter kualiti air seperti di **Jadual 5.9**. Contoh peralatan yang digunakan oleh JBA dan JKN untuk ujian kekeruhan adalah seperti di **Foto 5.6**.


Jadual 5.9
Ujian Fizikal Kualiti Air Di Makmal

Tarikh Ujian	LRA	pH		Kekeruhan		Baki Klorin	
		JBA Pahang	JKN Pahang	JBA Pahang	JKN Pahang	JBA Pahang	JKN Pahang
10.10.2008 (Kuantan)	Semambu Fasa 1	**4.608	**4.52	0.51	0.65	1.139	1.3
	Semambu Fasa 2	**4.323	**4.53	5.0	5.08	4.18	3.02
29.10.2008 (Cameron Highlands)	Kuala Terla	6.438	6.8	0.62	0.77	1.47	2.5
	Sungai Burung	6.92	6.8	1.01	0.86	4.81	4.0
14.10.2008 (Pekan)	Nenasi	7.23	6.67	**5.27	**5.17	4.25	5.0

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: ** Pelanggaran

Foto 5.6
Turbidimeter Yang Diguna Oleh JBA Dan JKN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 29 Oktober 2008

Lokasi: LRA Kuala Terla, Cameron Highlands

Pihak Audit dimaklumkan faktor utama berlaku pelanggaran pH di LRA Semambu, Kuantan adalah disebabkan oleh kebocoran tangki banchuan kapur. Manakala, LRA Nenasi, Pekan menunjukkan pelanggaran terhadap kekeruhan dan punca utama yang menyebabkan peningkatan pelanggaran kekeruhan adalah tahap iron yang tinggi. Ini menyebabkan air yang dibekalkan kepada pengguna tidak menepati piawaian yang ditetapkan oleh KKM. *Maklum balas daripada pihak JBA, menjelaskan bahawa satu kajian troubleshooting telah dijalankan di LRA Nenasi, Pekan pada Mac 2009 bagi mengenal pasti masalah yang menyebabkan pelanggaran kekeruhan. Pihak JBA telah mengambil tindakan serta merta dengan menggantikan bahan koagulan yang sedia ada kepada bahan koagulan yang lebih efektif dan*

mengintegrasikan proses rawatan loji lama dan loji baru. Bagi perancangan jangka panjang, beberapa komponen loji akan ditambah dan dinaiktarafkan agar proses rawatan dapat berjalan dengan lebih sempurna.

Pada pendapat Audit, kualiti air terawat di LRA tidak memuaskan kerana terdapat pelanggaran pH di LRA Semambu dan kekeruhan di LRA Nenasi.

5.5.3 Tangki/Kolam Imbangan Dan Perkhidmatan

Di Negeri Pahang, tangki diselia dan di senggara oleh JBA Pahang berdasarkan rangkaian masing-masing.

a) Pemeriksaan dan Cucian Tangki

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008, jadual pencucian tangki tidak di sediakan oleh JBA Daerah Kuantan. Manakala JBA Daerah Cameron Highlands hanya menyediakan jadual pencucian tangki pada tahun 2008 sahaja. Daripada 18 tangki yang dijadualkan untuk dicuci hanya empat tangki yang telah dicuci. Selain itu, JBA Daerah Pekan hanya menyediakan jadual pada tahun 2007 sahaja dan didapati tujuh daripada 35 tangki air telah dijalankan pencucian. Daripada 478 tangki air di seluruh Negeri Pahang, didapati tujuh tangki air diserahkan kepada kontraktor untuk dicuci dengan menggunakan robot. Kerja mencuci tangki dengan menggunakan robot didapati lebih baik daripada manual kerana baki air dalam tangki tidak perlu dikeluarkan dan kerja pencucian boleh dibuat tanpa memberhentikan bekalan air. Kaedah ini adalah *non man entry inspection*. Status pencucian tangki adalah seperti di **Jadual 5.10**.

Jadual 5.10
Status Pencucian Tangki Imbangan Mengikut Daerah Rangkaian Terpilih

Bil.	Daerah	Jadual Disediakan			Pelaksanaan			Bilangan Tangki Yang Dicuci		
		2006	2007	2008	2006	2007	2008	2006	2007	2008
1.	Kuantan	X	X	X	X	X	X	X	X	X
2.	Cameron Highlands	X	X	✓	X	X	*	X	X	4
3.	Pekan	X	✓	X	X	*	X	X	7	X

Sumber: Rekod Jabatan Bekalan Air Pahang

Nota: * Sebahagian

Pada pendapat Audit, program pencucian tangki air JBA Pahang adalah tidak memuaskan kerana jadual pencucian tidak disediakan dan kerja pencucian tangki tidak dibuat secara menyeluruh.

b) Keselamatan Kawasan Dan Tangki Air

Lawatan Audit ke tangki imbangan dan tangki perkhidmatan bagi dua LRA daripada empat rangkaian yang dipilih mendapati perkara seperti di **Jadual 5.11**.

Jadual 5.11
Status Keselamatan Kawasan Dan Tangki Imbangan/Perkhidmatan

Bil.	LRA	Kawasan	Kriteria					Status
			i	ii	iii	iv	v	
1.	Semambu, Kuantan	Tangki Air Semambu Industri	X	X	X	X	X	Tidak Memuaskan
		Tangki Air Balok	X	X	X	X	X	Tidak Memuaskan
2.	Nenasi, Pekan	Tangki Air Nenasi	✓	X	✓	✓	✓	Baik

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- i Kawasan Tangki Imbangan hendaklah berpagar, berkunci dan berkeadaan baik.
- ii Papan tanda larangan dipasang.
- iii Pintu Tangki Imbangan hendaklah berkeadaan baik dan berkunci.
- iv Mempunyai jaring pengudaraan.
- v Mempunyai penutup ruang pemeriksaan.

Lawatan Audit ke Tangki Air Industri Semambu mendapati tahap keselamatannya tidak memuaskan kerana pagar kawasan tangki telah rosak dan tidak berkunci, kebersihan di kawasan tangki terbiar dengan rumput yang panjang dan papan tanda larangan tidak dipasang. Ini kerana JBA Pahang tidak menjalankan penyenggaraan secara berkala. Keadaan ini mengakibatkan pencerobohan dan kecurian penutup besi ruang pemeriksaan dan jaring pengudaraan. Lawatan Audit ke kawasan Tangki Perkhidmatan di Balok, Kuantan mendapati tiada papan tanda larangan, pintu pagar yang rosak dan tidak berkunci serta injap bebola yang rosak mengakibatkan air melimpah keluar dari tangki tersebut. Manakala kawasan Tangki Imbangan Nenasi, hanya mengalami kerosakan pada pagar sahaja. Kesan terhadap keselamatan tangki imbangan boleh menyebabkan kualiti air minum terjejas. Keadaan tangki imbangan dan perkhidmatan adalah seperti di **Foto 5.7** hingga **Foto 5.10**.

Foto 5.7

Papan Tanda Larangan Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 16 Januari 2009

Lokasi: Kawasan Tangki Industri Semambu

Foto 5.8



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 16 Januari 2009

Lokasi: Kawasan Tangki Perkhidmatan Balok

Foto 5.9

Keadaan Pagar Yang Diceroboh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 14 Oktober 2008
Lokasi: Kawasan Tangki Imbangan Nenasi, Pekan

Foto 5.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 16 Januari 2009
Lokasi: Kawasan Tangki Perkhidmatan Balok

Selain itu lawatan Audit pada 16 Januari 2009 ke kawasan Tangki Semambu Industri di Kuantan, mendapati beberapa kesan ceroboh pada pagar yang telah dipotong oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kesan pencerobohan ini menyebabkan beberapa kemudahan seperti jaringan pengudaraan dan penutup kebuk injap dalam kawasan tangki imbangan hilang seperti di **Foto 5.11** dan **Foto 5.12**.

Foto 5.11

Jaringan Pengudaraan Yang Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 16 Januari 2009
Lokasi: Tangki Industri Semambu

Foto 5.12

Penutup Kebuk Injap Yang Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 16 Januari 2009
Lokasi: Kawasan Tangki Perkhidmatan Balok

Pada pendapat Audit, keselamatan kawasan dan tangki air adalah tidak memuaskan kerana pagar tidak berkunci, tiada papan tanda larangan dan pemantauan yang berkala oleh pihak JBA tidak dilaksanakan.

5.5.4 Stesen Pensampelan Air

Stesen Pensampelan Air (SPA) dan ujian kualiti air merupakan salah satu pemeriksaan dan pemantauan terhadap kualiti air bagi memastikan air yang dibekalkan kepada pengguna adalah bersih dan selamat digunakan. Ujian pensampelan kualiti air dijalankan bermula di peringkat air mentah sehingga air terawat.

a) Status Stesen Pensampelan Air

Semakan Audit mendapati JBA Pahang telah menyediakan SPA kepada JKN. Pada tahun 2008 jumlah SPA di rangkaian daerah terpilih iaitu Kuantan, Cameron Highlands dan Pekan adalah sebanyak 137 unit berbanding 550 unit di seluruh Negeri Pahang. Daripada jumlah tersebut hanya 12 unit SPA atau 8.8% tidak boleh digunakan bagi tujuan pensampelan disebabkan kerosakan seperti di **Jadual 5.12**.

Jadual 5.12
Status Stesen Pensampelan Air Di Rangkaian Terpilih
Pada Tahun 2008

Bil.	Daerah	Bilangan SPA	SPA Rosak
1.	Kuantan	73	3
2.	Cameron Highlands	28	0
3.	Pekan	36	9
Jumlah		137	12


Sumber: Rekod Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pada pendapat Audit, status SPA adalah memuaskan kerana terdapat 12 SPA yang rosak.

b) Reka Bentuk Stesen Pensampelan Air

Semakan Audit mendapati reka bentuk SPA tidak mengikut Spesifikasi Tender JKR kerana ia dibina sama aras dengan tanah dan JBA Pahang tidak menyenggara SPA dengan baik seperti di **Foto 5.13** dan **5.14**.

Foto 5.13
Keadaan SPA Yang Dibina Sama Aras Dengan Tanah



Updated on 23 May 2000

Page SC 59

Cawangan Bekalan Air, JKR Malaysia



Sumber: Rekod Kementerian Kesihatan Malaysia

Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 14 Oktober 2008

Lokasi: SPA Nenasi, Pekan

Pada pendapat Audit, keadaan SPA adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi spesifikasi reka bentuk yang disediakan.

c) Ujian Pensampelan

Pemeriksaan Audit mendapati, JBA Pahang tidak menyediakan jadual dan menjalankan ujian bersama dengan JKN Pahang. JBA Pahang hanya bergantung sepenuhnya kepada ujian yang dijalankan oleh JKN Pahang. Pihak Audit telah menjalankan ujian pensampelan bersama JKN Pahang dan JBA Pahang di SPA sekitar kawasan rangkaian yang terpilih dan ujian yang dijalankan oleh JBA Pahang dan JKN Pahang menunjukkan

keputusan yang hampir sama walaupun menggunakan peralatan yang berbeza. Analisis Audit terhadap hasil ujian fizikal mendapati semua sampel air terawat di paip agihan/retikulasi berkenaan telah mematuhi parameter yang ditetapkan. Keputusan ujian bersama adalah seperti di **Jadual 5.13** hingga **Jadual 5.15**.

Jadual 5.13
Ujian pH Pensampelan Bersama Jabatan Bekalan Air Pahang
Dan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Bil.	Lokasi LRA	Tarikh	JBA Pahang		JKN Pahang	
			Peralatan	Bacaan pH	Peralatan	Bacaan pH
1.	No.32 (LOJ01/SBU B043) (JABUNG)	26.11.2008	WTW 330i pH meter	6.22	Ph meter pH 330 WTW	6.46
2.	No.31 (LOJ01/SBU B043) (IND.GEBENG)	26.11.2008	WTW 330i pH meter	**5.79	Ph meter pH 330 WTW	6.59
3.	No.16 (Kem. Pusat TLDM)	26.11.2008	WTW 330i pH meter	**6.24	Ph meter pH 330 WTW	**6.16
4.	No.15 (Kem. Pusat TLDM)	26.11.2008	WTW 330i pH meter	6.47	Ph meter pH 330 WTW	6.49
5.	BR009 Cameron Highlands	26.11.2008	WTW 330i pH meter	6.63	Lovibond Camparator	7.00
6.	BR007 Cameron Highlands	26.11.2008	WTW 330i pH meter	6.44	Lovibond Camparator	6.80
7.	Klinik Kesihatan Cameron Highlands – <i>Direct pipe</i>	26.11.2008	WTW 330i pH meter	6.79	Lovibond Camparator	6.80
8.	Klinik Kesihatan Cameron Highlands – Air tangki	26.11.2008	WTW 330i pH meter	6.66	Lovibond Camparator	6.80
9.	005 Kg. Beluru,Nenasi	14.10.2008	WTW 330i pH meter	7.36	pH meter (HACH)	7.51
10.	004 Nenasi Pantai,Nenasi	14.10.2008	WTW 330i pH meter	7.41	Senion 1 pH meter (HACH)	7.63
11.	Loji Nenasi, Pekan	14.10.2008	WTW 330i pH meter	7.42	pH meter (HACH)	7.14
12.	Klinik Kesihatan Nenasi – <i>Direct pipe</i>	14.10.2008	WTW 330i pH meter	7.49	pH meter (HACH)	7.37
13.	Klinik Kesihatan Nenasi – Air tangki	14.10.2008	WTW 330i pH meter	7.12	pH meter (HACH)	7.22

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: ** Pelanggaran

Jadual 5.14
Ujian Kekeruhan (NTU) Pensampelan Bersama Jabatan Bekalan Air Pahang
Dan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Bil.	Lokasi LRA	Tarikh	JBA Pahang		JKN Pahang	
			Peralatan	Bacaan	Peralatan	Bacaan
1.	No.32 (LOJ01/SBU B043) (JABUNG)	26.11.2008	HACH 2100P	0.89	Turbidimeter HACH 2100P	0.92
2.	No.31 (LOJ01/SBU B043) (IND.GEBENG)	26.11.2008	HACH 2100P	1.29	Turbidimeter HACH 2100P	0.87
3.	No.16 (Kem. Pusat TLDM)	26.11.2008	HACH 2100P	3.71	Turbidimeter HACH 2100P	5.01
4.	No.15 (Kem. Pusat TLDM)	26.11.2008	HACH 2100P	0.93	Turbidimeter HACH 2100P	1.85
5.	BR009 Cameron Highlands	28.10.2008	HACH 2100P	2.24	HACH 2100P	1.64
6.	BR007 Cameron Highlands	28.10.2008	HACH 2100P	1.43	HACH 2100P	1.61

Bil.	Lokasi LRA	Tarikh	JBA Pahang		JKN Pahang	
			Peralatan	Bacaan	Peralatan	Bacaan
7.	Klinik Kesihatan Cameron Highlands – Direct pipe	28.10.2008	HACH 2100P	2.09	HACH 2100P	2.38
8.	Klinik Kesihatan Cameron Highlands – Air tangki	28.10.2008	HACH 2100P	2.08	HACH 2100P	1.64
9.	005 Kg. Beluru,Nenasi	14.10.2008	HACH 2100P	4.47	HACH 2100P	4.44
10.	004 Nenasi Pantai,Nenasi	14.10.2008	HACH 2100P	**10.80	HACH 2100P	**10.20
11.	Loji Nenasi, Pekan	14.10.2008	HACH 2100P	**7.96	HACH 2100P	**7.30
12.	Klinik Kesihatan Nenasi – Direct pipe	14.10.2008	HACH 2100P	**7.14	HACH 2100P	**7.14
13.	Klinik Kesihatan Nenasi – Air tangki	14.10.2008	HACH 2100P	0.77	HACH 2100P	1.05

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: **Pelanggaran

Jadual 5.15
Ujian Baki Klorin Pensampelan Bersama Jabatan Bekalan Air Pahang
Dan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Bil.	Lokasi LRA	Tarikh	JBA Pahang		JKN Pahang	
			Peralatan	Bacaan	Peralatan	Bacaan
1.	No.32 (LOJ01/SBU B043) (JABUNG)	26.11.2008	Lovibond Multidirect Photometer	1.27	Colorimeter for chlorine HACH	1.42
2.	No.31 (LOJ01/SBU B043) (IND.GEBENG)	26.11.2008	Lovibond Multidirect Photometer	1.78	Colorimeter for chlorine HACH	1.41
3.	No.16 (Kem. Pusat TLDM)	26.11.2008	Lovibond Multidirect Photometer	0.99	Colorimeter for chlorine HACH	1.78
4.	No.15 (Kem. Pusat TLDM)	26.11.2008	Lovibond Multidirect Photometer	1.57	Colorimeter for chlorine HACH	1.61
5.	BR009 Cameron Highlands	28.10.2008	Lovibond Multidirect Photometer	1.26	Lovibond Camparator	2.5
6.	BR007 Cameron Highlands	28.10.2008	Lovibond Multidirect Photometer	1.2	Lovibond Camparator	1.2
7.	Klinik Kesihatan Cameron Highlands – Direct pipe	28.10.2008	Lovibond Multidirect Photometer	0.69	Lovibond Camparator	1.8
8.	Klinik Kesihatan Cameron Highlands – Air tangki	28.10.2008	Lovibond Multidirect Photometer	0.57	Lovibond Camparator	1.4
9.	005 Kg. Beluru,Nenasi	14.10.2008	Lovibond Multidirect Photometer	5	Pocket Colorimeter II (HACH Chlorine)	4.75
10.	004 Nenasi Pantai,Nenasi	14.10.2008	Lovibond Multidirect Photometer	**5.13	Pocket Colorimeter II (HACH Chlorine)	5
11.	Loji Nenasi, Pekan	14.10.2008	Lovibond Multidirect Photometer	4.99	Pocket Colorimeter II (HACH Chlorine)	5

Bil.	Lokasi LRA	Tarikh	JBA Pahang			JKN Pahang		
			Peralatan	Bacaan	Peralatan	Bacaan		
12.	Klinik Kesihatan Nenasi – Direct pipe	14.10.2008	Lovibond Multidirect Photometer	**5.13	Pocket Colorimeter II (HACH Chlorine)	5		
13.	Klinik Kesihatan Nenasi – Air tangki	14.10.2008	Lovibond Multidirect Photometer	0.09	Pocket Colorimeter II (HACH Chlorine)	0.05		

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: ** Pelanggaran

Pada pendapat Audit, ujian terhadap kualiti air di stesen pensampelan di dalam rangkaian JBA Pahang adalah memuaskan kerana terdapat pelanggaran parameter. Penggunaan peralatan yang berbeza oleh JBA dan JKN memberikan keputusan yang hampir sama. JBA Pahang tidak menyediakan jadual dan bergantung kepada laporan KKM.

d) Quality Assurance Programme

Keputusan ujian pensampelan air mestilah mengikut parameter yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan *Quality Assurance Programme* (QAP).

Berdasarkan laporan KKM, bagi tahun 2006 hingga 2008, pelanggaran parameter masih berlaku di seluruh daerah Negeri Pahang. Maklumat mengenainya adalah seperti di **Jadual 5.16** hingga **Jadual 5.18** dan **Carta 5.1**.

Jadual 5.16

Pelanggaran Parameter Quality Assurance Programme (QAP) Pada Tahun 2006

Daerah	Baki Klorin (QAP < 2.8%)			E.Coli (QAP < 0.5%)			Baki Klorin & E.Coli (QAP < 0.3%)			Kekeruhan (QAP < 3.2%)			Aluminium (QAP < 10.2%)		
	A	B	C (%)	A	B	C (%)	A	B	C (%)	A	B	C (%)	A	B	C (%)
Pekan	639	1	0.2	639	7	**1.1	639	13	**2.0	639	76	**11.9	152	35	**23.0
Temerloh	648	44	**6.7	648	1	0.2	648	3	**0.5	648	15	2.3	152	38	**25.0
Bentong	1487	15	1.0	1482	0	0.0	1482	17	**1.1	1487	8	0.5	370	51	**13.8
Raub	1160	4	0.3	1160	2	0.2	1160	0	0.0	1160	48	**4.1	310	51	**16.5
C. Highlands	549	12	2.2	549	1	0.2	549	3	**0.5	549	0	0.0	139	27	**19.4
Lipis	786	11	1.4	786	0	0.0	786	4	**0.5	784	13	1.7	173	27	**15.6
Jerantut	852	40	**4.7	852	0	0.0	852	29	**3.4	852	17	2.0	284	0	0.0
Kuantan	1534	9	0.6	1534	118	**7.7	1534	6	**0.4	1534	40	2.6	390	79	**20.3
Rompin	933	36	**3.9	934	2	0.2	933	4	**0.4	924	1	0.1	210	69	**32.9
Maran	1262	63	**5.0	1262	46	**3.6	1262	36	**2.9	1262	83	**6.6	322	75	**23.3
Bera	708	2	0.3	708	6	**0.8	708	0	0.0	708	93	**13.1	183	119	**65.0
Jumlah	10,558	237	2.2	10,554	183	1.7	10,553	115	1.1	10,547	394	3.7	571	2,685	21.3

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Nota: A- Bilangan Sampel

B- Bilangan Pelanggaran Sampel

C- Peratus Pelanggaran Sampel

** - Pelanggaran

Jadual 5.17
Pelanggaran Parameter Quality Assurance Programme (QAP) Pada Tahun 2007

Daerah	Baki Klorin (QAP < 2.8%)			E.Coli (QAP < 0.5%)			Baki Klorin & E.Coli (QAP < 0.3%)			Kekeruhan (QAP < 3.2%)			Aluminium (QAP < 10.2%)		
	A	B	C (%)	A	B	C (%)	A	B	C (%)	A	B	C (%)	A	B	C (%)
Pekan	549	22	**4.0	549	2	0.4	549	6	**1.1	549	53	**9.7	166	37	**22.3
Temerloh	634	16	2.5	634	7	**1.1	634	7	**1.1	636	21	**3.3	168	38	**22.6
Bentong	1415	46	**3.3	1415	11	**0.8	1415	11	**0.8	1415	9	0.6	386	52	**13.5
Raub	1102	13	1.2	1102	3	0.3	1102	3	**0.3	1102	55	**5.0	297	98	**33.0
C. Highlands	609	18	**3.0	609	8	**1.3	609	3	**0.5	609	0	0.0	140	31	**22.1
Lipis	814	6	0.7	814	12	**1.5	814	1	0.1	812	10	1.2	152	39	**25.7
Jerantut	840	51	**6.1	840	1	0.1	840	12	**1.4	838	19	2.3	280	50	**17.9
Kuantan	1548	0	0.0	1548	30	**1.9	1548	0	0.0	1548	18	1.2	444	119	**26.8
Rompin	928	1	0.1	928	0	0.0	928	0	0.0	928	0	0.0	187	56	**29.9
Maran	1380	51	**3.7	1380	22	**1.6	1380	23	**1.7	1380	12	0.9	509	39	7.7
Bera	693	0	0.0	693	4	**0.6	693	0	0.0	693	49	**7.1	184	127	**69.0
Jumlah	10,512	224	2.1	10,512	100	1.0	10,512	66	0.6	10,510	246	2.3	2,913	686	23.5

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Nota: A- Bilangan Sampel

B- Bilangan Pelanggaran Sampel

C- Peratus Pelanggaran Sampel

** - Pelanggaran

Jadual 5.18
Pelanggaran Parameter Quality Assurance Programme (QAP) Pada Tahun 2008

Daerah	Baki Klorin (QAP < 2.8%)			E.Coli (QAP < 0.5%)			Baki Klorin & E.Coli (QAP < 0.3%)			Kekeruhan (QAP < 3.2%)			Aluminium (QAP < 10.2%)		
	A	B	C (%)	A	B	C (%)	A	B	C (%)	A	B	C (%)	A	B	C (%)
Pekan	635	11	1.7	635	1	0.2	635	3	**0.5	635	33	**5.2	165	6	3.6
Temerloh	614	17	2.8	614	14	**2.3	614	0	0.0	614	50	**8.1	131	0	0.0
Bentong	1543	34	2.2	1543	0	0.0	1543	0	0.0	1543	46	**3.0	382	10	2.6
Raub	1121	8	0.7	1121	5	0.4	1121	0	0.0	1121	72	**6.4	290	7	2.4
C. Highlands	715	12	1.7	715	3	0.4	715	2	0.3	715	2	0.3	154	7	4.5
Lipis	974	7	0.7	974	0	0.0	974	0	0.0	974	4	0.4	237	18	7.6
Jerantut	943	37	**3.9	943	1	0.1	943	0	0.0	945	144	**15.2	246	3	1.2
Kuantan	1707	16	0.9	1707	49	**2.9	1707	5	0.3	1707	53	3.1	436	24	5.5
Rompin	899	2	0.2	899	0	0.0	899	0	0.0	899	0	0.0	199	2	1.0
Maran	1623	77	**4.7	1623	58	**3.6	1623	47	**2.9	1623	37	2.3	417	40	9.6
Bera	633	31	**4.9	633	6	0.9	633	0	0.0	633	50	**7.9	156	18	**11.5
Jumlah	11,407	252	2.2	11,407	137	1.2	11,407	57	0.5	11,409	491	4.3	2,813	135	4.8

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Pahang


Nota: A- Bilangan Sampel

B- Bilangan Pelanggaran Sampel

C- Peratus Pelanggaran Sampel

** - Pelanggaran

Carta 5.1
Prestasi Quality Assurance Programme (QAP) Negeri Pahang
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

- i) **Pelanggaran Parameter Baki Klorin** - Pada tahun 2007 parameter QAP Baki Klorin telah menunjukkan penurunan peratus pelanggaran sebanyak 2.1% jika dibandingkan pada tahun 2006 iaitu sebanyak 2.2%. Namun begitu bilangan pelanggaran meningkat semula kepada 2.2% pada tahun 2008. Bagi tahun 2006 hingga 2008 daerah yang berlaku pelanggaran parameter ini ialah daerah Jerantut, Temerloh, Rompin, Bentong, Cameron Highlands dan Maran. Bagaimanapun, secara keseluruhan pelanggaran QAP bagi parameter ini masih di bawah nilai piawaian yang ditetapkan.
- ii) **Pelanggaran Parameter E-Coli** - Pada tahun 2007 peratus pelanggaran parameter E-Coli menurun menjadi 1% berbanding tahun 2006 iaitu sebanyak 1.7%. Manakala pada tahun 2008 peratus pelanggaran parameter meningkat menjadi 1.2%. Pelanggaran parameter melebihi piawaian yang ditetapkan ini melibatkan daerah Kuantan, Pekan, Maran, Bera, Temerloh, Bentong, Cameron Highlands, dan Lipis. Secara keseluruhannya pelanggaran QAP bagi parameter ini melebihi nilai piawaian yang ditetapkan.
- iii) **Pelanggaran Parameter Baki Klorin Dan E-Coli** - Pada tahun 2006 peratus berlaku pelanggaran bagi parameter ini adalah sebanyak 1.1%. Bagaimanapun, peratus pelanggaran pada tahun 2007 dan 2008 menunjukkan *trend* menurun iaitu masing-masing sebanyak 0.6% dan 0.5%. Pelanggaran parameter melebihi piawaian yang ditetapkan ini melibatkan daerah Kuantan, Pekan, Maran, Bera, Temerloh, Bentong,

Cameron Highlands, Jerantut, Rompin dan Lipis. Secara keseluruhan pelanggaran QAP bagi parameter ini melebihi nilai piawaian yang ditetapkan.

- iv) **Pelanggaran Parameter Kekeruhan** - Pada tahun 2006 peratus berlaku pelanggaran bagi parameter ini adalah sebanyak 3.7%. Bagaimanapun, pada tahun 2007 peratus pelanggaran menurun menjadi 2.3% dan meningkat semula pada tahun 2008 dengan peratus pelanggaran sebanyak 4.3%. Pelanggaran parameter melebihi piawaian yang ditetapkan ini melibatkan daerah Pekan, Maran, Bera, Temerloh, Bentong, Raub, dan Jerantut. Secara keseluruhannya, pada tahun 2006 dan 2008 bilangan pelanggaran parameter ini melebihi piawaian yang ditetapkan.
- v) **Pelanggaran Parameter Aluminium** - Pada tahun 2006 berlaku pelanggaran melebihi kadar yang ditetapkan iaitu pada kadar 21.3%. Pada tahun 2007 peratus pelanggaran parameter ini meningkat menjadi 23.5%. Bagaimanapun, pada tahun 2008 peratus pelanggaran menunjukkan penurunan menjadi 4.8%. Daerah yang berlaku pelanggaran parameter ini ialah daerah Pekan, Temerloh, Bentong, Raub, Cameron Highlands, Lipis, Jerantut, Kuantan, Rompin, Maran dan Bera. Secara keseluruhannya bilangan pelanggaran parameter ini pada tahun 2006 dan 2007 melebihi piawaian yang ditetapkan.


Daripada siasatan yang dijalankan oleh KKM, punca utama pelanggaran parameter ini adalah disebabkan kegagalan proses rawatan air mentah di LRA seperti dos klorin terlalu rendah, klorinator rosak dan penggunaan alum berlebihan untuk proses pengentalan. Selain itu, keadaan sistem agihan air juga menyumbangkan kepada pelanggaran seperti kerja pembaikan paip pecah yang tidak mengikut prosedur yang betul dan kotoran (mendapan) dalam saluran paip dan tangki imbangan/perkhidmatan yang tidak dibuat pencucian (*flushing*).

Pada pendapat Audit, berdasarkan pencapaian QAP kualiti air terawat di Negeri Pahang adalah memuaskan kerana pelanggaran parameter *E-Coli*, Kekeruhan Gabungan Baki Klorin dan *E-Coli* dan *Aluminium* melebihi piawaian yang ditetapkan oleh KKM. Bagaimanapun, perbandingan peratusan pelanggaran *Aluminium* pada tahun 2007 dan 2008 menunjukkan penurunan yang ketara sebanyak 18.7% dan telah mencapai standard QAP.

5.5.5 Paip Agihan

Semakan Audit mendapati JBA Pahang tidak menyediakan jadual atau perancangan bagi program pencucian paip. Program ini dibuat secara *ad-hoc* berdasarkan aduan pengguna. Kaedah yang dilaksanakan oleh JBA Pahang adalah secara *manual flushing*. Semakan Audit selanjutnya mendapati JBA Pahang ada menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi melaksanakan kerja pencucian paip bagaimanapun tidak melaksanakan sepenuhnya. Lawatan Audit terhadap kerja pembaikan paip pecah di kawasan Kubang Buaya, Kuantan pada 14 Januari 2009 telah dibuat bersama pegawai JBA Daerah Kuantan seperti di **Foto 5.15** dan **Foto 5.16**.

Foto 5.15
Kerja-kerja *Flushing* Dilaksanakan Selepas Pembaikan Paip Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 14 Januari 2009

Lokasi: Kubang Buaya, Kuantan

Pada pendapat Audit, program pencucian paip bagi JBA Pahang adalah tidak memuaskan kerana tiada program pencucian disediakan secara berjadual dan program dibuat secara *ad-hoc* apabila ada aduan pengguna.

5.5.6 Pengurusan Aduan Pengguna

a) Pusat Aduan Kerosakan

Pusat Layan Pelanggan JBA Pahang berperanan menyalurkan aduan kepada Daerah/Bahagian yang berkenaan bagi menyelesaikan masalah berkaitan bekalan air. Talian Pusat Aduan JBA beroperasi 24 jam. Semakan Audit mendapati semua aduan yang diterima masih direkodkan secara manual dan dalam proses menggunakan sistem berkomputer. Setiap aduan yang direkodkan diambil tindakan berdasarkan keutamaan kawasan yang kerap berlaku kerosakan. Statistik aduan kualiti air mengikut daerah bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 5.19**.

Jadual 5.19
Aduan Yang Di Terima Mengikut JBA Daerah
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	JBA Daerah	Tahun		
		2006	2007	2008
1.	Kuantan	9,627	10,215	6,347
2.	Cameron Highlands	-	1,094	1,130
3.	Pekan	221	294	319
Jumlah		9,848	11,603	7,796

Sumber: Rekod Jabatan Bekalan Air Pahang

Analisis Audit mendapati peningkatan aduan adalah bagi kes kebocoran paip lama jenis simen asbestos (AC) yang telah berusia melebihi 25 tahun. Berdasarkan rekod di JBA Pahang, aduan di Daerah Kuantan, Cameron Highlands dan Pekan dari tahun 2006 hingga 2008 telah diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan pengguna adalah baik kerana rekod aduan pengguna kemas kini dan tindakan diambil mengikut keutamaan.

b) Kempen Kesedaran Berkaitan Dengan Air

JBA Pahang telah mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan air serta teknologi yang digunakan dalam sistem bekalan air kepada pengguna. Antara program yang diadakan ialah mengadakan pameran berkaitan loji, kempen-kempen melibatkan penjimatan penggunaan air dan aduan bekalan air seperti di **Jadual 5.20**.

Jadual 5.20
Kempen Kualiti Air

Bil.	JBA Daerah	Program/Aktiviti	Tahun
1.	Kuantan	Hari Terbuka Loji Semambu Pameran Industri Air Di Dewan Mega Mall	2007 dan 2008
2.	Cameron Highlands	Hari Terbuka Loji Sedunia Loji Air Sungai Burung	2008
3.	Pekan	Hari Terbuka Loji Sekor & Peramu	2006 dan 2007

Sumber: Rekod Jabatan Bekalan Air Pahang

Pada pendapat Audit, kempen kesedaran yang dilaksanakan adalah baik kerana memberi pendedahan kepada pengguna tentang kepentingan air.

c) Kajian Kepuasan Pengguna

Bagi menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap kualiti air yang dibekalkan, pihak Audit telah mengedarkan 300 borang soal selidik kepada pengguna di Daerah Kuantan, Cameron Highlands dan Pekan. Daripada 300 borang yang diedarkan kepada pengguna, sebanyak 257 borang atau 85.7% telah dikembalikan kepada pihak Audit. Analisis borang soal selidik adalah seperti berikut:


- i) Kefahaman Pengguna Mengenai Air Mentah** - Kefahaman pengguna mengenai air mentah melibatkan pencemaran bekalan air yang dibekalkan, punca bekalan air diperoleh, punca berlakunya pencemaran air dan kepentingan punca bekalan air mentah bagi menjamin kualiti air terawat yang dibekalkan. Analisis Audit mendapati 46% pengguna mengatakan pernah berlaku pencemaran air yang dibekalkan, 34% pengguna mengetahui punca bekalan air di peroleh untuk kawasan mereka, 18% pengguna mengetahui punca pencemaran air di mana tempat air mentah diperoleh dan 97% pengguna bersetuju bahawa punca bekalan air mentah adalah penting bagi menjamin kualiti air terawat yang dibekalkan iaitu seperti di **Jadual 5.21** dan **Carta 5.2**.

Jadual 5.21
Kefahaman Pengguna Mengenai Air Mentah

Bil.	Perkara	Jumlah Responden		Kefahaman Pengguna	
		Ya	Tidak	Ya (%)	Tidak (%)
1.	Berlaku Pencemaran Bekalan Air	119	138	46	54
2.	Punca Bekalan Air Mentah	87	170	34	66
3.	Punca Pencemaran Air	46	211	18	82
4.	Kepentingan Punca Bekalan Air Mentah Kepada Kualiti Air Terawat	249	8	97	3

Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 5.2
Kefahaman Pengguna Mengenai Air Mentah



Sumber: Jabatan Audit Negara


- ii) **Kefahaman Pengguna Mengenai Air Terawat** - Penilaian untuk menentukan kefahtaman pengguna mengenai air terawat yang dibekalkan oleh JBA Pahang meliputi pencucian tangki air di rumah, penggunaan penapis air, tekanan air yang diterima memuaskan dan pengguna menghadiri taklimat berkaitan kualiti air oleh KKM atau JBA Pahang. Analisis Audit mendapati 38% pengguna mencuci tangki di rumah, 45% pengguna menggunakan penapis air, 67% pengguna mendapatkan tekanan air yang diterima memuaskan dan hanya 1% pengguna menghadiri taklimat berkaitan kualiti air iaitu seperti di Jadual 5.22 dan Carta 5.3.

Jadual 5.22
Pengetahuan Pengguna Terhadap Air Terawat

Bil.	Perkara	Jumlah Responden		Pengetahuan Pengguna	
		Ya	Tidak	Ya (%)	Tidak (%)
1.	Pencucian Tangki Air Di Rumah	98	159	38	62
2.	Penggunaan Penapis Air	116	141	45	55
3.	Tekanan Air Yang Diterima Memuaskan	172	85	67	33
4.	Menghadiri Taklimat Berkaitan Kualiti Air	3	254	1	99

Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 5.3
Pengetahuan Pengguna Terhadap Air Terawat



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii) **Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Bekalan Kualiti Air Minum** - Tahap kepuasan pengguna terhadap bekalan kualiti air minum melibatkan kriteria rasa, bau, fizikal iaitu keladak dan warna. Analisis Audit mendapati pengguna menilai kriteria rasa dan bau adalah di tahap baik manakala kriteria fizikal iaitu keladak dan warna adalah memuaskan iaitu seperti di **Jadual 5.23**.

Jadual 5.23
Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Kualiti Air Minum

Bil.	Kriteria	Penilaian					Jumlah Responden
		Sangat Baik	Baik	Memuaskan	Tidak Memuaskan		
1.	Rasa	39 (15%)	104 (41%)	98 (38%)	15 (6%)	257	
2.	Bau	41 (16%)	111 (43%)	87 (34%)	18 (7%)	257	
3.	Fizikal (Keladak)	39 (15%)	77 (30%)	98 (38%)	43 (17%)	257	
4.	Fizikal (Warna)	36 (14%)	98 (38%)	100 (39%)	23 (9%)	257	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, berdasarkan kepada borang soal selidik yang diedarkan kepada pengguna mendapati kepuasan pengguna mengenai air mentah, air terawat dan bekalan kualiti air minum adalah memuaskan.

5.5.7 Prestasi Kewangan

Keperluan kewangan adalah merupakan satu elemen penting bagi melaksanakan program kualiti air minum. Ia bertujuan membayai keperluan antaranya pembelian bahan kimia, peralatan, pembelian *reagent*, penyenggaraan loji dan sebagainya. Bagi tahun 2006 hingga

2008, JBA Pahang telah memperuntukkan sejumlah RM182.97 juta untuk program ini dan sejumlah RM181.37 juta telah dibelanjakan seperti di **Jadual 5.24**.

Jadual 5.24
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Tahunan Program Pemantauan
Kualiti Air Minum Bagi JBA Pahang**

Bil.	Komponen	2006		2007		2008	
		Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
1.	Bahan Kimia	6.00	5.99	8.10	8.10	11.50	11.50
2.	Penyelenggaraan Peralatan Makmal, Pembaikan Paip & Tangki	24.00	23.98	27.87	27.74	28.16	28.15
3.	Pengujian Kualiti Air	0.13	0.11	0.08	0.07	0.10	0.10
4.	Membaik Pulih & Naik Taraf Loji	16.03	15.96	45.00	43.74	16.00	15.93
Jumlah		46.16	46.04	81.05	79.65	55.76	55.68

Sumber: Rekod Jabatan Bekalan Air Pahang

Bagi tahun 2006 hingga 2008, JKN Pahang telah memperuntukkan sejumlah RM1.10 juta kepada Unit KMAM Negeri bagi menjalankan aktiviti penyenggaraan peralatan, bayaran analisis sampel, pembelian bahan kimia dan sebagainya di seluruh daerah di Negeri Pahang. Peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 5.25**.

Jadual 5.25
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Unit KMAM Negeri
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008**

Bil.	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki (RM Juta)
1.	2006	0.32	0.30	0.02
2.	2007	0.33	0.31	0.02
3.	2008	0.45	0.44	0.01
Jumlah		1.10	1.05	0.05

Sumber: Rekod Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Berdasarkan jadual di atas, peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan dengan baik bagi tujuan yang telah ditetapkan. Kebanyakan peruntukan digunakan bagi tujuan bayaran penyenggaraan peralatan.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan adalah baik kerana peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan mengikut tujuan yang telah ditetapkan.

5.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan kualiti air minum Negeri Pahang adalah memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang boleh menjelaskan kualiti air dan boleh dipertingkatkan lagi. Antaranya ialah kawalan yang belum dilaksanakan sepenuhnya oleh Badan Kawal Selia Air di kawasan tадahan air, makmal berpusat Jabatan Bekalan Air yang belum beroperasi sepenuhnya dan instrumen makmal yang rosak serta pelaksanaan pencucian tangki air yang tidak mengikut jadual. Pihak Audit mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

- a) Badan Kawal Selia Air perlu melaksanakan penguatkuasaan sepenuhnya dengan menyediakan jadual dan laporan lawatan kawasan tadahan secara berkala.
- b) Kerajaan Negeri perlu memberi penekanan menyeluruh kutipan caj air mentah kerana pada masa ini hanya pengguna industri sahaja yang dikenakan caj.
- c) JBA Pahang perlu mempercepatkan operasi makmal berpusat untuk memudahkan pemantauan terhadap kualiti air di setiap daerah. Selain itu, JBA Pahang perlu memastikan makmal loji dilengkapkan bagi menjamin air terawat dianalisis sebelum disalurkan kepada pengguna berdasarkan panduan KMAM.
- d) JBA Pahang perlu memastikan semua kakitangan yang melaksanakan ujian kualiti air di loji adalah yang berkelayakan dan berkompeten bagi menjamin kualiti air.
- e) JBA Pahang perlu menyediakan manual prosedur kerja sebagai rujukan dalam menjalankan pensampelan.
- f) Instrumen makmal yang rosak dan tidak berfungsi perlu diperbaiki dengan segera untuk mengelakkan pembaziran. JBA Pahang juga perlu menyenggara dan mengemas kini rekod seperti rekod kalibrasi peralatan, kawalan kualiti air harian dan bahan kimia.
- g) JBA Pahang perlu merancang dan melaksanakan program cucian kolam/tangki serta paip agihan/retikulasi mengikut jadual bagi menjamin kualiti air minum sentiasa selamat dan bersih.
- h) JBA Pahang perlu mempertingkatkan pemantauan yang proaktif terhadap tahap keselamatan di semua kawasan kolam/tangki bagi mengelakkan sebarang aktiviti vandalisme.
- i) Pemantauan kualiti air oleh JBA Pahang perlu dipertingkatkan bagi menambah baik pengurusan kualiti air minum.
- j) JBA Pahang perlu menambah baik stesen pensampelan air dari segi reka bentuk mengikut spesifikasi yang disediakan dan menyediakan jadual penyenggaraan secara berkala.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG,
JABATAN KERJA RAYA CAWANGAN MEKANIKAL NEGERI PAHANG
DAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH PEKAN**

6. PENGURUSAN KENDERAAN

6.1 LATAR BELAKANG

6.1.1 Kenderaan merupakan aset yang penting bagi melancarkan perjalanan aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri. Pengurusan kenderaan wajar diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri kerana ia merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Kenderaan Jabatan bermaksud kenderaan yang berada di bawah kawalan Kerajaan sama ada ia dibeli atau disewa dengan menggunakan wang Kerajaan, diterima melalui sumbangan atau hadiah atau diperoleh melalui proses perundangan. Peraturan mengenai pengurusan kenderaan kerajaan pada masa kini terkandung dalam beberapa peraturan seperti Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999. Pengurusan kenderaan oleh Kerajaan Negeri Pahang adalah tertakluk kepada setiap jabatan dan agensi yang telah dibekalkan kenderaan tersebut. Setiap jabatan yang memerlukan kenderaan hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri melalui Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri. Tujuan perolehan kenderaan adalah untuk membantu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta Jabatan/Pejabat/Agenzi di bawah kawal selianya melaksanakan aktiviti yang dirancang. Selain itu, bagi kenderaan yang telah mengalami kerosakan dan tidak ekonomik untuk dibaiki, pelupusan kenderaan akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang.

6.1.2 Bagi tahun 2004 hingga 2008, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM12.48 juta untuk perolehan sebanyak 135 buah kenderaan di seluruh Negeri Pahang seperti di **Jadual 6.1**.

**Jadual 6.1
Peruntukan Perolehan Kenderaan Di Negeri Pahang
Bagi Tahun 2004 Hingga 2008**

Tahun	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Bilangan Kenderaan (Unit)
2004	1.83	26
2005	4.22	37
2006	1.53	18
2007	1.55	22
2008	3.35	32
Jumlah	12.48	135

Sumber: Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kenderaan dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta dipantau dengan berkesan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

6.3 SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan kenderaan Jabatan mulai tahun 2004 hingga 2008 yang melibatkan tiga Jabatan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pejabat SUK), Jabatan Kerja Raya Cawangan Mekanikal Negeri Pahang (JKR) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan (PDT). Jenis kenderaan yang diaudit adalah kenderaan *saloon*, pacuan empat roda, van, lori, bas dan *coaster*.

6.4 KAEADAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan kenderaan seperti fail sejarah, daftar penggunaan kenderaan, daftar pergerakan kad inden, daftar pergerakan kad *Touch n Go*, buku log dan rekod-rekod yang berkaitan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan kenderaan juga dijalankan bagi tujuan mengesahkan maklumat yang diperoleh. Selain itu, pengesahan dengan pihak ketiga seperti pemilik bengkel dan pihak yang terlibat dalam pengurusan bahan api juga dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Lawatan dan pemeriksaan fizikal juga dilakukan terhadap kenderaan yang dipilih untuk mengesahkan keadaan dan penempatan kenderaan tersebut. Bilangan sampel kenderaan yang diaudit bagi Jabatan yang dipilih adalah 10% atau sekurang-kurangnya 10 buah kenderaan yang diperoleh bagi tahun 2004 hingga 2008. Pihak Audit turut mengedarkan borang soal selidik kepada pemandu bagi mendapatkan maklum balas berkaitan kesedaran mereka terhadap tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, latihan yang diterima dan pengetahuan mekanikal.

6.5 PENEMUAN AUDIT

6.5.1 Pengisian Bahan Api Sebanyak Dua Kali Dalam Tempoh Masa Yang Singkat

Penggunaan kad inden bagi perolehan bahan api untuk kenderaan Kerajaan memberikan kemudahan dan faedah dari segi penjimatan masa, pembayaran segera dan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, menetapkan bahawa penggunaan setiap kad inden adalah terhad kepada kenderaan yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap Laporan Butiran Belian Bahan Api yang dikeluarkan oleh pihak pembekal pada tahun 2008, mendapati sebanyak 24 kes pengisian bahan api dalam tempoh masa kurang dari lima minit melibatkan lima buah kenderaan Pejabat SUK seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Bilangan Kes Pengisian Bahan Api Dalam Tempoh Masa
Yang Singkat Bagi Kenderaan Pejabat SUK Negeri Pahang
Pada Tahun 2008

Bil.	Jenis Kenderaan	No. Pendaftaran Kenderaan	Bilangan Kes	Jumlah Perolehan (RM)
1.	Proton Perdana	CBD 88	18	4,177
2.	Proton Perdana	CBB 37	2	342
3.	Proton Perdana	CBR 1993	2	340
4.	Proton Perdana	CBD 1993	1	149
5.	Proton Perdana	CBD 23	1	203
Jumlah			24	5,211

Sumber: Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Merujuk **Jadual 6.2** di atas, kenderaan yang kerap mengisi bahan api dalam tempoh masa yang singkat adalah Proton Perdana nombor pendaftaran CBD 88. Sebagai contoh pengisian yang dilakukan pada bulan Disember 2008 adalah seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Tempoh Pengisian Bahan Api Yang Singkat Bagi
Proton Perdana CBD 88 Pada Bulan Disember 2008

Bil.	Tarikh	Lokasi Pengisian	Masa Pengisian	Kuantiti Pengisian (Liter)	Jumlah (RM)
1.	14 Disember 2008	Stesen Minyak Shell Yong Joo Long & Co, Raub, Pahang.	12.14 tengah hari 12.15 tengah hari	59.47 58.95	113.00 112.00
2.	19 Disember 2008	Stesen Minyak Shell Yong Joo Long & Co, Raub, Pahang.	6.35 petang 6.36 petang	62.78 62.22	113.00 112.00
3.	23 Disember 2008	Stesen Minyak Shell Yong Joo Long & Co, Raub, Pahang.	9.44 pagi 9.44 pagi	62.22 62.78	112.00 113.00
4.	24 Disember 2008	Stesen Minyak Shell Perniagaan Kam, Kuantan, Pahang	11.01 pagi 11.03 pagi	62.89 62.64	113.20 112.75
5.	26 Disember 2008	Stesen Minyak Shell Yong Joo Long & Co, Raub, Pahang.	8.51 pagi 8.53 pagi	62.22 62.78	112.00 113.00
6.	31 Disember 2008	Stesen Minyak Shell Yong Joo Long & Co, Raub, Pahang.	11.09 pagi 11.11 pagi	62.22 62.22	112.00 112.00
Jumlah				743.39	1,349.95

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Daripada **Jadual 6.3** di atas, jumlah pengisian bahan api dalam tempoh masa yang singkat bagi kenderaan tersebut pada bulan Disember 2008 adalah berjumlah RM1,350. Semakan Audit juga mendapati perbezaan masa bagi setiap pengisian adalah terlalu singkat iaitu antara satu hingga dua minit berbanding dengan kuantiti yang diisi. Tindakan susulan terhadap perkara ini masih belum diambil oleh pihak yang bertanggungjawab. Akibatnya, Pejabat SUK telah menanggung kos penggunaan bahan api yang tinggi. *Pihak Pejabat SUK memaklumkan bahawa perkara yang dibangkitkan akan diselesaikan melalui kerjasama dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Negeri Pahang iaitu memeriksa sistem perolehan bahan api yang digunakan oleh setiap pembekal bahan api yang terlibat.*

Pada pendapat Audit penggunaan kad inden adalah tidak memuaskan kerana berlaku pengisian bahan api dalam tempoh masa yang singkat.

6.5.2 Perolehan Bahan Api Yang Meragukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 telah menetapkan keperluan menyemak invois dengan penyata pembelian yang telah disahkan sebelum pembayaran boleh dibuat. Semakan Audit terhadap Laporan Butiran Belian Bahan Api pada tahun 2008 mendapati sebanyak 31 kes perolehan bahan api yang meragukan melibatkan 11 kenderaan Pejabat SUK dan JKR seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4

Bilangan Kes Perolehan Bahan Api Yang Meragukan Bagi Kenderaan Pejabat SUK Dan JKR Cawangan Mekanikal Negeri Pahang Pada Tahun 2008

Bil.	Jenis Kenderaan	No. Pendaftaran Kenderaan	Jabatan	Bilangan Kes	Jumlah (RM)
1.	Proton Perdana	CBB 12	Pejabat SUK	2	150
2.	Proton Perdana	CBD 88	Pejabat SUK	17	1,396
3.	Proton Perdana	CBN 22	Pejabat SUK	1	60
4.	Proton Perdana	CBK 9119	Pejabat SUK	1	100
5.	Proton Perdana	CBN 31	Pejabat SUK	2	195
6.	Proton Perdana	CBD 16	Pejabat SUK	1	200
7.	Bas Scania	CBR 3773	Pejabat SUK	3	900
8.	Perodua Kembara	CBU 7494	Pejabat SUK	1	105
9.	Inveco	CAW 3774	JKR	1	150
10.	Isuzu FSR	CAV 1504	JKR	1	40
11.	Isuzu Trooper	WJS 2022	JKR	1	140
Jumlah				31	3,436

Sumber: Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang Dan JKR Cawangan Mekanikal Negeri Pahang

Merujuk **Jadual 6.4** di atas, kenderaan yang kerap membuat perolehan bahan api yang meragukan adalah Proton Perdana nombor pendaftaran CBD 88. Sebagai contoh perolehan bahan api yang meragukan bagi kenderaan tersebut adalah seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5

Perolehan Bahan Api Yang Meragukan Bagi Kenderaan Proton Perdana CBD 88

Bil.	Tarikh	Lokasi Pengisian	Kuantiti Pengisian (Liter)	Harga Seliter (RM)	Jumlah (RM)
1.	14 Ogos 2008	Stesen Minyak Shell Leong Shell Services, Bentong, Pahang.	1.00	0.00	117.00
2.	26 Ogos 2008	Stesen Minyak Shell Leong Shell Services, Bentong, Pahang.	1.00	0.00	128.30
3.	7 September 2008	Stesen Minyak Shell Leong Shell Services, Bentong, Pahang.	1.00	0.00	119.00
4.	14 November 2008	Stesen Minyak Shell Leong Shell Services, Bentong, Pahang.	1.00	0.00	90.00
5.	27 November 2008	Stesen Minyak Shell Sin Kee Sang, Kajang, Selangor.	1.00	0.00	120.23
Jumlah					574.53

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Daripada **Jadual 6.5** di atas, semakan Audit mendapati jumlah perolehan bahan api dengan kuantiti bahan api yang diisi adalah meragukan kerana kuantiti pengisian adalah satu liter sahaja berbanding dengan jumlah yang dibayar. Tindakan susulan terhadap perkara ini masih belum diambil oleh pihak yang bertanggungjawab. Akibatnya, Pejabat SUK telah menanggung kos penggunaan bahan api yang tidak sepatutnya. *Maklum balas yang diterima daripada Pejabat SUK menjelaskan bahawa perkara ini akan diselesaikan melalui kerjasama dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Negeri Pahang iaitu memeriksa sistem perolehan bahan api yang digunakan oleh setiap pembekal bahan api yang terlibat.*

Pada pendapat Audit perolehan bahan api adalah tidak memuaskan kerana terdapat pembelian yang meragukan dan tiada penyemakan dilakukan sebelum bayaran dibuat.

6.5.3 Perolehan Bahan Api Melebihi Kapasiti Tangki Kenderaan

Mengikut spesifikasi daripada Edaran Otomobil Nasional (EON), kapasiti penuh tangki bahan api kereta Proton Perdana adalah sebanyak 64 liter. Semakan Audit terhadap pembelian bahan api oleh tiga Jabatan berkenaan mendapati pada tahun 2008, sebanyak 112 kes perolehan bahan api bagi tiga kenderaan Proton Perdana V6 Pejabat SUK telah melebihi kapasiti penuh tangki kenderaan tersebut seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Perolehan Bahan Api Yang Melebihi Kapasiti Penuh Tangki
Bagi Kenderaan Pejabat SUK Pada Tahun 2008

Bil.	Jenis Kenderaan	No. Pendaftaran Kenderaan	Bil. Kes	Pengisian Bahan Api (Liter)	Jumlah (RM)
1.	Proton Perdana	CBK 9119	2	74-78	293
2.	Proton Perdana	CBD 1993	108	72-130	24,608
3.	Proton Perdana	CBB 37	2	71-80	335
Jumlah			112		25,236

Sumber: Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Daripada **Jadual 6.6** di atas, didapati kereta Proton Perdana nombor pendaftaran CBD 1993 paling kerap melakukan pengisian bahan api melebihi kapasiti penuh tangki iaitu sebanyak 108 kes bagi tempoh antara Mei hingga November 2008. Jumlah pengisian bahan api adalah antara 72 hingga 130 liter bagi setiap kali pengisian yang melibatkan perbelanjaan sejumlah RM24,608. Perkara ini berlaku adalah disebabkan tiada pemantauan oleh pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kenderaan Jabatan. Keadaan ini menyebabkan Pejabat SUK telah menanggung kos perbelanjaan bahan api yang tidak sepatutnya. *Pihak Pejabat SUK memaklumkan kad inden bagi kenderaan bernombor pendaftaran CBD 1993 telah digunakan bagi kenderaan bernombor pendaftaran CBP 18 mulai bulan Mei hingga November 2008 kerana kad inden baru bagi kenderaan bernombor pendaftaran CBP 18 hanya diperoleh pada akhir bulan November 2008.* Ini menyebabkan perbelanjaan bahan api yang direkodkan di dalam Laporan Butiran Belian Bahan Api dari bulan Mei hingga November 2008 masih lagi dikenakan ke atas kenderaan bernombor pendaftaran CBD 1993 walaupun kad inden kenderaan tersebut digunakan bagi kenderaan CBP 18.

Pada pendapat Audit perolehan bahan api bagi kereta Proton Perdana berkenaan dan pemantauan terhadap penggunaan kad inden adalah tidak memuaskan kerana pengisianya adalah melebihi kapasiti tangki dan tiada penyemakan dilakukan sebelum bayaran dibuat.

6.5.4 Penggunaan Bahan Api Jenis V-Power Racing

Setiap perbelanjaan yang dibuat oleh Jabatan Kerajaan Negeri hendaklah mengambil kira *value for money* dan dasar perbelanjaan berhemat. Semakan Audit terhadap Laporan Butiran Belian Bahan Api pada tahun 2008 bagi ketiga-tiga Jabatan mendapati sebanyak 11 buah kenderaan Pejabat SUK telah menggunakan bahan api jenis Petrol *V-Power Racing* yang berjumlah RM18,654. Merujuk kepada Laporan Butiran Belian Bahan Api pada tahun 2008, kadar harga seliter bagi Petrol *V-Power Racing* adalah lebih tinggi berbanding kadar harga seliter Petrol *Super Unleaded Gas*. Tambahan kos perolehan bahan api yang ditanggung oleh Pejabat SUK akibat penggunaan Petrol *V-Power Racing* pada tahun 2008 adalah berjumlah RM2,615 seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Perbezaan Harga Antara Petrol VP Racing Dan Petrol Super ULG
Pada Tahun 2008

Bulan	Kuantiti Penggunaan Sebulan (Liter)	Jumlah (RM)		Perbezaan (RM)
		VP Racing	Super ULG	
Januari	931	2,002	1,788	214
Februari	424	912	814	98
Mac	769	1,654	1,477	177
April	591	1,283	1,146	137
Mei	655	1,408	1,258	150
Jun	575	1,679	1,450	229
Julai	700	2,208	1,892	316
Ogos	691	2,149	1,829	320
September	596	1,811	1,505	306
Okttober	611	1,775	1,442	333
November	393	1,014	819	195
Disember	337	759	619	140
Jumlah	7,273	18,654	16,039	2,615

Sumber: Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Pada pendapat Audit perolehan bahan api di Pejabat SUK adalah tidak memuaskan kerana tidak mengambil kira dasar perbelanjaan berhemat Kerajaan Negeri.

6.5.5 Kad Inden Bahan Api Masih Aktif Walaupun Kenderaan Telah Lama Dilupuskan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, menetapkan bahawa kad inden bahan api perlu dikawal dengan sempurna. Satu Daftar/Rekod Pergerakan Kad Inden perlu diselenggarakan. Selain itu, laporan analisis kenderaan perlu disemak bagi mengawasi sebarang perbelanjaan yang luar biasa. Semakan Audit terhadap pengurusan kad inden bahan api bagi tiga Jabatan mendapati kad inden bahan api bagi dua buah kenderaan Pejabat SUK masih aktif sehingga akhir tahun 2008 walaupun kedua-dua buah kenderaan tersebut telah lama dilupuskan iaitu pada tahun 2005 seperti di **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8
Kad Inden Kenderaan Pejabat SUK Masih Aktif Walaupun Kenderaan
Telah Dilupuskan Pada Tahun 2005

Bil.	Jenis Kenderaan	No. Pendaftaran Kenderaan	No. Kad Inden	Jumlah Perolehan Bahan Api Pada Tahun 2008 (RM)
1.	Coaster	CAM 2424	70838101898002602	10,358
2.	Kereta Volvo	CAP 676	70838101898002784	1,480
Jumlah				11,838

Sumber: Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Maklum balas yang diperoleh daripada Pejabat SUK menjelaskan bahawa pihak Pejabat masih lagi dalam proses tindakan untuk membatalkan kad berkenaan dan hingga kini ia masih digunakan.

Pada pendapat Audit pemantauan terhadap penggunaan kad inden oleh pihak pengurusan Pejabat SUK adalah tidak memuaskan kerana kad inden bagi kenderaan yang telah dilupuskan masih aktif.

6.5.6 Kehilangan Kad *Touch n Go*

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999, menetapkan supaya kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan lengkap dan kemas kini. Satu daftar perlu diselenggarakan dan kad tersebut hendaklah disimpan oleh pegawai kenderaan melainkan ia digunakan. Semakan Audit terhadap penggunaan kad *Touch n Go* untuk tiga Jabatan berkenaan mendapati sekeping kad *Touch n Go* yang bernombor 2289924308 untuk kegunaan kenderaan di PDT Pekan telah hilang daripada simpanan. Baki akhir kad tersebut pada 1 Mac 2007 mengikut daftar yang diselenggarakan adalah berjumlah RM999. Bagaimanapun, sehingga 25 Mei 2008 mengikut penyata bulanan menunjukkan bakinya telah berkurang sejumalah RM542 menjadikan bakinya RM457. Ini menunjukkan terdapat penggunaan kad yang tidak direkodkan bagi tempoh tersebut. Oleh itu, Pejabat telah menanggung kos penggunaan kad tersebut walaupun tidak diketahui pihak yang menggunakan dan maksud penggunaannya. Pihak Audit juga mendapati Jabatan belum lagi mengambil tindakan untuk melaporkan kehilangan yang berlaku sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 315. *Maklum balas daripada pihak PDT Pekan menyatakan bahawa Jabatan telah mengambil tindakan menyekat dan seterusnya membatalkan kad tersebut yang masih mempunyai baki RM180 pada 20 April 2009. Selain itu, tindakan untuk mendapatkan kembali baki kad tersebut sedang dijalankan.*

Pada pendapat Audit pengurusan kad *Touch n Go* di PDT Pekan adalah tidak memuaskan kerana Pejabat tidak mengambil tindakan terhadap kehilangan kad.

6.5.7 Kos Penyenggaraan Kenderaan Yang Tinggi

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, menetapkan bahawa rekod penyenggaraan kenderaan perlu disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, pengurusan penyenggaraan juga perlu dilakukan dengan baik agar tidak berlaku pembaziran wang awam. Semakan Audit terhadap 13 buah kenderaan yang dipilih di dua Jabatan mendapati kos penyenggaraan kenderaan bagi empat buah Proton Perdana V6 *Executive* di Pejabat

SUK bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah tinggi berbanding dengan kos perolehan kenderaan tersebut seperti di **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9
Perbandingan Kos Penyenggaraan Dengan Kos Perolehan Kenderaan
Pejabat SUK Bagi Tahun 2004 Hingga 2008

Bil.	Kenderaan/ No. Pendaftaran	Kos Perolehan (RM)	Kos Penyelenggaraan (RM)					Jumlah (RM)
			2004	2005	2006	2007	2008	
1.	Perdana V6 <i>Executive</i> CBL 100	117,026	-	24,841	33,833	59,719	53,495	171,888
2.	Perdana V6 <i>Executive</i> CBN 31	117,026	1,804	31,847	49,995	65,880	43,217	192,743
3.	Perdana V6 <i>Executive</i> CBK 9119	117,026	-	19,014	71,319	31,076	28,259	149,668
4.	Perdana V6 <i>Executive</i> CBR 1993	124,610	-	13,006	37,593	60,210	21,685	132,494

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Maklum balas yang diperoleh daripada Pejabat SUK menjelaskan bahawa kenderaan tersebut digunakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Kos penyenggaraan yang tinggi ini adalah disebabkan oleh kerosakan kotak gear (gear box) dan juga kemalangan. Kos pembaikan empat kenderaan ini telah melebihi harga perolehan walaupun tempoh penggunaannya hanya empat tahun.

Pihak Audit mendapati kenderaan ini telah disenggarakan di bengkel luar dan perbandingan harga alat ganti dan minyak telah dibuat antara bengkel tersebut dengan Pusat Servis Proton Edar. Perbandingan tersebut mendapati tiada perbezaan harga yang ketara antara bengkel luar dengan Pusat Servis Proton Edar seperti di **Jadual 6.10**.

Jadual 6.10
Perbandingan Harga Alat Ganti Dan Minyak Kenderaan Jenis Perdana V6
Antara Pusat Servis Proton Edar Dan Bengkel Luar

Bil.	Jenis Alat Ganti	Proton Edar	Bintang Timur Auto Sdn. Bhd.				C.M. Chok Brothers Sdn. Bhd.		
			Amaun (RM)	No. Invois	Tarikh Invois	Amaun (RM)	No. Invois	Tarikh Invois	Amaun (RM)
1.	Fuel Filter	140.23	21133	16.11.2007	126.00	-	-	-	-
2.	Oil Filter	15.00	18900	10.12.2006	20.00	IV14641	22.09.2008	14.00	
3.	Gasket, A/T Oil Pan V6	40.21	20095	13.7.2007	45.00	-	-	-	-
4.	Semi Syntetic Oil	88.00	20095	13.7.2007	88.00	IV14641	22.09.2008	95.00	
5.	ATF Oil	185.46	20095	13.7.2007	128.00	IV14641	22.09.2008	192.00	

Sumber: Rekod Harga Alat Ganti Pusat Servis Proton Edar dan Rekod Pejabat SUK

Selain itu, pihak Pusat Servis Proton Edar turut menawarkan kemudahan “Fleet Customer” kepada Jabatan Kerajaan yang menjadi pelanggan mereka. Melalui kemudahan ini, pelanggan akan diberikan potongan harga sekurang-kurangnya 10% bagi alat ganti terpilih dan caj buruh yang dikenakan. Manakala sebuah kenderaan jenis Proton Perdana V6 turut disediakan untuk kegunaan pelanggan terbabit sekiranya kenderaan tidak dapat disenggarakan dalam tempoh masa yang dikehendaki. Pelanggan turut diberikan jaminan

semua alat ganti yang digunakan adalah tulen. *Maklum balas daripada pihak Pejabat SUK menjelaskan bahawa penyenggaraan di bengkel luar adalah lebih cepat berbanding dengan Pusat Servis Proton Edar.*

Pada pendapat Audit pengurusan penyenggaraan di Pejabat SUK adalah tidak memuaskan kerana kos penyenggaraan adalah tinggi dan telah melebihi harga perolehan.

6.5.8 Kenderaan Didaftarkan Atas Nama Pejabat

Seksyen 10(5) Akta 333, Akta Pengangkutan Jalan 1987, telah menetapkan sesuatu kenderaan milik Kerajaan atau Agensi Kerajaan hendaklah didaftarkan atas nama jawatan Ketua Jabatan untuk mengesahkan pemilikannya yang sebenar. Ia bertujuan untuk memudahkan pegawai yang bertanggungjawab mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya berlaku kemalangan atau kehilangan. Semakan Audit mendapati dua buah kenderaan PDT Pekan iaitu sebuah Nissan X-Trail CBY 8448 dan sebuah Toyota Hilux CCE 8448 telah didaftarkan atas nama Pejabat.

Pada pendapat Audit pendaftaran kenderaan di PDT Pekan adalah tidak memuaskan kerana pendaftaran kenderaan Jabatan dibuat atas nama Jabatan.

6.5.9 Pegawai Kenderaan Tidak Dilantik

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, Ketua Jabatan hendaklah melantik seorang pegawai untuk menjaga kenderaan. PDT Pekan mempunyai enam buah kenderaan yang terdiri daripada sebuah Proton Perdana dan lima buah kenderaan pacuan empat roda. Semakan Audit terhadap rekod Jabatan dan temu bual yang dijalankan mendapati tiada pegawai kenderaan telah dilantik untuk menguruskan kenderaan Jabatan. Aktiviti pengurusan kenderaan Jabatan telah dilakukan oleh Penolong Akauntan Gred W27 dan Pembantu Tadbir Gred N22. Perkara ini adalah disebabkan Jabatan tidak menyedari kepentingan pelantikan tersebut terhadap pengurusan kenderaan Jabatan. *Bagaimanapun, pihak PDT Pekan menyatakan bahawa atas teguran Audit, pihak Jabatan melalui Mesyuarat Pengurusan Kewangan Dan Akaun Bil. 2/2009 pada 4 Mei 2009 telah bersetuju melantik seorang Pegawai Kenderaan Jabatan.*

Pada pendapat Audit pengurusan Kenderaan di PDT Pekan adalah kurang memuaskan kerana pegawai kenderaan tidak dilantik lagi.

6.5.10 Daftar Pergerakan Kad Inden Tidak Diselenggarakan

Perenggan 7.4 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, menghendaki buku daftar pergerakan kad inden diselenggarakan sebagai rekod kawalan. Daftar ini hendaklah dikemaskinikan dan disemak oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang diberi kuasa dari semasa ke semasa. Semakan Audit terhadap 29 kad inden mendapati lima daripadanya tidak didaftarkan, manakala sembilan daripada 24 kad yang didaftarkan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini seperti di **Jadual 6.11**.

Jadual 6.11
Penyelenggaraan Daftar Pergerakan Kad Inden
Tidak Lengkap Dan Kemas Kini

Bil.	Jabatan	Bilangan Kad Inden	Daftar Pergerakan Kad Inden		
			Diselenggarakan		Tidak Diselenggarakan
			Lengkap	Tidak Lengkap	
1.	Pejabat SUK Negeri Pahang	18	15	-	3
2.	JKR Cawangan Mekanikal	4*	-	2	2
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan	7	-	7	-
Jumlah		29	15	9	5

Sumber: Rekod Pejabat SUK, JKR Mekanikal Negeri Pahang dan Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan

Nota: * Bilangan Kad Inden Di JKR Adalah Merupakan Bilangan Kad Yang Telah Dipilih Untuk Diaudit

Pada pendapat Audit, pengurusan daftar pergerakan kad inden adalah tidak memuaskan kerana daftar tersebut tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

6.5.11 Maklum Balas Pemandu

Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 31 borang soal selidik kepada pemandu bagi mendapatkan maklum balas mengenai kesedaran terhadap tanggungjawab, latihan yang diterima dan pengetahuan kemahiran mekanikal. Berdasarkan soal selidik yang dikembalikan, didapati 27 atau 87% pemandu menyatakan bahawa catatan di buku log telah dibuat oleh pemandu. Manakala, sebanyak 28 atau 90% pemandu menyatakan bahawa mereka telah mengisi Borang Am 193 apabila berlaku kemalangan. Butiran lengkap mengenai maklum balas yang diterima adalah seperti di **Jadual 6.12**.

Jadual 6.12
Maklum Balas Pemandu Terhadap Tanggungjawab, Latihan Yang Dihadiri
Dan Pengetahuan Mekanikal

Bil.	Perkara	Pejabat SUK	JKR Cawangan Mekanikal	PDT Pekan	Jumlah	Peratus (%)
Jumlah Borang Soal Selidik		14	10	7	31	100
1.	Catatan di Buku Log dibuat oleh pemandu kecuali ruangan ‘Perjalanan dan Tujuan’ dan ‘Nama dan Tandatangan’	11	9	7	27	87
2.	Borang Am 193 – Laporan Kemalangan Kenderaan diisi apabila berlaku kemalangan	11	10	7	28	90
3.	Latihan diberi untuk menguruskan kenderaan	10	10	6	26	84

Sumber: Maklum Balas Soal Selidik Pemandu

Pada pendapat Audit, tahap kesedaran pemandu terhadap tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dan pengurusan latihan oleh Pejabat adalah baik kerana sebahagian besar pemandu telah memahami tanggungjawab mereka.

6.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya tahap pengurusan kenderaan di tiga pejabat yang diaudit adalah tidak memuaskan terutama bagi pengurusan kenderaan di Pejabat SUK di mana perhatian sewajarnya perlu diberikan terhadap beberapa perkara seperti pengurusan pembelian bahan api dan penyenggaraan kenderaan. Oleh itu, untuk mengatasi segala kelemahan

tersebut, pihak Audit mengesyorkan Ketua-ketua Jabatan di Pejabat SUK, JKR dan PDT Pekan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a) Memastikan semua dokumen berkaitan dengan pengurusan kenderaan seperti buku log, daftar pergerakan kad inden, daftar pergerakan kad *Touch n Go* dan rekod penyenggaraan kenderaan difaillkan dengan lengkap dan kemas kini.
- b) Semakan secara terperinci perlu dilakukan ke atas pernyata penggunaan bahan api pada setiap bulan sebelum pembayaran dilakukan bagi mengenal pasti butiran yang meragukan.
- c) Pengurusan kad *Touch n Go* perlu dipertingkatkan melalui daftar pergerakan kad *Touch n Go* dan pemantauan secara fizikal terhadap pergerakan kad tersebut bagi mengelakkan penyalahgunaan.
- d) Penggunaan bahan api juga perlu mengambil kira dasar perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri supaya setiap peruntukan yang dibelanjakan memberi pulangan yang munasabah.
- e) Pejabat adalah dicadangkan menggunakan khidmat Pusat Servis EON/Proton bagi tujuan penyenggaraan kenderaan memandangkan tiada perbezaan harga yang ketara bagi alat ganti berbanding bengkel luar di samping kemudahan yang ditawarkan.
- f) Pihak SUK dicadangkan untuk melantik pemandu kenderaan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri secara kontrak bagi membolehkan pemandu berkenaan menikmati kemudahan yang diperoleh oleh kakitangan kerajaan lain seperti kemudahan perubatan dan lain-lain elaun. Di samping itu, ia akan memudahkan Jabatan untuk mengeluarkan arahan kepada pemandu terbabit.
- g) Setiap kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama jawatan Ketua Jabatan.

MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

7. PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

7.1 LATAR BELAKANG

Majlis Perbandaran Kuantan (Majlis) ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada awal September 1979 di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Matlamat Majlis adalah untuk menjadikan Bandar Kuantan sebagai pusat pertumbuhan yang unggul, berdaya maju dan sebuah bandar yang bersih, indah, tersusun serta sejahtera. Sehubungan itu, Majlis sentiasa mengambil langkah untuk memastikan nilai kualiti pentadbiran berkenaan diurus dengan baik. Salah satu perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis adalah pengurusan tempat letak kereta berkupon. Perkhidmatan ini diurus oleh Bahagian Letak Kereta, Jabatan Perbendaharaan Majlis. Pelaksanaan tempat letak kereta berkupon secara menyeluruh di kawasan Majlis bermula pada awal Jun 2006 menggantikan kaedah kutipan secara manual. Sehingga akhir tahun 2008, Majlis mempunyai 11,089 petak letak kereta berkupon yang melibatkan 13 zon di kawasan Majlis. Jumlah hasil Bahagian Letak Kereta bagi tempoh Jun 2006 sehingga Disember 2008 adalah berjumlah RM19.18 juta.

7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Tempat Letak Kereta Majlis telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamatnya.

7.3 SKOP PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan terhadap pengurusan tempat letak kereta berkupon yang dilaksanakan oleh Bahagian Letak Kereta, Jabatan Perbendaharaan Majlis. Skop pengauditan meliputi perkhidmatan kupon jam bergores bagi tempoh Jun 2006 hingga Disember 2008.

7.4 KAEDAH PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah berdasarkan kepada penyemakan fail dan dokumen seperti minit mesyuarat, jadual kerja, aduan awam serta maklumat yang berkaitan. Selain itu, lawatan juga dilakukan ke kawasan letak kereta iaitu di Jalan Besar, Jalan Teluk Sisek, Jalan Wong Ah Jang, Jalan Tun Ismail, Jalan Beserah dan Jalan Bukit Ubi. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai serta maklum balas daripada orang awam melalui edaran 100 borang soal selidik.

7.5 PENEMUAN AUDIT

7.5.1 Pewartaan Tempat Letak Kereta Berkupon

Kawasan tempat letak kereta berkupon hanya boleh dilaksanakan setelah proses letak hak kuasa diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan diwartakan. Majlis akan mengenal pasti kawasan

komersial yang baru disiapkan dan dibangunkan oleh pemaju dan memeriksa sama ada ia sesuai untuk diwartakan sebagai tempat letak kereta berkupon atau bermusim. Jadual 1, Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta Majlis Perbandaran Kuantan 2005) telah menyenaraikan 75 nama jalan yang telah diwartakan. Semakan Audit terhadap rekod pewartaan mendapati sehingga tarikh lawatan Audit pada awal Oktober 2008, Majlis telah melaksanakan kutipan berkupon di 13 zon yang diwartakan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati dua kawasan komersial yang baru masih belum diwartakan walaupun telah lama beroperasi iaitu sejak tahun 2004 dan 2005 di Jalan Sultan Abdullah dan Jalan Kuantan-By Pass yang melibatkan sebanyak 865 petak tempat letak kereta. Tempoh yang begitu lama diambil untuk memohon peletakan hak kuasa dan pewartaan kawasan baru memberi kesan kepada pungutan hasil jualan kupon. Anggaran kehilangan hasil kutipan adalah berjumlah RM3.66 juta seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Anggaran Kutipan Hasil Dua Kawasan Yang Belum Diwartakan
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	Nama Kawasan/Jalan	Tarikh Sijil Layak Menduduki	Jumlah Petak	Anggaran Kutipan (RM)
1.	Bandar Indera Mahkota 5, Jalan Sultan Abdullah	2004	380	(9,390 jam x 0.45 per jam x 380 petak) = RM1,605,690
2.	Kolej Shahputra, Jalan Kuantan-By Pass	2005	485	(9,390 jam x 0.45 per jam x 485 petak) = RM2,049,368
Jumlah			865	3,655,058

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

Maklum balas yang diperoleh daripada Majlis menjelaskan bahawa proses pewartaan akan mengambil masa yang lama. Majlis juga memaklumkan selain daripada Jalan Sultan Abdullah dan Jalan Kuantan-By Pass masih terdapat kawasan lain yang belum diwartakan. Jabatan Perancang Majlis juga sedang menyemak secara menyeluruh kawasan baru yang telah dibangunkan untuk dimasukkan ke dalam Jadual Undang-Undang Kecil.

Pada pendapat Audit, proses pewartaan dan peletakan hak kuasa tempat letak kereta adalah tidak memuaskan kerana terdapat kawasan yang belum diwartakan walaupun telah beroperasi selama empat tahun.

7.5.2 Pengurusan Dan Penjagaan Tempat Letak Kereta

Bahagian Letak Kereta bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan dan penjagaan tempat letak kereta. Pengurusan kutipan tempat letak kereta adalah di bawah tanggungjawab Unit Operasi dan Pemasaran. Kerja penyenggaraan seperti mengecat garisan dan nombor petak, penurapan petak berlubang atau air bertakung di tempat letak kereta dilaksanakan oleh Unit Am dan Pentadbiran. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menetapkan garis panduan atau piagam bagi penyenggaraan petak tempat letak kereta. Berdasarkan maklumat temu bual dengan pegawai Bahagian Letak Kereta kerja-kerja penyenggaraan dibuat sekurang-kurangnya sekali pada setiap dua hingga tiga bulan oleh Majlis. Semakan Audit juga mendapati Majlis hanya menyediakan laporan harian kakitangan

yang mengecat petak tempat letak kereta. Tiada rekod khusus kawalan penyeliaan penyenggaraan bagi setiap zon tempat letak kereta. Lawatan Audit ke lokasi tempat letak kereta iaitu Jalan Besar, Jalan Teluk Sisek, Jalan Wong Ah Jang, Jalan Tun Ismail dan Jalan Bukit Ubi mendapati dua daripada lima lokasi berkenaan berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Kesannya terdapat kawasan tempat letak kereta yang berlubang, air bertakung serta cat garisan yang pudar seperti di **Foto 7.1**.

Foto 7.1
Petak Letak Kereta Yang Tidak Disenggara



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 10 Oktober 2008
Lokasi: Petak Letak Kereta, Jalan Tun Ismail*

Majlis menjelaskan bahawa perkara ini berlaku disebabkan oleh kekurangan kakitangan. Selain itu, Bahagian Letak Kereta hanya menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dari segi mengecat petak letak kereta sahaja. Di samping itu juga perubahan cuaca serta kualiti cat merupakan faktor garis petak mudah luntur.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan tempat letak kereta adalah tidak memuaskan kerana tiada garis panduan yang disediakan.

7.5.3 Susun Atur Petak Tempat Letak Kereta Tidak Mengikut Garis Panduan

Jabatan Perancang, Majlis telah menetapkan garis panduan susun atur tempat letak kereta seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Garis Panduan Tempat Letak Kereta

Sudut Petak Kereta	Panjang Petak (Meter)	Lebar Petak (Meter)	Lebar Ikat Sudut (Meter)	Lebar Laluan Sehala (Meter)	Lebar Laluan Dua Hala (Meter)
	A	B	C	D	E
0°	5.48	2.43	-	3.04	4.87
90°	4.87	2.43	-	6.09	7.32
60°	4.87	2.43	5.48	4.57	5.48
45°	4.87	2.43	5.15	3.65	4.87
30°	4.87	2.43	4.57	3.04	4.87

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

Lawatan Audit ke lokasi tempat letak kereta iaitu Jalan Besar, Jalan Teluk Sisek, Jalan Wong Ah Jang, Jalan Tun Ismail dan Jalan Bukit Ubi mendapati dua daripada lima lokasi berkenaan tidak mengikut ukuran minimum garis panduan yang ditetapkan iaitu di Jalan Besar dan Jalan Bukit Ubi. Perkara ini berlaku disebabkan Majlis masih menggunakan garis panduan ukuran yang lama. Kesannya menyukarkan pengguna meletakkan kereta di dalam petak yang disediakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 7.3** dan **Foto 7.2**.

Jadual 7.3
Saiz Dan Kedudukan Petak Tidak Mengikut Garis Panduan

Tempat Letak Kereta	Saiz Minimum Dan Kedudukan Mengikut Garis Panduan (Lebar x Panjang)	Purata Saiz Dan Kedudukan Sebenar (Lebar x Panjang)
Medan Pelancong, Jalan Besar	(2.43 meter x 5.48 meter) Sudut petak 0°	(2.43 meter x 5.12 meter)
Bangunan Tabung Haji, Jalan Bukit Ubi	(2.43 meter x 4.87 meter) Sudut petak 45°	(2.33 meter x 4.87 meter)

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

Foto 7.2
Keadaan Tempat Letak Kereta Tidak Mengikut Garis Panduan



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 10 Oktober 2008
Lokasi: Petak Letak Kereta, Jalan Bukit Ubi*

Majlis mengambil maklum dan tindakan akan diambil terhadap petak-petak yang masih tidak mengikut ukuran minimum yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan susun atur petak letak kereta adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan.

7.5.4 Prestasi Kaedah Pelaksanaan

Jabatan telah melaksanakan pengurusan tempat letak kereta berkupon mengikut kaedah pelaksanaan seperti berikut:

a) Pembekal Kupon Jam Bergores

Bagi tahun 2006 hingga 2008 Majlis telah menggunakan perkhidmatan tiga pembekal bagi mencetak, membekal dan menghantar kupon jam bergores. Pembekal pertama telah dilantik bagi membekalkan kupon pada tahun 2006 melalui kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Bil. 4 Tahun 2006 pada 28 April 2006. Bagaimanapun, pada bulan Ogos 2006 melalui mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Bil. 9 Tahun 2006 Majlis telah memutuskan pembelian terus sebanyak 100,000 buku kupon dengan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNB) dengan kadar 95 sen sebuku sebagai ‘back-up’ memandangkan tempoh siap bekalan pembekal pertama mengambil masa yang lama serta tidak mengikut pesanan permintaan. Bagi bekalan kupon tahun 2007, Majlis telah memilih pembekal ketiga melalui kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Bil. 12/2006 pada 29 Disember 2006 dengan harga tawaran 89 sen sebuku.

b) Pembelian Dan Penerimaan Stok Kupon Jam Bergores

Bagi tempoh Jun 2006 hingga Disember 2008 Majlis telah membuat 22 kali pesanan pembelian kupon jam bergores iaitu sebanyak 13,400,000 keping kupon. Semakan Audit terhadap rekod stok kupon pada tahun 2008 mendapati perkara seperti berikut:

i) **Pembelian Stok** - Pembelian stok yang berlebihan akan mengakibatkan pembaziran dan penggunaan ruang stor yang luas. Pembelian yang dirancang juga penting bagi memastikan stok kupon sentiasa berada pada tahap yang mencukupi. Semakan Audit terhadap rekod ringkasan pengeluaran kupon pada tahun 2008 mendapati Majlis telah membuat sembilan kali pesanan pembelian kupon pada had baki yang berbeza-beza seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Pesanan Pembelian Kupon Pada Had Baki Yang Berbeza Pada Tahun 2008

Tahun 2008			
Bulan	Pesanan Pembelian (Keping)	Stok Keluar (Keping)	Baki Stok (Keping)
Baki awal tahun	-	-	992,000
Januari	500,000	532,800	959,200
Februari	-	407,700	551,500
Mac	500,000	361,500	690,000
April	500,000	424,500	765,500
Mei	500,000	392,200	873,300
Jun	-	388,900	484,400
Julai	250,000	417,900	316,500
Ogos	750,000	396,800	669,700
September	-	332,200	337,500
Okttober	500,000	329,800	507,700
November	500,000	372,400	635,300
Disember	500,000	380,800	754,500

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

Semakan Audit juga dibuat terhadap rekod pesanan pembelian stok kupon daripada pembekal ketiga pada Julai 2008 dan didapati ia dibuat mengikut prosedur pembelian yang telah ditetapkan. Majlis memaklumkan mulai tahun 2009, ia telah mengehadkan pembelian stok kupon mengikut had yang telah ditetapkan.

ii) **Penerimaan Stok Lewat Direkodkan** - Perenggan 19, Tatacara Pengurusan Stok menetapkan apabila menerima barang, penerima hendaklah mengaku terima dengan mencatat tarikh dan ditandatangani. Semakan Audit terhadap invois pembekal pada tahun 2008 mendapati ia tidak dicatatkan tarikh penerimaan stok. Ini menyukarkan pihak Audit untuk mengenal pasti tarikh sebenar stok kupon diterima. Semakan Audit juga dibuat terhadap lima penerimaan stok bagi tempoh Januari hingga Julai 2008 mendapati dua daripadanya telah lewat direkodkan selama empat hari dalam Buku Kawalan Stok Kupon. Ini berlaku kerana kelemahan pemantauan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Kesannya kemungkinan berlakunya ketinggalan dalam merekodkan penerimaan stok serta risiko kehilangan dan penyalahgunaan stok kupon. Selain itu, didapati Majlis ada menjalankan semakan dan pengesahan baki stok pada akhir bulan. Bagaimanapun, tidak dicatatkan tarikh ia dilaksanakan. Majlis memaklumkan tindakan yang sewajarnya akan diambil bagi mengatasi kelemahan dalam prosedur penerimaan stok kupon.

c) **Pengeluaran Stok Kupon Jam Bergores**

Stok kupon yang dikeluarkan untuk dijual akan direkodkan mengikut nombor siri kupon di dalam Rekod Kawalan Pengeluaran Dan Penerimaan Kupon Jam. Lawatan Audit pada 10 Oktober 2008 ke tujuh lokasi pondok kutipan letak kereta daripada 28 lokasi mendapati ketepatan nombor siri kupon yang dijual adalah sama seperti yang dicatatkan di rekod pengeluaran kupon.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan adalah memuaskan kecuali pembelian dan penerimaan stok kupon jam bergores tidak dibuat mengikut peraturan.

7.5.5 Pengurusan Kupon Jam Bergores Rosak Dan Penukaran Kupon

a) **Kupon Rosak**

Arahan Perbendaharaan 66(b), menyatakan mana-mana stok yang didapati rosak hendaklah dikembalikan kepada syarikat percetakan yang dilantik oleh Kerajaan berserta laporannya. Semakan Audit terhadap penyata kupon rosak mendapati bagi tahun 2006 hingga 2007 sebanyak 55,000 keping kupon telah rosak. Sebanyak 53,300 keping daripada jumlah berkenaan tidak ditolak daripada wang cagaran pembekal tetapi dalam cadangan untuk dihapus kira seperti di **Jadual 7.5**. Semakan Audit juga dibuat terhadap dokumen sebut harga mendapati tiada kenyataan stok kupon yang rosak boleh dipulangkan dalam tempoh yang ditetapkan. Ia berlaku disebabkan kurang pemantauan oleh pegawai yang bertanggungjawab serta kelemahan dalam proses perolehan. Kesannya Majlis kerugian sejumlah RM5,064 bagi kupon yang tidak dikembalikan kepada pembekal. **Foto 7.3** dan **Foto 7.4** menunjukkan kupon jam bergores dalam cadangan untuk dihapus kira.

Jadual 7.5
Kedudukan Kupon Jam Bergores Rosak

Bil.	Tempoh Semakan	Bilangan Kupon Rosak (Keping)	Kos Kupon (Sekeping) (RM)	Kos Belian (RM)	Syarikat Pembekal	Tindakan
1.	Jun hingga Disember 2006	893	0.10	89.30	Printco Marketing & Supply	Ditolak dari wang cagaran
2.	Januari hingga Mei 2007	807	0.10	80.70		
3.	Jun hingga Disember 2007	53,300	0.095	5,063.50	Percetakan Nasional Malaysia Berhad	Cadangan untuk dihapus kira
Jumlah		55,000		5,233.50		

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

Foto 7.3
Kupon Jam Bergores Dalam Cadangan Untuk Dihapus Kira



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 10 Oktober 2008

Lokasi: Bilik Stor, Bahagian Letak Kereta MPK

Majlis memaklumkan bahawa sebanyak 53,300 kupon akan dihapus kira kerana ia telah rosak dalam simpanan Majlis dan bukan semasa penerimaan stok kupon.

b) Penukaran Kupon Oleh Pengguna

Mesyuarat Pagi Jabatan Perbendaharaan Majlis Perbandaran Kuantan yang bersidang pada 8 Januari 2008 membenarkan pengguna yang mempunyai kupon jam bergores lama (cetakan pertama) iaitu tahun 2006/2007 menukar dengan kupon baru tanpa dikenakan bayaran. Kupon berkenaan hendaklah mengikut syarat yang ditetapkan iaitu berada dalam keadaan baik, tidak diconteng, tidak berlipat dan kupon bertarikh pada tahun 2006/2007 sahaja. Penukaran tersebut sah bermula 2 hingga 31 Januari 2008. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati hingga ke tarikh lawatan Audit pada akhir September 2008 tempoh penukaran kupon berkenaan masih dibuka. Semakan Audit juga dibuat terhadap Penyata Penukaran Kupon Lama (cetakan pertama) mendapati sebanyak 27,765 keping kupon telah ditukarkan bagi tempoh yang melebihi had ditetapkan dan kupon berkenaan akan dihapus kira. Ia berlaku disebabkan Majlis tidak mengikut ketetapan mesyuarat Majlis. Kesannya Majlis kehilangan hasil sejumlah RM12,494 berdasarkan harga promosi iaitu 45 sen setiap keping. Majlis memaklumkan penukaran kupon oleh pengguna masih dibuka atas arahan pihak pengurusan Majlis

kerana masih banyak permohonan daripada orang awam. Bagaimanapun, arahan tersebut tidak dikeluarkan secara bertulis.

Pada pendapat Audit, pengurusan kupon jam bergores rosak dan penukaran kupon lama adalah tidak memuaskan kerana kos kupon rosak tidak ditolak melalui wang cagaran pembekal dan penukaran kupon melebihi tempoh yang ditetapkan.

7.5.6 Sistem Pengurusan Dan Penjualan Kupon Letak Kereta

Sistem Pengurusan Dan Penjualan Kupon Letak Kereta merupakan salah satu perisian di bawah sistem *e-Enforcement* selain dari sistem Penguatkuasaan *Mobile Handheld* dan sistem Maklumat Dan Pengurusan Kompaun Berkomputer. Sistem ini mula dibangunkan pada November 2007 oleh pembekal dengan kos pembinaan keseluruhan sistem berjumlah RM2.55 juta secara sewa beli selama lima tahun. Antara matlamat penggunaan sistem ini adalah untuk mengawal operasi dan pengurusan bagi penerimaan serta penjualan stok kupon jam, mengelak berlakunya pemalsuan kupon jam, mengenal pasti kepada siapa kupon jam dijual atau dibeli, maklumat tentang kupon jam boleh dicari dan didapati dengan mudah, cepat dan selamat serta pelbagai jenis laporan boleh dicetak bagi kemudahan pihak pengurusan. Setelah setahun pelaksanaan sistem tersebut, Majlis memaklumkan terdapat kelemahan dalam penggunaan sistem ini. Ia tidak dapat menerima digit 0 di belakang nombor siri sebagai contoh CK04264300 yang direkodkan sebagai CK04264291. Keadaan ini menyebabkan nombor siri CK04264300 tidak wujud di sistem tetapi ada direkodkan dalam rekod pengeluaran manual. Di samping itu, semakan Audit juga mendapati:

- a) Laporan *Sales Delivery Note (SDN)* yang dikeluarkan oleh sistem ini tidak mengikut nombor siri kupon.
- b) Tiada semakan antara rekod kupon manual dan rekod kupon di dalam sistem.
- c) Nombor siri kupon sepatutnya diimbas pada *barcode* yang terdapat pada kupon. Bagaimanapun, nombor siri berkenaan telah dimasukkan secara manual.
- d) Tiada sebarang laporan daripada sistem ini dicetak dan disimpan untuk tujuan semakan.
- e) Tiada sekatan dalam penggunaan sistem menyebabkan semua kakitangan boleh mengakses dan membuat pindaan terhadap data di dalam sistem.

Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kelemahan sistem dan kakitangan yang kurang mahir dalam menggunakan sistem tersebut. Kakitangan kurang diberi kursus/latihan yang secukupnya di mana sehingga akhir tahun 2008, hanya empat kursus berkaitan tempat letak kereta berkupon diadakan. Kelemahan dalam pengendalian sistem juga menyebabkan kemungkinan berlakunya kecurian kupon dan juga capaian yang tidak dibenarkan terhadap sistem. Majlis akan mengambil tindakan bagi mempertingkatkan keberkesanan Sistem Pengurusan Kupon dengan memberi latihan khusus kepada kakitangan yang terlibat.

Pada pendapat Audit, Sistem Pengurusan Dan Penjualan Kupon Letak Kereta adalah tidak memuaskan kerana tidak mencapai matlamat yang ditetapkan dan tidak dapat digunakan sepenuhnya.

7.5.7 Kawalan Bilik Stok Kupon

Arahan Perbendaharaan 68, menyatakan semua stok hasil apabila tidak digunakan hendaklah disimpan di tempat yang berkunci dengan selamat. Lawatan Audit pada awal Oktober 2008 ke bilik menyimpan stok kupon mendapati stok kupon berkenaan disimpan di dalam bilik yang berkunci, berhawa dingin dan tersusun serta dipasang jeriji besi. Kunci bilik stor berkenaan dipegang oleh tiga orang kakitangan sokongan dan surat kuasa mengenainya ada disediakan. **Foto 7.5** dan **Foto 7.6** menunjukkan keadaan bilik stor yang bersih dan tersusun bagi menyimpan stok kupon.

Foto 7.5

Keadaan Bilik Stor Bersih Dan Tersusun



Foto 7.6



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 10 Oktober 2008

Lokasi: Bilik Stor, Bahagian Letak Kereta Majlis

Pada pendapat Audit, kawalan bilik stok kupon adalah baik dan berada dalam keadaan selamat.

7.5.8 Prestasi Kutipan Jualan

a) Kadar Bayaran

Kupon boleh dibeli dalam bentuk keping atau buku dan setiap satu buku mengandungi 10 keping kupon. Berdasarkan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Kuantan Bil. 4 Tahun 2006 menetapkan kadar yang sepatutnya dikenakan adalah sama dengan kadar yang diwartakan iaitu 60 sen setiap satu jam atau sebahagian daripadanya. Bagaimanapun, melalui Minit Mesyuarat Pengurusan Bil. 2 Tahun 2006, Majlis bersetuju mengenakan caj promosi 45 sen sekeping kepada pengguna sehingga penghujung tahun 2006. Semakan Audit terhadap kadar yang dikenakan mendapati sehingga tarikh lawatan Audit pada awal Oktober 2008, kadar 45 sen sekeping masih diterima pakai. Perkara ini berlaku disebabkan Majlis tidak mematuhi keputusan mesyuarat. Kesannya Majlis telah kerugian hasil sejumlah 15 sen bagi setiap keping kupon yang telah dijual kepada pengguna (iaitu sebanyak 11,286,399 keping yang berjumlah RM1.69 juta). Majlis memaklumkan kadar bayaran 45 sen bagi setiap keping kupon masih lagi diteruskan sebagai insentif kepada pengguna. Bagaimanapun, arahan tersebut tidak dikeluarkan secara bertulis.

b) Prestasi Jualan Kupon Jam Bergores

Semakan Audit terhadap rekod prestasi jualan kupon jam bergores bagi tempoh Jun 2006 hingga Disember 2008 mendapati Majlis telah menjual sebanyak 11,341,483 keping kupon yang berjumlah RM5.48 juta seperti di **Jadual 7.6**.

Jadual 7.6
Prestasi Jualan Kupon Jam Bergores Bagi Tempoh
Jun 2006 Hingga Disember 2008

Tahun	Jualan Stok (Keping)	Hasil (RM Juta)
Jun-Disember 2006	2,544,277	1.40
2007	4,462,826	2.01
2008	4,334,380	2.07
Jumlah	11,341,483	5.48

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

c) Prestasi Perbandingan Hasil Antara Sistem Manual Beresit Dengan Kupon Jam Bergores

Analisis Audit mendapati berlaku peningkatan hasil Majlis sejumlah RM3.15 juta atau 135% bagi tempoh dua tahun setengah selepas penggunaan kupon jam bergores iaitu mulai Jun 2006 hingga akhir tahun 2008 seperti di **Jadual 7.7**.

Jadual 7.7
Perbandingan Kutipan Hasil Manual Beresit Dengan Sistem Kupon Jam Bergores
Bagi Tahun 2004 Hingga 2008

Manual Beresit		Sistem Kupon Jam Bergores	
Tahun	Hasil (RM)	Tahun	Hasil (RM)
2004	1,056,511	Jun-Disember 2006	1,406,133
2005	937,588	2007	2,008,272
Jan-Mei 2006	338,817	2008	2,068,995
Jumlah	2,332,916	Jumlah	5,483,400

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan jualan kupon jam bergores adalah sangat baik kerana terdapat peningkatan hasil melebihi 100%. Bagaimanapun, kadar bayaran yang dikenakan adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut keputusan yang telah ditetapkan.

7.5.9 Promosi

Sejajar dengan perubahan sistem berkupon yang bermula pada Jun 2006, Majlis telah mengadakan pelbagai jenis promosi. Semakan Audit terhadap rekod pengurusan perkhidmatan tempat letak kereta berkupon mendapati Majlis telah mengambil pelbagai tindakan makluman secara besar-besaran sebelum pelancaran sistem berkupon. Antara promosi yang telah dilaksanakan bagi memaklumkan perubahan sistem berkupon yang digunakan di kawasan seluruh daerah Kuantan kepada orang awam adalah seperti berikut:

- a) Memasang 110 buah papan tanda/*billboard* pelbagai saiz.
- b) Memasang 170 buah sepanduk.
- c) Mengedarkan lebih 10,000 keping brosur.
- d) Pemakluman di media massa dan media elektronik.

- e) Mengadakan operasi didik di tapak letak kereta selama dua minggu oleh kakitangan Majlis.
- f) Memberi kelonggaran dengan membatalkan kompaun pertama kepada pengguna dari luar daerah Kuantan.
- g) Melantik agen jualan kupon di semua lokasi.
- h) Mengecualikan bayaran kompaun dari bulan Jun hingga Ogos 2006.
- i) Pemberian diskaun 25% ke atas harga jualan kupon jam.

Foto 7.7 hingga **Foto 7.11** menunjukkan antara promosi yang telah diadakan bagi memaklumkan kepada pengguna mengenai penggunaan sistem letak kereta berkupon di seluruh bandar Kuantan.

Foto 7.7

Kempen Penggunaan Kupon




Foto 7.8



Sumber: Majlis Perbandaran Kuantan

Tarikh: 1 Jun 2006

Lokasi: Taman Tas, Kuantan

Foto 7.9
Pemasangan Banting Di Kawasan Baru



Sumber: Majlis Perbandaran Kuantan

Tarikh: 28 April 2008

Lokasi: Sungai Isap, Kuantan

Foto 7.10

Papan Pemakluman Kawasan Letak Kereta Berkupon



Sumber: Majlis Perbandaran Kuantan
Tarikh: 1 Jun 2006
Lokasi: Jalan Beserah, Kuantan

Foto 7.11



Sumber: Majlis Perbandaran Kuantan
Tarikh: 1 Jun 2006
Lokasi: Tanjung Lumpur, Kuantan

Lawatan Audit pada awal Oktober 2008 mendapati 8 daripada 10 papan tanda tidak disenggara dengan baik. Keadaan ini berlaku disebabkan tiada penyenggaraan secara berjadual dilaksanakan. Kesannya menyukarkan penyampaian maklumat kepada orang ramai selain mencacatkan pemandangan seperti **Foto 7.12** dan **Foto 7.13**. Majlis mengambil maklum dan tindakan telah diambil mulai tahun 2009 dengan membuat pemeriksaan terhadap keadaan papan tanda dan kerja penyenggaraan akan dilaksanakan.

Foto 7.12

Papan Tanda Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 10 Oktober 2008
Lokasi: Jalan Besar, Kuantan

Foto 7.13



Pada pendapat Audit, promosi yang telah diadakan adalah memuaskan kecuali penyenggaraan papan tanda tidak disenggara dengan baik.

7.5.10 Kompaun

Seksyen 53, Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Kuantan) 2005, memperuntukkan bahawa pelanggaran kepada mana-mana perintah Pengangkutan Jalan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM300. Manakala Seksyen 30, merupakan kesalahan berkaitan penggunaan kupon pula

memperuntukkan pemilik/pemandu kenderaan motor adalah melakukan satu kesalahan jika:

- a) Gagal mempamerkan kupon letak kereta yang sah.
- b) Mempamerkan kupon letak kereta yang telah tamat tempoh yang dibenarkan.
- c) Mempamerkan kupon letak kereta di dalam keadaan di mana kupon letak kereta tersebut tidak dapat dikenal pasti atau dilihat oleh atendan letak kereta semasa menjalankan pemeriksaan.

Kadar bayaran kompaun bagi kesalahan penggunaan kupon letak kereta adalah seperti di **Jadual 7.8**.

Jadual 7.8
Kadar Bayaran Kompaun Kupon Letak Kereta

Bil.	Bayaran Dalam Tempoh	Amaun Bayaran Kompaun (RM)
1.	14 hari pertama	5
2.	15 - 30 hari	10
3.	Selepas 30 hari Notis Ulangan (sebelum tindakan mahkamah)	15
4.	Kes Mahkamah	300

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

Semakan Audit terhadap pengurusan kompaun bagi tahun 2006 hingga 2008, mendapati kedudukan pengurusan kompaun adalah seperti berikut:

- i) **Bilangan Kes Kompaun** - Sebanyak 551,822 kompaun bermilai RM3.75 juta dikeluarkan bagi pelbagai kesalahan, manakala sejumlah 372,057 kompaun bermilai RM3.09 juta atau 67.4% telah berjaya dikutip seperti di **Jadual 7.9**.

Jadual 7.9
Bilangan Dan Amaun Kompaun Yang Dikeluarkan Dan Dikutip Pada Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Bilangan Kompaun Dikeluarkan	Amaun Kompaun (RM)	Bilangan Kompaun Dikutip	Amaun Kompaun Yang Dikutip (RM)	Kutipan (%)
2006	58,996	589,950	37,983	537,817	64.4
2007	269,619	2,042,995	178,377	1,594,546	66.2
2008	223,207	1,116,035	155,697	956,864	69.8
Jumlah	551,822	3,748,980	372,057	3,089,227	67.4

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

- ii) **Bayaran Kompaun Yang Dibatalkan** - Sehingga akhir tahun 2008 sejumlah 8,958 kompaun bermilai RM62,135 yang telah dikeluarkan oleh pihak Majlis semenjak ia beroperasi mulai Jun 2006 telah dibatalkan. Antara sebab kompaun dibatalkan adalah kerana alamat tidak lengkap, rekod kenderaan tidak wujud dan rayuan yang berasas dengan bukti yang lengkap. Kesannya menyebabkan pengguna mengambil sikap sambil lewa dan akan hilang kepercayaan ke atas sistem yang digunakan oleh pihak Majlis. Keadaan ini akan mengakibatkan Majlis kehilangan hasil sejumlah RM62,315 seperti di **Jadual 7.10**.

Jadual 7.10
Bilangan Dan Amaun Kompaun Yang Dibatal
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Bilangan Kompaun Dibatal	Amaun Kompaun Dibatal (RM)
2006	1,105	11,050
2007	4,138	32,510
2008	3,715	18,575
Jumlah	8,958	62,135

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

iii) **Tuggakan Kompaun** - Semakan ke atas rekod tuggakan kompaun sehingga akhir tahun 2008, sebanyak 170,806 kompaun bernilai RM597,583 masih belum dikutip. Majlis telah pun mengambil tindakan seperti berikut:

- Mengunci tayar kenderaan.
- Mengadakan kaunter bergerak untuk semakan, mewujudkan sistem bayaran *offline* di pondok letak kereta dan kaunter bergerak.
- Mewujudkan sistem komputer yang benar-benar mesra pelanggan bagi semakan dan prosesan maklumat tunggakan (e-Kompaun).
- Menyediakan kemudahan semakan kompaun letak kereta dalam portal e-MPK dan sistem semakan melalui SMS.

Butiran mengenai jumlah tunggakan kompaun bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 7.11**.

Jadual 7.11
Bilangan Dan Kompaun Tertunggak Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Kompaun Yang Dikeluarkan		Kompaun Yang Belum Dijelaskan	
	Bil. Kompaun	Amaun (RM)	Bil. Kompaun	Amaun (RM)
2006	58,996	589,950	19,908	41,053
2007	269,619	2,042,995	87,104	415,939
2008	223,207	1,116,035	63,794	140,591
Jumlah	551,822	3,748,980	170,806	597,583

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

iv) **Kes Tindakan Mahkamah** - Daripada laporan fail tindakan mahkamah, kompaun kupon sehingga akhir tahun 2008, sebanyak 63 atau 26% daripada 243 fail kes belum selesai. Kes gagal diselesaikan kerana masalah pemindahan alamat, kediaman telah dirobohkan dan menyebabkan pengguna yang disabitkan gagal dikesan. Kesan daripada kes tindakan mahkamah yang gagal diselesaikan, pihak Majlis juga akan kerugian hasil. Butiran lanjut berkaitan bilangan kes mahkamah adalah seperti di **Jadual 7.12**.

Jadual 7.12
Bilangan Kes Tindakan Mahkamah Bagi Tahun 2007 Hingga 2008

Tahun	Bilangan Kes (Fail) Dihantar	Bilangan Kes (Fail) Dikembalikan	Bilangan Selesai	Bilangan Tertangguh	Catatan
2007	85	49	7	42	Mulai Bulan Mei 2007
2008	158	59	38	21	
Jumlah	243	108	45	63	

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

Pada pendapat Audit, kawalan kompaun adalah memuaskan kecuali peningkatan kes mahkamah sebanyak 73 kes menjadi 158 kes pada tahun 2008 berbanding 85 kes pada tahun 2007.

7.5.11 Keperluan Kewangan

Bahagian Letak Kereta telah memperuntukkan anggaran perbelanjaan sejumlah RM8.91 juta dan menganggarkan kutipan hasil sejumlah RM16.50 juta dari tahun 2006 hingga 2008. Manakala perbelanjaan dan terimaan sebenar bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM8.91 juta dan RM19.18 juta masing-masing seperti di **Jadual 7.13**.

Jadual 7.13
Anggaran Dan Perbelanjaan/Terimaan Sebenar Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Anggaran		Sebenar		Lebihan (RM Juta)
	Perbelanjaan (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	
2006	2.19	5.05	2.19	5.37	3.18
2007	3.21	5.25	3.21	6.98	3.77
2008	3.51	6.20	3.51	6.83	3.32
Jumlah	8.91	16.50	8.91	19.18	10.27

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

Berdasarkan Jadual di atas, didapati jumlah lebihan hasil yang diterima berbanding perbelanjaan semakin meningkat setiap tahun. Sehingga akhir tahun 2008, lebihan hasil adalah berjumlah RM10.27 juta. Dengan ini terimaan hasil Bahagian Letak Kereta merupakan salah satu penyumbang hasil terbesar selain hasil cukai taksiran.

Pada pendapat Audit, kutipan hasil Bahagian Letak Kereta adalah memuaskan kerana kutipan sebenar hasil semakin meningkat dan melebihi anggaran.

7.5.12 Kepuasan Pengguna

Bagi menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap pengurusan tempat letak kereta yang dilaksanakan oleh Majlis, pihak Audit telah mengedarkan 100 borang soal selidik kepada pengguna tempat letak kereta berkupon. Analisis Audit terhadap 100 borang soal selidik yang telah diterima mendapati perkara seperti berikut:

a) Analisis Tahap Kepuasan Pengguna

Penilaian untuk menentukan pendapat pengguna terhadap prestasi pengurusan tempat letak kereta berkupon oleh Majlis dinilai melalui maklum balas pengguna terhadap perkara seperti di **Jadual 7.14**.


Jadual 7.14
Analisis Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Pengurusan Tempat Letak Kereta Berkupon

Bil.	Perkara	Ya	Tidak	Jumlah
1.	Kadar berpatutan	61	39	100
2.	Kesukaran mendapatkan kupon	23	77	100
3.	Memahami cara penggunaan	93	7	100
4.	Kesukaran menjelaskan kompaun	36	64	100
5.	Bersetuju dengan sistem	61	39	100

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

Analisis Audit mendapati majoriti responden menyatakan tahap yang memuaskan terhadap pengurusan tempat letak berkupon. Hasil analisis juga ditunjukkan seperti di **Carta 7.1**.

Carta 7.1
Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Sistem Tempat Letak Kereta Berkupon



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

b) Perkhidmatan Yang Menjadi Pilihan


Analisis Audit terhadap 100 responden mengenai perkhidmatan yang menjadi pilihan pengguna mendapati 51% responden memilih sistem berkupon, 29% memilih secara manual, 15% memilih sistem bermeter dan 5% telah memilih lain-lain. Melalui analisis tersebut, pihak Audit mendapati pengguna lebih berpuas hati jika Majlis menggunakan perkhidmatan tempat letak berkupon seperti di **Jadual 7.15** dan **Carta 7.2**.

Jadual 7.15
Perkhidmatan Yang Menjadi Pilihan Pengguna

Bil.	Jenis Perkhidmatan	Pilihan Pengguna (%)
1.	Sistem Berkupon	51
2.	Manual	29
3.	Sistem Bermeter	15
4.	Lain-lain	5

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Carta 7.2
Perkhidmatan Yang Menjadi Pilihan Pengguna



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, majoriti pengguna berpuas hati dengan pengurusan tempat letak kereta berkupon.

7.5.13 Pengurusan Aduan Awam

Majlis telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan pengurusan aduan awam bagi membolehkan masalah yang berkaitan pengurusan tempat letak kereta berkupon dapat diselesaikan dengan segera bagi meningkatkan mutu perkhidmatan. Semakan Audit terhadap rekod aduan orang ramai terhadap tempat letak berkupon mendapati jumlah aduan meningkat bagi tahun 2006 hingga 2008 seperti di **Jadual 7.16**.

Jadual 7.16
Statistik Rekod Aduan Orang Ramai
Terhadap Tempat Letak Kereta Berkupon
Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	Perkara	Bilangan Aduan		
		2006	2007	2008
1.	Tempat Letak Kereta	800	528	1,500
2.	Kupon Letak Kereta	792	1,200	1,584
3.	Tunggakan Bayaran Kupon	2,112	2,700	3,168
Jumlah		3,704	4,428	6,252

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Kuantan

Antara aduan pengguna adalah kupon jam mudah rosak dan sukar digores, pemilik kenderaan tidak terima kompaun asal dan kadar kompaun mahal. Semua aduan awam berkenaan direkodkan dalam Daftar Aduan dan dimaklumkan kepada Bahagian Letak Kereta. Bahagian berkenaan telah bertindak segera untuk mengatasi masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh pengguna.

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan awam oleh Majlis adalah memuaskan kerana Bahagian Letak Kereta telah mengambil inisiatif untuk menyelesaikan aduan tersebut.

7.5.14 Pemantauan

Pemantauan merupakan satu elemen yang penting bagi memastikan semua aspek perancangan dan pelaksanaan dipraktikkan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Majlis telah mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memastikan pelaksanaan pengurusan tempat letak kereta berkupon berjalan dengan lancar dan sempurna. Mekanisme pemantauan Majlis adalah seperti berikut:

a) Pemantauan Di Peringkat Majlis

i) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal, Perancangan Dan Lalu Lintas Bandar

Kuantan - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal, Perancangan Dan Lalu Lintas Bandar Kuantan yang dianggotai oleh Ahli Majlis dan agensi teknikal luar seperti Cawangan Trafik IPK Kuantan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah, Bahagian Jalan JKR Negeri Pahang, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Wakil Jabatan Bekalan Air Daerah Kuantan, Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan Jabatan Kejuruteraan dan Teknikal. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis dan dianggotai oleh Agensi luar yang berkaitan telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat kali setahun. Jawatankuasa ini mempunyai bidang kuasa untuk membincangkan dan membuat keputusan dalam menentukan susun atur petak letak kereta di setiap kawasan komersial. Pihak Majlis akan mengambil tindakan ke atas keputusan yang dibuat terutamanya berkaitan dengan lalu lintas dan kedudukan susun atur tempat letak kereta.

ii) Mesyuarat Penuh Ahli Majlis - Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua yang berfungsi untuk mengesahkan semua keputusan telah diadakan pada setiap bulan dan dianggotai oleh Ahli Majlis dan Ketua Jabatan di Majlis. Segala permasalahan dan keputusan yang dibuat berkaitan sistem kupon ini adalah persetujuan semua Ahli Majlis.

iii) Jawatankuasa Kewangan, Penswastaan Dan Perundangan Majlis - Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua dan dianggotai Ahli Majlis dan Ketua Jabatan. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat setiap bulan dan membentangkan laporan prestasi sistem kupon serta membincangkan segala masalah yang berkaitan.

b) Pemantauan Di Peringkat Jabatan

i) Jawatankuasa Jabatan Perpendaharaan - Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini telah bermesyuarat setiap bulan seperti mana yang ditetapkan dan dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Perpendaharaan. Agenda utama mesyuarat ini adalah pembentangan laporan unit, pembentangan kertas kerja dan membincangkan masalah yang berbangkit. Bahagian Letak Kereta melaporkan prestasi dan kemajuan kerja setiap unit serta membangkitkan masalah yang perlu dibincangkan dan diselesaikan.

- ii) **Pemeriksaan Mengejut/Tinjauan/Pemeriksaan oleh Jabatan Perbendaharaan -**
Semakan Audit mendapati tiada rekod jadual tinjauan/pemeriksaan oleh Jabatan Perbendaharaan ke atas kaunter pondok, kawasan tempat letak kereta dan Bahagian Letak Kereta.
- c) **Pemantauan Di Peringkat Bahagian**
 - i) **Mesyuarat Bahagian** - Mesyuarat Bahagian dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Letak Kereta dan dianggotai oleh semua ketua unit. Mesyuarat ini membentangkan laporan prestasi setiap unit dan membincangkan masalah serta pelarasan kerja antara unit. Kekerapan mesyuarat ini adalah pada setiap bulan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006 dan 2007 mesyuarat telah diadakan sekali sahaja. Manakala pada tahun 2008 mesyuarat telah diadakan sebanyak dua kali.
 - ii) **Jawatankuasa Operasi Luar** - Jawatankuasa Operasi Luar dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Letak Kereta dan dianggotai oleh semua ketua unit dan penyelia. Jawatankuasa ini membincangkan masalah, prestasi dan pembaharuan dalam pengurusan tempat letak kereta. Kekerapan Jawatankuasa ini bermesyuarat adalah pada setiap bulan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006 hingga 2008 Jawatankuasa ini telah bermesyuarat seperti yang ditetapkan.
 - iii) **Taklimat Korporat** - Semakan Audit mendapati taklimat ini dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Letak Kereta dan telah bermesyuarat sekali seminggu iaitu setiap hari Khamis. Agenda utama taklimat ini adalah menyampaikan amanat dan arahan daripada pihak pengurusan dan mendapatkan maklum balas kakitangan tentang permasalahan kerja.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dijalankan adalah memuaskan kecuali bagi pemeriksaan/tinjauan oleh Jabatan dan Mesyuarat Bahagian yang dibuat tidak mengikut ketetapan.

7.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pelaksanaan pengurusan tempat letak kereta berkupon Majlis Perbandaran Kuantan adalah memuaskan kecuali bagi proses pewartaan, pengurusan dan penjagaan tempat letak kereta, susun atur petak letak kereta, proses pembelian dan penerimaan stok, pengurusan kupon jam bergores rosak dan penukaran kupon, sistem pengurusan dan penjualan kupon, kadar bayaran, promosi dan kes tindakan mahkamah. Pihak Audit mengesyorkan kepada Majlis supaya mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Mengkaji tempoh memproses pewartaan dan peletakan hak kuasa agar kawasan tempat letak kereta berkupon boleh beroperasi dengan segera.
- b) Menetapkan piagam atau garis panduan bagi penyenggaraan petak letak kereta.
- c) Mematuhi garis panduan ukuran tempat letak kereta yang telah ditetapkan bagi memastikan keselesaan pengguna.
- d) Mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

- e) Mematuhi keputusan mesyuarat yang telah diputuskan.
- f) Merancang penyenggaraan papan tanda secara berkala.
- g) Mengambil tindakan bersepadau antara Jabatan dan Agensi Kerajaan dan juga melalui *Credit Tip Off Service* dengan syarikat kewangan bagi mendapat maklumat pengguna yang disabitkan kesalahan.
- h) Latihan yang berkaitan dengan pengendalian peralatan dan sistem yang digunakan bagi meningkatkan kemahiran kakitangan.
- i) Mengambil tindakan membuat permohonan tambahan perjawatan dan pewujudan perjawatan baru.
- j) Mengambil kira cadangan orang awam seperti menambah ejen penjual kupon, menambah petugas atendan dan pondok jualan kupon serta menambah ruang tempat letak kereta. Selain itu, petugas atendan perlu mengutamakan mesra pelanggan dalam memberi perkhidmatan dan meningkatkan mutu kupon jam bergores.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

8. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Satu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 telah diwartakan pada 29 Januari 2004 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut.

9. AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD

9.1 LATAR BELAKANG

9.1.1 Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) yang telah ditubuhkan pada 21 Januari 1974 adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Pahang dengan modal dibenarkan RM70 juta dan modal berbayar setakat ini berjumlah RM60.61 juta. Penubuhan syarikat ini adalah berdasarkan kepada konsep memberi peluang kepada lebih ramai Bumiputera Pahang bergiat secara aktif dalam perusahaan perkayuan. ASPA telah diberi dua tanggungjawab utama oleh Kerajaan Negeri Pahang iaitu meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri perkayuan dan meningkatkan faedah-faedah yang boleh diperoleh daripada sumber hutan serta mengamalkan kaedah pengeluaran hutan secara kekal.

9.1.2 Aktiviti utama ASPA adalah dalam bidang perhutanan dan industri perkayuan iaitu menguruskan kawasan hutan sebagai sumber utamanya dan menjamin kekekalan sumber tersebut bagi generasi akan datang dengan projek menanam semula dan memperkayakan kawasan hutan miliknya. Dalam mempelbagaikan aktiviti syarikat, ASPA juga turut melibatkan diri dalam industri perladangan kelapa sawit. Pada masa ini dua buah ladang kelapa sawit telah dibuka di Ibam, Muadzam Shah seluas 3,200 ekar dan di Pekan seluas 3,700 ekar. Selain itu, ASPA juga membuat pelaburan saham ekuiti yang tersenarai di Bursa Malaysia dan syarikat-syarikat berdaya maju dalam pelbagai bidang industri. Sehingga akhir tahun 2008 ASPA mempunyai 32 syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya.

9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai kepentingan Kerajaan sebagai pemegang ekuiti dan pembiaya sumber kewangan telah dijaga dan sumber tersebut telah diurus oleh syarikat dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan fungsi yang ditetapkan.

9.3 SKOP PENG AUDITAN

Skop peng auditan meliputi tadbir urus korporat, perancangan strategik, pengurusan sumber manusia, sistem dan prosedur, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat, pengurusan risiko serta analisis terhadap kedudukan kewangan syarikat bagi tahun 2006 hingga 2008.

9.4 KAE DAH PENG AUDITAN

Peng auditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan seperti Memorandum Dan Artikel Penubuhan Syarikat, Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Syarikat Malaysia, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, pekeliling Kerajaan yang berkaitan, sumber pembiayaan Kerajaan, aktiviti utama syarikat dan sebagainya. Manakala analisis kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit berakhir 31 Disember 2007. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai syarikat. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dibuat terhadap aset, aktiviti syarikat dan kemudahan yang disediakan.

9.5 PENEMUAN AUDIT

9.5.1 Tadbir Urus Korporat

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, ASPA adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan pekeliling berkaitan pengurusan syarikat oleh Perbendaharaan Malaysia yang telah dipersetujui semasa Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri ke 69 pada 10 Jun 1993. Antara lainnya, Akta Syarikat 1965 menetapkan tentang keperluan melantik Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta tanggungjawab mereka terhadap pengurusan syarikat. Manakala pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pula menetapkan tentang kaedah pelantikan Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif, penubuhan Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit serta tanggungjawab masing-masing. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Struktur Organisasi sesebuah syarikat adalah amat penting bagi menentukan setiap aktivitinya disusun dengan teratur untuk mencapai matlamat dan objektif syarikat. Struktur organisasi ASPA diketuai oleh seorang Pengurus Besar yang bertanggungjawab terus kepada Lembaga Pengarah. Pelantikan Pengurus Besar adalah selaras dengan perenggan 100 Memorandum Dan Artikel Penubuhan ASPA. Selaku Pengurus Besar beliau juga bertanggungjawab dalam operasi dan urusan harian syarikat serta aktiviti anak syarikat.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Pengurus Besar dibantu oleh tiga orang pengurus bahagian iaitu Bahagian Operasi, Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran dan Bahagian Perhutanan. Semakan Audit mendapati ASPA telah menyediakan struktur

organisasinya dengan lengkap dan teratur. Bahagian, unit serta bilangan kakitangan yang terlibat telah ditunjukkan dengan jelas. Bagaimanapun, didapati ASPA tidak mempunyai dokumen yang menjelaskan fungsi dan tanggungjawab setiap bahagian yang ada. Fungsi setiap bahagian dan senarai tugas setiap kakitangan sepatutnya dinyatakan dengan jelas dan didokumenkan dengan teratur untuk dijadikan rujukan semasa menjalankan tugas. *Maklum balas yang diterima daripada pihak ASPA menjelaskan bahawa senarai tugas tidak disediakan. Ini adalah kerana majoriti kakitangannya telah berkhidmat melebihi tempoh 20 tahun dan tiada perubahan dalam jawatan serta mereka telah mahir mengenai tugas masing-masing. Namun pihak pengurusan akan mempertingkat dan mengemaskinikan prosedur kerja termasuk manual bidang kuasa dan tugas pegawai dan prosedur ini akan didokumentasikan.*

b) Lembaga Pengarah

- i) **Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah** - Ahli Lembaga Pengarah ASPA adalah seramai enam orang dan dipengerusikan oleh Menteri Besar. Semakan Audit mendapati keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah ASPA adalah menepati kehendak Seksyen 122, Akta Syarikat 1965 dan perenggan 72 Memorandum Dan Artikel penubuhan ASPA.
- ii) **Mesyuarat Lembaga Pengarah** - Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006 Lembaga Pengarah ASPA telah bermesyuarat sebanyak lima kali, pada tahun 2007 sebanyak empat kali dan begitu juga pada tahun 2008 sebanyak empat kali. Pihak Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah telah dilaksanakan dengan teratur dan keputusan mesyuarat telah dipantau dengan baik. Perkara ini dapat dilihat melalui agenda yang dibincangkan dan kesinambungan isu yang dibangkitkan serta tindakan susulan yang diambil. Selain itu, kehadiran Ahli Lembaga Pengarah juga adalah amat baik.

c) Setiausaha Syarikat

Selaras dengan kehendak Seksyen 139(1), 139(A) dan 139(B) Akta Syarikat 1965, setiap syarikat hendaklah melantik Setiausaha Syarikat yang terdiri daripada ahli badan profesional yang berlesen. ASPA telah melantik pengurus Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran ASPA sebagai Setiausaha Syarikat sejak tahun 1992. Pelantikan Setiausaha Syarikat telah dibuat selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

d) Jawatankuasa Audit

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, menghendaki Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ditubuhkan oleh syarikat Kerajaan. Antara fungsinya adalah untuk memastikan keutuhan kawalan dalaman syarikat, mengesan kelemahan pengurusan syarikat dan mengeluarkan garis panduan untuk pembetulan dan penambahbaikan.

Keanggotaan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ini mestilah terdiri daripada pihak pengurusan dan ahli luar. Peranan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 antara lain adalah menyemak aktiviti audit dalaman. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2008, Jawatankuasa ini belum ditubuhkan dan begitu juga dengan Unit Audit Dalam. *Maklum balas yang diterima daripada pihak ASPA menjelaskan bahawa syarikat mempunyai modal berbayar yang kecil dan Ahli Lembaga Pengarah mencadangkan syarikat hanya menubuhkan Unit Audit Dalam sahaja.*

e) Jawatankuasa Kewangan Dan Pelaburan

Jawatankuasa Kewangan Dan Pelaburan perlu diwujudkan bagi membincangkan hal-hal berkaitan kewangan dan pelaburan. Selain itu, ia juga merupakan satu mekanisme bagi memantau setiap pelaburan yang dijalankan bagi menjamin kepentingan Kerajaan sebagai sumber pembiaya. Jawatankuasa ini sebaiknya dianggotai oleh wakil pengurusan dan pihak luar. Semakan Audit mendapati jawatankuasa ini belum ditubuhkan dan setiap keputusan mengenai pelaburan dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah. *Maklum balas yang diterima menjelaskan bahawa ASPA akan menubuhkan jawatankuasa ini dan akan dianggotai oleh pihak pengurusan.*

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat ASPA adalah kurang memuaskan kerana beberapa aspek tadbir urus korporat seperti pematuhan kepada pekeliling kerajaan dan penubuhan Jawatankuasa Audit tidak dilaksanakan.

9.5.2 Perancangan Strategik

a) Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, menyatakan semua syarikat kerajaan perlu menyedia atau mengemaskinikan strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan tersebut perlu dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Rancangan korporat tidak boleh hanya berdasarkan Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat yang mencatatkan bidang aktiviti yang lebih luas daripada objektif sebenar penubuhan syarikat. Semakan Audit mendapati ASPA tidak menyediakan perancangan strategik korporat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. *Maklum balas yang diterima menjelaskan ASPA menjelaskan bahawa mereka akan mengemaskinikan, mengkaji semula dan menyediakan pelan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang dengan petunjuk prestasi yang jelas, mampu dicapai dan berdaya saing.*

b) Visi Dan Misi Syarikat

Setiap syarikat yang ditubuhkan perlu menetapkan visi dan misi yang jelas bagi menentukan objektif dan hala tuju syarikat. Selain itu, visi dan misi syarikat yang jelas dapat mewujudkan sifat berdaya saing demi mempertingkatkan prestasi syarikat dan perlu dikaji dari semasa ke semasa bersesuaian dengan perubahan dalam aktiviti dan pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati ASPA tidak menetapkan visi dan misi

syarikat dengan jelas. Misi syarikat yang ada iaitu konsep memberi peluang kepada lebih ramai Bumiputera Pahang bergiat secara aktif dalam perusahaan perkayuan tidak dipinda selaras dengan perubahan dalam aktiviti syarikat.

Pada pendapat Audit, perancangan strategik syarikat tidak dilaksanakan dengan memuaskan memandangkan rancangan korporat tidak disediakan serta visi dan misi syarikat tidak ditetapkan dengan jelas.

9.5.3 Pengurusan Sumber Manusia

Pengurusan sumber manusia ASPA adalah berdasarkan buku Skim Dan Syarat Perkhidmatan Bagi Pekerja Dalam Kategori A, B, C dan D, E, F dan G Kumpulan ASPA Dan Anak-Anak Syarikat ASPA. Buku ini mengandungi antara lain perkara seperti skim gaji dan syarat perkhidmatan, pelantikan, penamatan kontrak, tugas dan tanggungjawab, waktu kerja dan cuti.

a) Perjawatan

Sehingga akhir tahun 2008, ASPA mempunyai 83 kakitangan yang dibahagikan kepada tujuh kumpulan iaitu A, B, C, D, E, F dan G mengikut kelayakan jawatan. Kumpulan A, B dan C merupakan kumpulan pengurusan dan profesional yang terdiri daripada Pengurus Besar, Pengurus Kanan, Pengurus dan Penolong Pengurus. Manakala kumpulan D, E, F dan G adalah kumpulan sokongan yang dibahagikan kepada kategori penyeliaan, perkeranian, pekerja mahir dan pekerja separuh mahir. Semakan Audit mendapati semua perjawatan yang diluluskan telah diisi.

b) Kelayakan Dan Pengalaman

Kakitangan yang berkelayakan dan berpengalaman adalah penting dalam membantu membawa pulangan yang tinggi dan keuntungan kepada syarikat. Semakan Audit mendapati faktor seperti kelayakan, kepakaran dan pengalaman ada diambil kira semasa penempatan kakitangan di setiap bahagian. Analisis Audit terhadap kelayakan akademik kakitangan mendapati lebih 37% kakitangan ASPA mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dalam pelbagai bidang. Dari segi pengalaman bekerja pula hampir 60% kakitangan ASPA mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun. Keadaan ini menunjukkan ASPA mempunyai kakitangan yang berkelayakan dan berpengalaman dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Maklumat mengenai kelayakan akademik dan pengalaman bekerja kakitangan ASPA adalah seperti di **Jadual 9.1** dan **Jadual 9.2**.

**Jadual 9.1
Kelayakan Akademik Kakitangan ASPA**

Bil.	Kelayakan Akademik	Bilangan Kakitangan	(%)
1.	Ijazah Sarjana	1	1.2
2.	Ijazah Sarjana Muda	9	10.8
3.	Diploma	21	25.3
4.	SPM/MCE/SPVM/Sijil	35	42.2
5.	Lain-lain	17	20.5
Jumlah		83	100

Sumber: Rekod ASPA

Jadual 9.2
Pengalaman Bekerja Kakitangan ASPA

Bil.	Pengalaman Bekerja	Bilangan Kakitangan	(%)
1.	> 30 Tahun	17	20.5
2.	20 – 30 Tahun	24	28.9
3.	10 – 19 Tahun	7	8.4
4.	01 – 09 Tahun	29	35.0
5.	< 1 Tahun	6	7.2
Jumlah		83	100

Sumber: Rekod ASPA

c) Kursus/Latihan

Kursus/latihan merupakan elemen pengurusan sumber manusia yang penting bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kemajuan kerjaya, produktiviti dan kualiti kerja. Semakan Audit mendapati ASPA ada menyedia dan menghantar kakitangannya menghadiri kursus/latihan yang berkaitan. Pada tahun 2006 hingga 2008 sebanyak 37 jenis kursus/latihan/seminar telah dihadiri oleh kakitangan ASPA daripada pelbagai peringkat. Analisis Audit terhadap kursus/latihan/seminar yang dihadiri oleh kakitangan ASPA mendapati 21 daripada kursus/latihan tersebut adalah berkaitan perlادangan, 13 berkaitan kewangan, satu kursus mengenai perancangan persaraan, satu kursus berkaitan integriti dan satu kursus berkaitan teknologi maklumat. Daripada analisis tersebut pihak Audit mendapati ASPA mempunyai perancangan latihan yang teliti terhadap bidang perlادangan dan kewangan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada sebarang program latihan berkaitan pengurusan dan pentadbiran yang dihadiri sepanjang tempoh tersebut. Selain itu, pihak Audit juga mendapati tiada sebarang kursus dalaman yang dianjurkan oleh pengurusan bagi meningkatkan kemahiran serta produktiviti kakitangan.

d) Kemudahan Kepada Kakitangan

ASPA ada menyediakan skim perkhidmatan bagi menguruskan hal berkaitan perkhidmatan kakitangannya daripada kumpulan A hingga G. Skim perkhidmatan ini antara lain mengandungi perkara seperti skim gaji, syarat perkhidmatan, waktu bekerja, kerja lebih masa, cuti, rawatan perubatan, kenaikan gaji, pemberian bonus dan faedah yang diperoleh semasa persaraan. Semakan Audit mendapati skim perkhidmatan ini telah disediakan dengan lengkap dan jelas yang merangkumi semua perkara berkaitan skim perkhidmatan bagi setiap kumpulan kakitangannya.

e) Pelan Peralihan

Sesebuah syarikat perlu menyediakan pelan peralihan iaitu pelan yang disediakan untuk mengenal pasti pegawai yang layak bagi mengganti pegawai yang akan bersara terutama bagi jawatan yang penting dalam syarikat berkenaan. Tujuannya adalah bagi mengenal pasti pegawai yang layak serta mendedahkan pegawai berkenaan dengan tugas dan harapan pengurusan terhadap jawatan tertentu. Semakan Audit mendapati ASPA belum menyediakan pelan peralihan dengan melatih pegawai bagi mengisi kekosongan jawatan dan mengantikan pegawai atasan yang akan bersara dalam tempoh terdekat. Selain itu, jawatan penolong pengurus juga tidak diadakan sebagai

langkah awal pelan peralihan jika berlaku sesuatu perkara yang di luar jangkaan. *Maklum balas yang diterima menjelaskan syarikat akan memperkemaskan pengurusan sumber manusia dengan menyediakan pelan peralihan jawatan dan melaksanakan program pembangunan modal insan yang bersesuaian secara menyeluruh.*

Pada pendapat Audit, pengurusan sumber manusia ASPA adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelan peralihan jawatan belum disediakan dan pembangunan modal insan tidak dilaksanakan secara menyeluruh.

9.5.4 Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Garis panduan serta prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat mempercepat serta menyeragamkan operasi dan seterusnya mampu mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat. Garis panduan dan prosedur kerja perlu disediakan dengan lengkap dan kemas kini kerana ia merupakan dokumen yang menerangkan secara jelas mengenai operasi, kawalan dalaman, peraturan dan hubungan kerja antara pegawai dan bahagian. Semakan Audit mendapati ASPA tidak menyediakan garis panduan dan prosedur kerja yang menyeluruh untuk memastikan pengurusan operasinya dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit seterusnya mendapati ASPA pernah memperoleh khidmat Perunding Pengurusan iaitu HRM Sdn. Bhd. pada tahun 1984 bagi menjalankan kajian terhadap sistem pemantauan, prosedur operasi dan perakaunan, prosedur operasi pentadbiran dan personel di pejabat ASPA. Bagaimanapun, adalah didapati garis panduan dan prosedur kerja yang dicadangkan oleh perunding tidak diguna pakai oleh ASPA. Selain itu, pihak Audit mendapati ASPA hanya ada mengeluarkan Manual Dan Prosedur Bagi Skim Dan Syarat-Syarat Perkhidmatan ASPA yang antara lain merangkumi skim gaji, pelantikan, pengesahan dalam jawatan, tugas dan tanggungjawab, cuti rehat, bonus tahunan dan kelakuan serta disiplin. Semakan Audit terhadap garis panduan dan prosedur kerja ASPA mendapati perkara seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Bil.	Garis Panduan	Catatan
1.	Polisi Sebut Harga Dan Tender	Tidak diwujudkan
2.	Panduan Pengurusan Kewangan	Tidak diwujudkan
3.	Prosedur Dan Tatacara Pelaburan	Tidak diwujudkan
4.	Manual Dan Prosedur Bagi Skim Dan Syarat-Syarat Perkhidmatan ASPA	Tidak dikemaskinikan dan tiada tarikh disediakan
5.	Sistem Pemantauan, Prosedur Operasi Dan Perakaunan, Prosedur Operasi Pentadbiran Dan Personel di Pejabat ASPA	Pada tahun 1984, khidmat Perunding Pengurusan diperoleh bagi mengkaji keperluan garis panduan dan prosedur kerja di ASPA tetapi semakan Audit mendapati hanya manual dan prosedur bagi syarat-syarat perkhidmatan ASPA sahaja yang disediakan.

Sumber: Rekod ASPA

Maklum balas yang diterima daripada pihak ASPA menjelaskan bahawa telah menjadi amalan syarikat, prosedur kerja adalah berdasarkan memo dan dikemaskinikan dari semasa ke semasa dan prosedur tersebut akan didokumentasikan.

Pada pendapat Audit, kewujudan garis panduan dan prosedur kerja di ASPA adalah tidak memuaskan kerana daripada tiga garis panduan utama yang dicadangkan oleh perunding pengurusan bagi memantapkan lagi operasi syarikat hanya garis panduan yang berkaitan manual dan prosedur kerja bagi syarat dan skim perkhidmatan sahaja yang disediakan.

9.5.5 Pengurusan Kewangan

a) Kawalan Bajet

ASPA ada menyediakan bajet tahunan dengan menetapkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap aktivitinya. Bajet tahunan adalah berdasarkan pendapatan dan perbelanjaan tahun semasa yang disediakan oleh setiap Ketua Unit. Bajet tersebut disediakan secara keseluruhan oleh Akauntan, diperakui oleh Pengurus Kewangan Dan Pentadbiran untuk pertimbangan dan kelulusan Pengurus Besar. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan bajet dibentangkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah. Semakan Audit seterusnya mendapati bajet yang disediakan tidak disertakan justifikasi yang jelas, semakan semula bajet dan analisis varian. *Maklum balas yang diterima menjelaskan bahawa pada masa akan datang syarikat akan menyediakan bajet berdasarkan peraturan yang ditetapkan.*

Kedudukan bajet tahunan bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 9.4**.

Jadual 9.4
Bajet Tahunan ASPA Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Butiran Bajet	Tahun		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	12.42	12.01	20.82
Jumlah Perbelanjaan	9.83	10.48	10.25
Jumlah Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	2.59	1.53	10.57

Sumber: Rekod Kewangan ASPA

ASPA tidak menerima sebarang peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Setiap perbelanjaan adalah dibuat daripada sumber kewangan yang dijana daripada aktiviti jualan kayu balak, kelapa sawit, getah dan saham. Antara perbelanjaan yang dilakukan adalah meliputi perbelanjaan bagi setiap bahagian iaitu Bahagian Operasi, Bahagian Perhutanan dan Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006 perbelanjaan sebenar telah melebihi bajet dengan varian sejumlah RM7.39 juta disebabkan perbelanjaan kewangan, operasi ladang di Ibam dan Pekan. Pada tahun 2007, perbelanjaan sebenar juga telah melebihi bajet sejumlah RM1.13 juta disebabkan oleh pertambahan perbelanjaan pentadbiran dan perjawatan, operasi ladang sawit di Ibam dan Jeram, pembelian insurans bagi KUMIPA serta terminal ASPA. Manakala pada tahun 2008, semakan Audit mendapati perbelanjaan sebenar telah melebihi bajet dengan varian sejumlah RM20.60 juta. Analisis Audit mendapati varian yang tinggi pada tahun 2008 ini adalah disebabkan peningkatan ketara perbelanjaan kewangan dengan

varian sejumlah RM14.33 juta dan kos pentadbiran dan perjawatan dengan varian RM2.60 juta. Varian ini adalah disebabkan pertambahan dalam perbelanjaan kos pengeluaran kayu balak, elaun kemerosotan nilai saham, pembelian insurans, penalti bagi pembatalan penjualan saham Mentiga dan perbelanjaan sumbangan. Kedudukan anggaran pendapatan dan perbelanjaan berbanding pendapatan dan perbelanjaan sebenar adalah seperti di **Jadual 9.5**.

Jadual 9.5
Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan Berbanding
Pendapatan Dan Perbelanjaan Sebenar ASPA Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Butiran	Tahun								
	2006 (RM Juta)			2007 (RM Juta)			2008 (RM Juta)		
	Bajet	Sebenar	Varian	Bajet	Sebenar	Varian	Bajet	Sebenar	Varian
Pendapatan	12.42	29.06	16.6	12.01	32.05	20.0	20.82	23.00	2.2
Perbelanjaan	9.83	17.22	(7.4)	10.48	11.61	(1.1)	10.25	30.85	(20.6)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	2.59	11.84	(9.3)	1.53	20.44	(18.9)	10.57	(7.85)	(18.4)

Sumber: Rekod Kewangan ASPA

b) Kawalan Terimaan

Hasil utama ASPA terdiri daripada jualan kayu balak, jualan rumah, jualan tanah, getah skrap, kelapa sawit dan saham. Sehingga akhir tahun 2008, pendapatan ASPA adalah berjumlah RM23 juta. Semakan Audit terhadap kawalan terimaan mendapati secara keseluruhannya ia telah dilaksanakan dengan sempurna. Kuasa menerima kutipan dibuat berpandukan senarai tugas yang dikeluarkan. Bagaimanapun, senarai tugas tersebut telah lama dikeluarkan iaitu pada tahun 1995 dan 2000, tetapi ia tidak disemak semula dari semasa ke semasa. Surat kuasa bertulis kepada setiap pegawai untuk menerima wang tidak disediakan bagi meningkatkan lagi kawalan dalaman terhadap pengurusan kutipan hasil di samping kuasa yang ditetapkan dalam Senarai Tugas. *Maklum balas yang diterima daripada pihak ASPA menjelaskan syarikat akan mengemaskinikan rekod berkaitan.*

c) Kawalan Perbelanjaan

Peraturan berkaitan dengan kuasa menandatangani cek dan had meluluskan pembayaran telah diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke 165 yang diadakan pada pertengahan Mac 2002. Bagaimanapun, kuasa secara bertulis terkini tidak disediakan. Sehingga akhir tahun 2008, ASPA telah membelanjakan sejumlah RM30.85 juta. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mendapati secara keseluruhannya ia telah dibuat dengan sempurna. Selain itu, didapati Panjar Wang Runcit berjumlah RM6,900 ada disediakan bagi urusan di pejabat ASPA dan tiga ladang ASPA di Pekan, Ibam dan Jeram. Seorang pegawai telah dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara Panjar Wang Runcit di setiap lokasi tersebut. Semakan Audit seterusnya terhadap pembayaran bonus dan dividen ASPA mendapati perkara seperti berikut:

- i) **Pembayaran Bonus** - Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan syarikat boleh dilaksanakan apabila syarikat memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai.

Pekeliling ini juga menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri diminta untuk mematuhi pekeliling selaras dengan keputusan Persidangan Menteri-Menteri Besar Dan Ketua-Ketua Menteri Ke 69 pada 10 Jun 1993. Bagi syarikat-syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri Besar/Ketua Menteri berkenaan merangkumi bayaran bonus kepada semua pegawai dan kakitangan syarikat induk dan syarikat subsidiari berdasarkan kepada prestasi setiap syarikat yang diperakukan untuk bayaran bonus. Selain itu, pekeliling ini menetapkan bayaran bonus seharusnya tidak melebihi dua bulan gaji kecuali secara keseluruhannya syarikat memperoleh keuntungan cemerlang yang mana ditakrifkan sebagai pertambahan peratusan keuntungan yang besar berdasarkan kepada keuntungan operasi tiga tahun yang lalu, iaitu tidak termasuk keuntungan luar biasa. Semakan Audit mendapati sebagai langkah untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi kakitangan syarikat, ASPA telah memberikan insentif kewangan berbentuk bonus kepada pegawai dan kakitangannya berdasarkan prestasi kewangan syarikat dan penilaian prestasi tahunan pegawai dan kakitangan seperti yang ditetapkan dalam Skim Dan Syarat-Syarat Perkhidmatan ASPA. Bonus yang telah dibayar bagi tahun 2005 hingga 2007 pada kadar lima bulan gaji adalah berjumlah RM0.71 juta, RM0.71 juta, dan RM0.82 juta masing-masing. Manakala bayaran bonus interim pada tahun 2008 pada kadar sebulan gaji adalah berjumlah RM0.19 juta. Analisis Audit mendapati bagi tempoh tersebut trend pembayaran bonus adalah tidak selari dengan trend keuntungan sebelum cukai ASPA seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6
Trend Pembayaran Bonus Berbanding Keuntungan Sebelum Cukai ASPA

Butiran	Tahun		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Keuntungan Sebelum Cukai	30.84	11.84	20.44
Bonus Dibayar (5 Bulan Gaji)	0.71	0.71	0.82

Sumber: Rekod Kewangan ASPA

Analisis Audit juga mendapati pendapatan jualan kayu balak dan saham merupakan antara sumber pendapatan utama yang banyak menyumbang kepada peningkatan keuntungan sebelum cukai ASPA. Cadangan bayaran bonus diusulkan melalui *board paper* yang disediakan oleh Pengurus Kewangan Dan Pentadbiran dan dipersetujui oleh Pengurus Besar serta diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Pihak Audit mendapati pembayaran bonus ASPA adalah tidak berpandukan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993. *Maklum balas yang diterima daripada pihak ASPA menjelaskan bahawa pemberian bonus tersebut adalah merupakan satu insentif bagi meningkatkan produktiviti kakitangan. ASPA pernah melalui zaman merudum lewat tahun 80an dan kakitangan tiada kenaikan gaji selama lima tahun berturut-turut. Selain itu, ASPA juga memaklumkan, sebagai kakitangan syarikat mereka tidak mendapat bayaran pencen sepetimana penjawat awam.*

- ii) **Pembayaran Dividen** - Dividen merupakan pulangan yang perlu dibayar kepada pemegang saham selaras dengan hak dan keutamaan masing-masing dan akan

diisyiharkan semasa mesyuarat agung tahunan Lembaga Pengarah sesebuah syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 ada menetapkan bayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat dibayar kepada Kerajaan sebagai pulangan kepada pelaburan. Semakan Audit mendapati sejak penubuhannya pada tahun 1974, ASPA tidak pernah membayar dividen kepada Kerajaan Negeri sebagai pulangan kepada pelaburan walaupun ada mencatatkan keuntungan sebelum cukai. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2004 hingga 2007, ASPA telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM6.76 juta, RM30.84 juta, RM11.84 juta dan RM20.44 juta masing-masing. Semakan Audit seterusnya mendapati syarikat subsidiari juga tidak pernah membayar dividen kepada ASPA selaku syarikat induk. *Maklum balas yang diterima menjelaskan bahawa ASPA pernah bercadang untuk membayar dividen kepada Kerajaan Negeri sebelum ini, namun Lembaga Pengarah mencadangkan adalah lebih baik syarikat menjelaskan hutang Kerajaan Negeri terlebih dahulu.*

iii) Pengurusan Pelaburan - Pada akhir tahun 2008, ASPA telah melabur sejumlah RM110.49 juta dalam 32 buah syarikat subsidiari dengan pelaburan saham tak tersiar harga berjumlah RM58.61 juta dan saham tersiar harga berjumlah RM51.88 juta. Pelaburan di 11 syarikat subsidiari telah diperuntukkan rosot nilai berjumlah RM55.93 juta menjadikan baki nilai buku adalah berjumlah RM54.56 juta. ASPA juga telah melabur dalam dua buah syarikat bersekutu dengan pelaburan berjumlah RM4.05 juta. Pelaburan di syarikat bersekutu juga telah diperuntukkan rosot nilai sejumlah RM4.05 juta menjadikan baki nilai buku hanya RM3. Seterusnya pelaburan-pelaburan lain ASPA adalah berjumlah RM21.52 juta di enam buah syarikat dengan pelaburan saham tak tersiar harga sejumlah RM15.18 juta dan saham tersiar harga sejumlah RM6.34 juta. Seperti pelaburan di syarikat subsidiari dan bersekutu, pelaburan-pelaburan lain di empat syarikat juga telah diperuntukkan rosot nilai sejumlah RM2.28 juta menjadikan baki nilai buku adalah berjumlah RM19.24 juta. Manakala pelaburan dalam empat unit saham amanah adalah berjumlah RM0.62 juta. Pada akhir tahun 2008, ASPA juga telah melabur sejumlah RM5.52 juta dalam simpanan tetap di tiga buah bank berlesen. Butiran lanjut mengenai pelaburan ASPA adalah seperti di **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7
Senarai Pelaburan Oleh ASPA Pada 31 Disember 2008

Bil.	Jenis Pelaburan	Jumlah Pelaburan (RM Juta)	Baki Pelaburan Pada Akhir Tahun 2008		
			Peruntukan Rosot Nilai (RM Juta)	Nilai Buku (RM Juta)	Catatan
1.	Syarikat Subsidiari – Saham Tak Tersiar Harga (30 syarikat)	58.61	40.83	17.78	-
	Syarikat Subsidiari – Saham Tersiar Harga (2 syarikat)	51.88	15.10	36.78	-
2.	Syarikat Bersekutu (2 syarikat)	4.05	4.05	-	Nilai buku menjadi RM3
3.	Lain-lain Pelaburan – Saham Tak Tersiar Harga (4 syarikat)	15.18	0.32	14.86	-
	Lain-lain Pelaburan – Saham	6.34	1.96	4.38	-

Bil.	Jenis Pelaburan	Jumlah Pelaburan (RM Juta)	Baki Pelaburan Pada Akhir Tahun 2008		
			Peruntukan Rosot Nilai (RM Juta)	Nilai Buku (RM Juta)	Catatan
4.	Tersiar Harga (2 syarikat)				
	Lain-lain Pelaburan – 4 Unit Saham Amanah	0.62	0.00	0.62	-
5.	Portfolio ASPA Di Kaunter Bursa Saham	4.38 (kos saham)	0.00	6.97 (nilai pasaran)	-
	Simpanan Tetap di 3 Bank Tempatan	7.98 (baki awal)	0.00	5.52 (baki akhir)	-
Jumlah		149.04	62.26	86.91	

Sumber: Rekod Kewangan ASPA

Pelaburan saham merupakan satu daripada aktiviti utama ASPA dalam usaha menjana hasil syarikat. Oleh itu, ASPA telah melabur melalui kaunter Bursa Malaysia dengan kos pelaburan berjumlah RM4.38 juta dan nilai pasaran pada 31 Disember 2008 berjumlah RM6.97 juta. Prosedur dan tatacara pelaburan adalah mekanisme yang penting bagi mengurus pelaburan yang berkesan dan teratur bagi sesebuah syarikat. Prosedur dan tatacara tersebut merangkumi penubuhan Jawatankuasa Pelaburan, penyediaan garis panduan pelaburan dan peringkat kelulusan pelaburan perlu dinyatakan dengan jelas. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan mendapati ASPA tidak menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan dan menyediakan Garis Panduan Pelaburan, sebaliknya kelulusan pelaburan adalah dibuat oleh Lembaga Pengarah. Sehubungan itu, mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, pelantikan ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari, sebahagian ahli hendaklah terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu. Semakan Audit mendapati sebahagian daripada ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari juga terdiri daripada Lembaga Pengarah dan Pengurusan ASPA.

Semakan Audit seterusnya mendapati tiada laporan khas bagi menyimpan maklumat dan rekod secara terperinci berkaitan dengan tahun penubuhan syarikat, bilangan pegangan saham, dana dibenarkan dan nombor sijil saham serta prestasi pelaburan dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan pelaburan-pelaburan lain. Pemeriksaan Audit mendapati ASPA hanya berpandukan kepada rekod untuk penyediaan penyata kewangan yang mengandungi butiran berkaitan dengan nama syarikat, jumlah pelaburan semasa, peruntukan rosot nilai dan nilai buku. Selain itu, ASPA juga berpandukan kepada Buku Daftar Syarikat yang merangkumi butiran ahli, pemegang saham, pertukaran, pengarah, pengurus, setiausaha dan pegangan saham pengarah. Selain itu, pihak Audit juga mendapati sijil pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu disimpan dalam peti besi manakala sijil simpanan tetap disimpan dalam kabinet berkunci.

- iv) **Pengurusan Pinjaman** - Memorandum Dan Artikel Penubuhan ASPA membenarkan ia membuat pinjaman bagi melaksanakan aktiviti dan projek yang telah dirancang. Semua pinjaman daripada mana-mana sumber perlu diselesaikan mengikut jadual

bayaran balik yang ditetapkan dalam perjanjian pinjaman. Semakan Audit mendapati ASPA telah membuat pinjaman daripada Kerajaan Negeri dan syarikat kewangan dan mendapati perkara seperti berikut:

- **Pinjaman Daripada Kerajaan Negeri** - Pada tahun 1994, ASPA telah membuat pinjaman berjumlah RM50 juta daripada Kerajaan Negeri untuk membiayai Skim Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang dilaksanakan oleh syarikat subsidiarinya iaitu Tabung Kumpulan Modal Bumiputera Pahang (KUMIPA). Pinjaman ini tidak dikenakan faedah kerana ia bertujuan bagi menubuhkan tabung pelaburan kepada keluarga termiskin di Negeri Pahang dengan membeli saham tabung KUMIPA. Pada tahun 1998, ASPA sekali lagi telah membuat pinjaman berjumlah RM20 juta dengan kadar faedah 6% setahun untuk membiayai KUMIPA. Pinjaman ini dibuat untuk membiayai KUMIPA dan melindungi kepentingan pelabur-pelabur amanah saham ini. Selain itu, pada tahun 2003 ASPA juga telah membuat pinjaman berjumlah RM22 juta dengan kadar faedah 10% setahun untuk membiayai syarikat subsidiari iaitu Mentiga Corporation Berhad. Pinjaman ini dibuat adalah bagi membuat pinjaman semula kepada Mentiga Corporation Berhad bertujuan untuk membaik pulih kedudukan kewangan syarikat tersebut. Semakan Audit mendapati perjanjian pinjaman bagi pinjaman semula kepada syarikat subsidiari tidak disediakan. Pihak Audit seterusnya mendapati ketiga-tiga pinjaman daripada Kerajaan Negeri tidak dibayar mengikut jadual yang ditetapkan. Butiran lanjut mengenai pinjaman dan bayaran balik adalah seperti di **Jadual 9.8**.

Jadual 9.8
Pinjaman Dan Bayaran Balik Kepada Kerajaan Negeri
Pada 31 Disember 2008

Bil.	Jenis Pinjaman	Tarikh Pinjaman	Kadar Faedah/ Tempoh Bayaran Balik	Jumlah Asal (RM Juta)	Faedah Dikenakan (RM Juta)	Bayaran Balik (RM Juta)	Baki (RM Juta)
1.	Membaiyai Skim PPRT Tabung KUMIPA	5/8/1994	17 Tahun	50.00	-	24.23	25.77
2.	Membaiyai KUMIPA	7/11/1998	6% 8 Tahun	20.00	8.40	1.00	27.40
3.	Membaiyai Mentiga Corporation Berhad	22/9/2003	10% 2 Bulan	22.00	4.40	14.10	12.30
Jumlah				92.00	12.80	39.33	65.47

Sumber: Rekod Kewangan ASPA

Jenis Pinjaman:

- 1 - (Membaiyai Skim PPRT): Mengikut perjanjian, bayaran balik adalah berdasarkan dividen yang diterima daripada pelaburan saham. Bagaimanapun, pulangan daripada pelaburan tidak mencapai sasaran menyebabkan kelewatan bayaran balik.
- 2 - (Membaiyai KUMIPA): Mengikut perjanjian, bayaran balik adalah berdasarkan dividen yang diterima daripada pelaburan saham. Bagaimanapun, pulangan daripada pelaburan tidak diterima dan ini menyebabkan kelewatan bayaran balik.
- 3 - (Membaiyai Mentiga Corporation Berhad): Bayaran terakhir dibuat pada tahun 2006. Sehingga kini tiada tindakan diambil untuk bayaran balik.

Maklum balas yang diterima daripada pihak ASPA menjelaskan bahawa pembayaran hutang kepada Kerajaan Negeri akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan kepada prestasi dan kedudukan kewangan syarikat.

- **Pinjaman Daripada Syarikat Kewangan** - Selain pinjaman daripada Kerajaan Negeri, ASPA juga ada membuat pinjaman daripada EON Bank berjumlah RM1.21 juta untuk membiayai pembelian satu unit Rumah Kedai Lot Pejabat empat Tingkat di Jalan Mahkota, Kuantan, Pahang secara Perbankan Islam, Bai Bithaman Ajil (BBA). Pinjaman tersebut telah ditawarkan pada 30 Disember 2004 dan ditandatangani oleh ASPA pada 14 Mac 2005. Tempoh bayaran balik pinjaman adalah 12 tahun atau 144 bulan termasuk *Grace Period* yang diberi selama 2 tahun atau 24 bulan. Bayaran balik bagi *Grace Period* yang dikenakan adalah sejumlah RM1,833 selama 23 bulan dan RM1,841 bagi bulan terakhir. Manakala bayaran balik seterusnya adalah sejumlah RM9,706 sebulan selama 119 bulan dan bulan terakhir sejumlah RM9,731. Semakan Audit mendapati bayaran balik pinjaman dibuat mengikut jadual yang ditetapkan. Sehingga akhir tahun 2008, baki pinjaman adalah berjumlah RM1.07 juta.
- v) **Pendahuluan Kepada Kakitangan** - ASPA ada memberi kemudahan pendahuluan peribadi kepada kakitangannya. Pada akhir tahun 2007, akaun semasa pendahuluan peribadi adalah berjumlah RM239,492. Semakan Audit mendapati tiada sebarang laporan disediakan bagi menentukan tempoh pendahuluan tersebut. Adalah didapati daripada jumlah pendahuluan tersebut sejumlah RM48,103 telah diperuntukkan hutang rugu dan baki nilai buku adalah sejumlah RM191,389. *Maklum balas yang diterima daripada pihak ASPA menjelaskan bahawa pendahuluan peribadi adalah dibayar melalui potongan gaji kakitangan dalam tempoh 12 bulan atau dalam tempoh yang diluluskan oleh Pengurus Besar atau Pengurus Kewangan. Pengurusan merasakan pendahuluan ini wajar diberikan kerana ia merupakan satu kemudahan pinjaman yang disediakan oleh syarikat kepada kakitangan.*
- vi) **Pengurusan Deposit** - Pada akhir tahun 2007, ASPA telah menerima sejumlah RM404,259 deposit. Deposit tersebut terdiri daripada deposit kerja pembalakan dan tanda pokok, kontrak ladang, Tenaga Nasional Berhad dan deposit beli skrap. Semakan Audit mendapati sistem berkomputer yang digunakan oleh ASPA tidak dapat menunjukkan tempoh deposit disimpan. Selain itu, didapati tiada sebarang laporan disediakan bagi menentukan tempoh deposit disimpan dan deposit masih diperlukan atau tidak oleh ASPA. *Maklum balas yang diterima menjelaskan syarikat akan mengemaskinikan rekod deposit berkenaan.*
- vii) **Pengurusan Aset Dan Inventori** - Pengurusan aset dan inventori merangkumi perolehan, penyenggaraan, penyimpanan dan pelupusan hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan peraturan kewangan. Antara jenis aset yang dimiliki oleh ASPA ialah tanah, ladang kelapa sawit, ladang getah, bangunan, loji dan

jentera, kenderaan, peralatan dan kelengkapan. Butiran aset yang dimiliki oleh ASPA sehingga akhir tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 9.9**.

Jadual 9.9
Aset Yang Dimiliki Oleh ASPA Sehingga Akhir Tahun 2008

Bil.	Jenis Aset	Nilai Buku (RM Juta)
1.	Pejabat Kompleks Teruntum Tkt. 20 & 21	2.10
2.	Tanah – Durian Sebatang, Jerantut, Sg. Jeram/Terpesok, ASPA Cottage, Sg. Isap & Kg. Ganoh	24.48
3.	Banglo - ASPA Cottage & Sg. Isap	1.96
4.	Apartment – Silverpark (Rose)	0.26
5.	Lot kedai – Mahkota Parade	1.39
6.	Alatan Pejabat/Perabot Dan Kelengkapan Pejabat	0.11
7.	Kenderaan	0.67
8.	Projek-Projek	0.04
9.	Ladang – Jeram, Ibam & Pekan	26.94
Jumlah		57.95

Sumber: Rekod Kewangan ASPA

- viii) **Daftar Aset Dan Inventori** - ASPA ada menyelenggara rekod aset dan inventori secara berkomputer yang dikawal oleh Unit Kewangan. Rekod ini antara lain mengandungi maklumat seperti jenis aset, bilangan aset, nombor invois, nombor baucar bayaran, peruntukan susut nilai dan nilai buku. Semakan Audit mendapati rekod tersebut tidak mengandungi maklumat mengenai lokasi, pemberian, kos pemberian dan pelupusan semua aset di bawah kawalan ASPA. Bagaimanapun, rekod mengenai kos pemberian boleh diperoleh melalui lejar berkaitan manakala rekod lain adalah sukar diperoleh.
- ix) **Tanda Hak Milik** - Pemeriksaan Audit mendapati aset dan inventori ASPA tidak dicapkan ‘Hak Milik ASPA’ dan juga tidak diberi sebarang nombor siri serta tidak dilabelkan dengan nombor siri aset dan inventori.
- x) **Pemeriksaan Tahunan** - Ketua Pejabat hendaklah menjalankan pemeriksaan tahunan terhadap aset dan inventori yang dimiliki bagi memastikan setiap aset yang disenaraikan dalam Senarai Aset adalah wujud, berada dalam keadaan yang baik dan diselenggarakan dengan memuaskan. Selain itu, pemeriksaan ini juga boleh memberi gambaran berkenaan keadaan setiap aset sama ada telah usang, tidak ekonomik untuk disenggarakan atau tidak sesuai untuk digunakan. Melalui pemeriksaan tersebut, ASPA boleh mencadangkan supaya aset itu perlu di lopus dan diganti dengan aset baru. Semakan Audit mendapati pemeriksaan tahunan ini tidak dilaksanakan.
- xi) **Pengurusan Kenderaan** - ASPA memiliki 14 buah kenderaan yang terdiri daripada 10 buah Pacuan Empat Roda, dua buah Back Hoe Loader, sebuah Honda Civic dan sebuah Honda CRV. Semakan Audit mendapati ASPA tidak melantik Pegawai Pengangkutan sebaliknya tanggungjawab terhadap pengurusan kenderaan adalah dibuat oleh Ketua Bahagian Operasi ASPA. Semakan Audit seterusnya mendapati

Buku Log bagi setiap kenderaan tidak disimpan oleh pegawai bertanggungjawab. Selain itu, semakan Audit juga mendapati perkara seperti berikut:

- **Penyelenggaraan Rekod Perjalanan Bulanan** - Rekod Perjalanan Bulanan adalah untuk mencatat jumlah penggunaan bahan api, jarak perjalanan, kos pembaikan dan penyenggaraan kenderaan berkenaan bagi sesuatu bulan. Rekod ini juga boleh memudahkan ASPA membuat analisis terhadap penggunaan bahan api, memantau kekerapan kenderaan diperbaiki dan juga sebagai dokumen rujukan dan sokongan apabila kenderaan berkenaan disyorkan untuk di ambil tindakan pelupusan. Semakan Audit mendapati tiada sebarang rekod mengenai perjalanan bulanan diselenggarakan untuk memantau penggunaan kenderaan ASPA.
- **Pembelian Minyak Untuk Kenderaan ASPA** - ASPA ada menggunakan Kad Inden Minyak untuk pembelian minyak bagi kenderaan syarikat. Kad Inden Minyak disimpan dengan selamat oleh pegawai yang diberi tanggungjawab untuk menjaga pengangkutan dan hanya diberi kepada pemandu semasa pembelian minyak dibuat serta memastikan kad tersebut dikembalikan sebaik sahaja pembelian dibuat. Bagaimanapun, didapati tiada daftar diselenggarakan untuk merekodkan setiap keluar masuk Kad tersebut.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan kewangan ASPA adalah tidak memuaskan kerana wujud kelemahan dalam kawalan dalaman di peringkat terimaan, perolehan, perbelanjaan, pengurusan deposit, aset dan inventori. Selain itu, ASPA juga belum menggunakan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan pembayaran bonus dan dividen oleh syarikat Kerajaan.

9.5.6 Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Antara aktiviti utama ASPA adalah jualan kayu balak, perladangan kelapa sawit dan getah. Selain itu ASPA juga terlibat dalam jualan rumah banglo yang diperoleh daripada syarikat subsidiarinya Mentiga Corporation Berhad.

a) Jualan Kayu Balak

Semakan Audit mendapati tiada peraturan atau proses kerja secara bertulis mengenai proses jualan balak di ASPA. Temu bual Audit dengan pegawai yang bertanggungjawab mendapati lesen untuk urus niaga pembalakan diperoleh melalui permohonan secara bertulis kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Selepas kelulusan lesen diperoleh, ASPA menawarkan kerja pembalakan di kawasan yang diluluskan kepada kontraktor yang dipilih. Semakan Audit seterusnya mendapati justifikasi pemilihan dan kelulusan kontraktor yang berjaya adalah dibuat melalui dua kaedah iaitu oleh Pihak Berkua Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta pemilihan dan kelulusan oleh Menteri Besar Pahang. Bagi tahun 2006 hingga 2008, ASPA telah

memperoleh pendapatan melalui jualan balak berjumlah RM30.85 juta. Kedudukan pendapatan jualan balak bagi tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 9.10**.

Jadual 9.10
Kedudukan Pendapatan Jualan Balak ASPA Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Bilangan Lesen Yang Diluluskan Oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	Bilangan Kontraktor Yang Ditawarkan Oleh ASPA	Jumlah Pendapatan (RM Juta)
2006	80	23	9.15
2007	135	32	12.14
2008	92	33	9.56
Jumlah	307	88	30.85

Sumber: Rekod Kewangan ASPA

b) Jualan Rumah Banglo

Mesyuarat Lembaga Pengarah ASPA Kali Ke 152 pada akhir tahun 1997, telah meluluskan perolehan sebanyak 120 unit rumah banglo di Perumahan Sungai Isap Fasa 3 daripada syarikat subsidiarinya Mentiga Corporation Berhad dengan harga RM115,000 seunit dan kos keseluruhannya berjumlah RM13.8 juta. Perolehan tersebut adalah sebagai ganti bayaran bagi pendahuluan dan hutang Mentiga Corporation Berhad yang berjumlah RM13.5 juta. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2008 ASPA telah berjaya menjual sebanyak 54 unit rumah. Analisis Audit terhadap jualan lima unit rumah banglo di Sungai Isap pada tahun 2007 dan 2008 menunjukkan ASPA telah mengalami kerugian sejumlah RM4,377 dan RM8,683. Selain itu, pada tahun 2006 ASPA juga telah menjual tiga unit rumah banglo ASPA Cottage dengan kerugian sejumlah RM0.13 juta seperti di **Jadual 9.11**.

Jadual 9.11
Kedudukan Jualan Rumah Banglo Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Jenis Harta	Bil. Unit Yang Dijual	Kos Belian Dan Lain-Lain Kos (RM Juta)	Susut Nilai (RM Juta)	Kos Jualan (RM Juta)	Harga Jualan (RM Juta)	Untung/ (Rugi) (RM Juta)
2006	Banglo ASPA Cottage	3	0.46	0.06	0.4	0.27	(0.13)
	Banglo Di Sg. Isap	0	-	-	-	-	-
2007	Banglo Di Sg. Isap	2	230,000	25,623	204,377	200,000	(4,377)
2008	Banglo Di Sg. Isap	3	352,522	43,839	308,683	300,000	(8,683)

Sumber: Rekod Kewangan ASPA

Lawatan Audit ke rumah banglo milik ASPA di lokasi Perumahan Sungai Isap pada pertengahan November 2008 mendapati rumah yang belum dijual atau disewakan adalah terbiar seperti di **Foto 9.1** hingga **Foto 9.3**. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab mendapati rumah tersebut terpaksa dibiarkan sebegitu sehingga ada pembeli atau penyewa barulah kerja membaik pulih rumah dijalankan seperti di **Foto 9.4**. Keadaan ini adalah disebabkan kerapnya berlaku kes kecurian di lokasi perumahan tersebut terutama melibatkan rumah yang tiada penghuni. Semakan Audit seterusnya mendapati bilangan rumah banglo di Perumahan Sungai Isap yang telah di baik pulih dan kos terlibat adalah seperti di **Jadual 9.12**.

Foto 9.1
Rumah Banglo Milik ASPA Di Sungai Isap Yang Belum Dijual



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 17 November 2008

Lokasi: Rumah Banglo Milik ASPA Di Perumahan Sungai Isap

Foto 9.2
Siling Rumah Banglo Milik ASPA Di Perumahan Sungai Isap Yang Belum Dijual



Foto 9.3
Tiang Porch Rumah Banglo Milik ASPA Di Perumahan Sungai Isap Yang Belum Dijual



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 17 November 2008

Lokasi: Rumah Banglo Milik ASPA Di Perumahan Sungai Isap

Foto 9.4
Rumah Banglo Milik ASPA Di Perumahan Sungai Isap Setelah Kerja Membangun Pulih



Jadual 9.12
Bilangan Rumah Dan Kos Membangun Pulih Rumah Banglo Di Perumahan Sungai Isap Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Tahun	Bilangan Rumah (Unit)	Kos Asal Rumah (RM Juta)	Kos Membangun Pulih (RM Juta)	Jumlah Kos Rumah (RM Juta)
2006	25	2.88	0.09	2.97
2007	25	2.88	0.07	2.95
2008	29	3.34	0.11	3.45
Jumlah	79	9.10	0.27	9.37

Sumber: Rekod Kewangan ASPA

Selain itu, pihak Audit mendapati baki rumah yang masih belum dapat dijual sehingga akhir tahun 2008 adalah sebanyak 66 unit dengan kos berjumlah RM7.59 juta dan tiada

rancangan pemasaran disediakan oleh ASPA bagi tujuan penjualan rumah banglo tersebut. *Maklum balas yang diterima daripada pihak ASPA mengenai jualan rumah banglo ini menjelaskan bahawa ASPA ada menawarkan kepada kakitangan kemudahan sewa beli selama tempoh tiga tahun bagi membeli rumah banglo ini sebelum pinjaman dibuat. Selain itu, penjualan kepada pihak luar juga ada dibuat.*

c) Ladang Kelapa Sawit

i) **Pengurusan Ladang** - Pengurusan ladang ASPA dibahagikan kepada tiga ladang utama iaitu Ladang Jeram, Ladang Ibam dan Ladang Pekan. Luas ladang kelapa sawit milik ASPA adalah 5,735.43 hektar dan 3,765.33 hektar daripadanya sudah ditanam dengan kelapa sawit. Bakinya merupakan kawasan yang belum dibangunkan atau disediakan untuk kemudahan lain di ladang. Peringkat penanaman atau kematangan pokok bagi ladang-ladang tersebut adalah antara proses *stacking* iaitu proses kerja-kerja menebas, menebang dan membersih kawasan untuk pembangunan ladang hingga ke peringkat pokok yang matang. Keluasan tanaman kelapa sawit dan peringkat penanaman atau kematangan pokok bagi setiap ladang pada tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 9.13**.


Jadual 9.13
Keluasan Ladang Dan Peringkat Penanaman/Kematangan Pokok
Pada Tahun 2008

Bil.	Ladang	Keluasan Tanah (Hektar)	Keluasan Tanah Bertanam (Hektar)	Peringkat Penanaman/Kematangan Pokok
1.	Ladang Jeram	4,685.00	990.00	<i>Stacking</i>
2.	Ladang Pekan	1,515.00	1,505.10	Belum Matang
3.	Ladang Ibam	1,535.43	1,270.23	Matang
Jumlah		7,735.43	3,765.33	

Sumber: Laporan Kemajuan Ladang ASPA

Manakala **Foto 9.5** hingga **Foto 9.7** pula menunjukkan keadaan ladang bagi setiap peringkat tersebut.

Foto 9.5
Ladang Di Peringkat Stacking



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 November 2008
Lokasi: Ladang Sungai Jeram

Foto 9.6
Ladang Di Peringkat Pokok Belum Matang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 November 2008
Lokasi: Ladang Pekan

Foto 9.7
Keadaan Ladang Di Peringkat Pokok Matang



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 18 November 2008

Lokasi: Ladang Ibam

Setiap ladang diketuai oleh pegawai ladang dan dibantu oleh penyelia ladang serta pekerja ladang. Bayaran gaji bagi pegawai ladang dan penyelia ladang dibuat secara bulanan mengikut skim dan syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan oleh ASPA. Manakala bayaran gaji bagi pekerja ladang merangkumi pekerja tempatan dan asing dibuat secara harian iaitu antara RM22 hingga RM28 sehari. Kedudukan pengurusan dan pekerja bagi setiap ladang adalah seperti di **Jadual 9.14**.

Jadual 9.14
Kedudukan Pengurusan Dan Pekerja Ladang Pada Tahun 2008

Bil.	Ladang	Pegawai Ladang	Penyelia Ladang	Pekerja Ladang		Jumlah
				Pekerja Tempatan	Pekerja Asing	
1.	Ladang Jeram	2	5	10	49	66
2.	Ladang Ibam	1	8	15	88	112
3.	Ladang Pekan	1	7	48	40	96
Jumlah		4	20	73	177	274

Sumber: Laporan Kemajuan Ladang ASPA

- ii) **Pengeluaran Buah Tandan Segar Kelapa Sawit** - Bagi tahun 2006 hingga 2008, ASPA mengeluarkan di antara 10.85 hingga 17.07 tan/hektar buah tandan segar (BTS). Kedudukan pengeluaran BTS adalah seperti di **Jadual 9.15**.

Jadual 9.15
Pengeluaran Buah Tandan Segar (Tan/Hektar) Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

Bil.	Ladang	Pengeluaran BTS (Tan/Hektar)			Catatan	
		Tahun				
		2006	2007	2008		
1.	Ladang Jeram	-	-	-	Masih di peringkat stacking.	
2.	Ladang Pekan	0.16	1.21	2.37	Pokok belum matang	
3.	Ladang Ibam	10.69	15.86	11.53	Pokok matang	
Jumlah		10.85	17.07	13.90		

Sumber: Laporan Kemajuan Ladang ASPA

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti ASPA terhadap penjualan rumah banglo adalah kurang memuaskan kerana wujudnya kelemahan dalam pemantauan dan pelan pemasaran rumah banglo tersebut.

9.5.7 Pengurusan Risiko

Untuk memastikan objektif syarikat dapat dicapai, syarikat perlu mewujudkan pengurusan risiko. Pengurusan risiko adalah bertujuan untuk mengenal pasti risiko yang dihadapi dan strategi untuk menangani dan mengurangkan kesannya terhadap pelaksanaan aktiviti syarikat. Antara lain pengurusan risiko hendaklah merangkumi polisi pengurusan risiko, kategori risiko, analisis, penilaian dan pengendalian risiko. Pemeriksaan Audit mendapati ASPA tidak menyediakan polisi pengurusan risiko secara formal dan bertulis. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan ada dinyatakan dalam penyata kewangan tahun 2005 manakala penyata kewangan tahun 2006 dan 2007 tidak dinyatakan. Pengurusan risiko kewangan dilakukan melalui ulasan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada pengurusan risiko kewangan kumpulan. Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab untuk membuat pemantauan terhadap pengurusan risiko kewangan yang terdiri daripada risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit dan risiko kecairan dan aliran tunai.

Bagi memantapkan lagi pengendalian risiko, syarikat hendaklah mempunyai *Business Continuity Plan* dan *Disaster Recovery Plan*. Antara lain, *Business Continuity Plan* hendaklah merangkumi komponen pemasaran, pengeluaran, modal insan dan pentadbiran serta kewangan. Manakala *Disaster Recovery Plan* pula adalah bertujuan untuk menentukan ada perlindungan insurans yang mencukupi bagi menghadapi risiko persekitaran. Pemeriksaan Audit mendapati ASPA ada menyediakan insurans yang meliputi kumpulan eksekutif pengurusan, mesin dan loji, api, pekerja asing, tanaman dan *hospitalisation*. Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati ASPA tidak menyediakan *Business Continuity Plan* yang menyeluruh. Sebaliknya ASPA ada menyediakan Borang Permohonan Projek Pelaburan Yang Melibatkan Tanah Kerajaan Negeri Pahang yang mengandungi butiran berkaitan dengan keterangan ringkas projek, anggaran kos projek, fasa pembangunan dan guna tanah, keperluan bahan mentah, maklumat kewangan mengenai projek dan pasaran. *Maklum balas yang diterima daripada pihak ASPA menjelaskan syarikat akan mewujudkan polisi pengurusan risiko bagi menjamin kepentingan Kerajaan.*

Pada pendapat Audit pengurusan risiko ASPA adalah tidak memuaskan kerana tidak menyediakan polisi pengurusan risiko secara formal dan bertulis.

9.5.8 Analisis Kewangan

a) Analisis Terhadap Item Signifikan

Analisis terhadap item signifikan telah dibuat terhadap Penyata Kewangan beraudit ASPA bagi tahun kewangan 2006 dan 2007. Analisis Audit mendapati jumlah pendapatan ASPA meningkat daripada RM29.06 juta pada tahun 2006 menjadi RM32.05 juta pada tahun 2007. Peningkatan sejumlah RM2.99 juta atau 10.3% adalah disebabkan peningkatan yang ketara daripada keuntungan jualan saham, jualan kayu

balak, jualan BTS kelapa sawit dan susu getah. Jumlah perbelanjaan pula adalah menurun daripada RM17.22 juta pada tahun 2006 menjadi RM11.61 juta pada tahun 2007. Penurunan sejumlah RM5.61 juta atau 32.6% ini adalah disebabkan penurunan dalam kos pentadbiran dan kos kewangan. Analisis Audit seterusnya mendapati keuntungan syarikat adalah bergantung kepada harga pasaran saham dan komoditi utama. Peningkatan dalam pendapatan dan pengurangan jumlah perbelanjaan ini telah menyumbangkan keuntungan yang berterusan kepada ASPA seperti di **Jadual 9.16**.

Jadual 9.16
Pendapatan Dan Perbelanjaan ASPA
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2006 dan 2007

Butiran	Tahun		Peningkatan / (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Jumlah Pendapatan	29.06	32.05	2.99	10.3
Jumlah Perbelanjaan	17.22	11.61	(5.61)	(32.6)

Sumber: *Penyata Kewangan ASPA*

b) Analisis Trend

Analisis trend terhadap Penyata Kewangan ASPA bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 mendapati berlakunya peningkatan dan penurunan yang tidak menentu bagi item pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan sebelum cukai. Jumlah pendapatan adalah menurun pada tahun 2004 berbanding tahun 2003. Namun pada tahun 2005 berlaku peningkatan yang amat ketara pada jumlah pendapatan iaitu sejumlah RM29.59 juta atau 175% berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, jumlah pendapatan ini menurun semula pada tahun 2006 dan meningkat naik pada tahun 2007. Peningkatan ketara jumlah pendapatan pada tahun 2005 adalah disebabkan keuntungan yang diperoleh daripada jualan saham iaitu sejumlah RM23.83 juta berbanding pada tahun sebelum dan selepasnya masing-masing RM0.10 juta dan RM0.36 juta.

Jumlah perbelanjaan pada tahun 2003 dan 2004 tidak menunjukkan banyak perubahan iaitu RM10.25 juta dan RM10.12 juta masing-masing. Namun berlaku peningkatan pada tahun 2005 dan 2006 menjadi RM15.63 juta dan RM17.22 juta. Analisis Audit mendapati peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan faedah dan kos pentadbiran. Bagaimanapun, pada tahun 2007 jumlah perbelanjaan kembali menurun menjadi RM11.61 juta. Trend peningkatan dan penurunan dalam pendapatan dan perbelanjaan telah mempengaruhi keuntungan sebelum cukai ASPA. Pada tahun 2005 ASPA telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang tinggi berbanding tahun sebelum dan selepasnya iaitu sejumlah RM30.84 juta.

Walaupun kedudukan kewangan menunjukkan syarikat memperoleh keuntungan bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007, namun keuntungan tersebut masih belum dapat menampung kerugian terkumpul pada tahun-tahun sebelumnya. Penyata kewangan ASPA masih menunjukkan kerugian terkumpul sehingga tahun 2006. Hanya pada tahun 2007 sahaja kerugian terkumpul tersebut telah diatasi dan syarikat telah menunjukkan prestasi kewangan yang memberangsangkan dengan keuntungan


terkumpul berjumlah RM3.23 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan keuntungan sebelum cukai yang berterusan dari tahun 2003 hingga 2007 hasil daripada keuntungan jualan saham dan kayu balak serta peningkatan harga komoditi utama seperti sawit dan getah. Trend mengenai pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan sebelum cukai ASPA bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 9.17** serta **Carta 9.1** dan **Carta 9.2**.

Jadual 9.17
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan ASPA
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Butiran	Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Pendapatan					
Pendapatan langsung	17.18	15.31	40.54	11.87	30.75
Lain-lain Pendapatan	0.45	1.57	5.93	17.19	1.30
Jumlah Pendapatan	17.63	16.88	46.47	29.06	32.05
Perbelanjaan					
Kos Kendalian	1.62	0.08	1.05	3.05	3.11
Kos Pentadbiran	5.79	7.81	8.14	12.30	8.50
Kos Kewangan	2.85	2.23	6.44	1.87	-
Jumlah Perbelanjaan	10.26	10.12	15.63	17.22	11.61
Keuntungan Sebelum Cukai	7.37	6.76	30.84	11.84	20.44
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai Terkumpul	(55.22)	(51.39)	(22.45)	(14.32)	3.23


Sumber: *Penyata Kewangan ASPA*

Carta 9.1
Prestasi Pendapatan Berbanding Perbelanjaan ASPA
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007



Sumber: *Rekod Kewangan ASPA*

Carta 9.2
Kedudukan Keuntungan Sebelum Cukai ASPA Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007



Sumber: Rekod Kewangan ASPA

c) Analisis Aliran Tunai

Penyata Aliran Tunai ASPA bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 9.18**.

Jadual 9.18
Kedudukan Aliran Tunai ASPA Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Butiran Penyata	Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Tunai bersih yang (diguna)/dijana daripada aktiviti operasi	(15.37)	5.42	7.65	40.47	15.71
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	2.08	(1.48)	(2.65)	(18.42)	(4.10)
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembentukan	13.35	(1.69)	(1.13)	(17.26)	(2.90)
Peningkatan tunai dan bersamaan tunai	0.06	2.25	3.87	4.79	8.71
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun	(11.68)	(11.62)	(9.37)	(5.50)	(0.71)
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun	(11.62)	(9.37)	(5.50)	(0.71)	8.00

Sumber: Rekod Kewangan ASPA

Analisis Audit terhadap penyata aliran tunai ASPA bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 mendapati tunai bersih yang dijana daripada operasi adalah semakin meningkat. Pada tahun 2003 aliran tunai yang diguna daripada aktiviti operasi adalah RM15.37 juta. Namun pada tahun 2004 menunjukkan peningkatan aliran tunai menjadi RM5.42 juta dan seterusnya meningkat kepada RM7.65 juta pada tahun 2005. Peningkatan ini menjadi lebih ketara pada tahun 2006 iaitu RM40.47 juta dan mula menurun pada tahun 2007 menjadi RM15.71 juta. Analisis Audit mendapati aliran tunai ASPA adalah positif sepanjang tahun 2004 hingga 2007 dan ini menandakan keupayaan ASPA menjana

tunai yang diperlukan. Selain itu, analisis Audit terhadap aliran tunai daripada aktiviti pelaburan menunjukkan aliran keluar tunai yang semakin meningkat dari tahun 2003 dan tertinggi pada tahun 2006. Namun aliran keluar tunai ini menurun sedikit pada tahun 2007. Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan juga menunjukkan aliran keluar yang tidak menentu seperti di **Jadual 9.19**. Analisis Audit mendapati berlakunya peningkatan yang ketara dalam tunai dan bersamaan tunai sehingga menjadi RM8.71 juta pada tahun 2007. Keadaan ini menunjukkan syarikat mempunyai tunai yang mencukupi bagi membiayai urusan syarikat.

d) Analisis Ekuiti

Analisis ekuiti merupakan analisis yang digunakan untuk mengukur leveraj atau menunjukkan peratusan saham ekuiti dalam Lembaran Imbangan bagi sesebuah syarikat. Nisbah yang biasa digunakan adalah nisbah hutang atas ekuiti dan nisbah aset atas ekuiti. Berikut adalah analisis yang dijalankan:

- i) **Nisbah Hutang Atas Ekuiti** - Nisbah Hutang Atas Ekuiti adalah mengukur leveraj kewangan syarikat iaitu semakin tinggi nilai nisbah, semakin tinggi risiko untuk melabur dalam syarikat tersebut. Analisis Audit bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 mendapati nisbah ini adalah antara 1.77:1 hingga 2.26:1. Berdasarkan kepada nisbah ini, kedudukan leveraj kewangan ASPA adalah dalam keadaan berisiko. Walaupun nisbah ini semakin menurun namun jumlah hutang syarikat masih tidak dapat dibiayai oleh ekuiti. Nisbah Hutang Atas Ekuiti ASPA bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 9.19**.

Jadual 9.19
Nisbah Hutang Atas Ekuiti ASPA Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Liabiliti (a) (RM Juta)	Jumlah Ekuiti (b) (RM Juta)	Nisbah Hutang Atas Ekuiti (a/b)
2003	130.37	60.61	2.15:1
2004	133.06	60.61	2.19:1
2005	137.11	60.61	2.26:1
2006	119.17	60.61	1.97:1
2007	107.14	60.61	1.77:1

Sumber: Penyata Kewangan ASPA

- ii) **Nisbah Aset Atas Ekuiti** - Nisbah Aset Atas Ekuiti adalah untuk mengukur leveraj kewangan dan kemampuan pembiayaan aset oleh syarikat dalam jangka panjang. Nisbah melebihi 2 menunjukkan syarikat menggunakan lebih hutang berbanding ekuiti dalam membiayai asetnya. Manakala nisbah kurang daripada 2 pula menunjukkan syarikat menggunakan kurang hutang untuk membiayai asetnya. Analisis Audit bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 mendapati Nisbah Aset Atas Ekuiti ASPA adalah di antara 2.24:1 hingga 2.89:1. Berdasarkan nisbah ini, walaupun angka yang ditunjukkan tidak begitu tinggi namun syarikat masih memerlukan lebih hutang bagi membiayai aset. Kedudukan Nisbah Aset Atas Ekuiti ASPA adalah seperti di **Jadual 9.20**.

Jadual 9.20
Nisbah Aset Atas Ekuiti ASPA Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Aset (a) (RM Juta)	Jumlah Ekuiti (b) (RM Juta)	Nisbah Aset Atas Ekuiti (a/b)
2003	135.75	60.61	2.24:1
2004	142.28	60.61	2.35:1
2005	175.26	60.61	2.89:1
2006	165.46	60.61	2.73:1
2007	170.98	60.61	2.82:1

Sumber: Penyata Kewangan ASPA

- iii) **Analisis Nisbah Kewangan** - Sebagai tambahan kepada analisis ekuiti, analisis nisbah kewangan merangkumi nisbah kecairan, nisbah kecekapan, nisbah keberuntungan dan nisbah kestabilan telah dibuat terhadap butiran pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan ASPA yang telah diaudit bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007.

- **Nisbah Kecairan** - Nisbah Kecairan atau nisbah semasa digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung liabiliti semasa syarikat bagi sesuatu tahun. Kedudukan nisbah semasa pada kadar 2:1 adalah dianggap memuaskan. Analisis Audit terhadap nisbah semasa ASPA bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 adalah antara 0.34:1 hingga 1.08:1. **Berdasarkan nisbah ini, ASPA adalah kurang upaya untuk menampung keseluruhan liabiliti semasanya.** Kedudukan nisbah semasa ASPA adalah seperti di **Jadual 9.21**.

Jadual 9.21
Nisbah Semasa ASPA Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Aset Semasa (a) (RM Juta)	Liabiliti Semasa (b) (RM Juta)	Nisbah Semasa (a/b)
2003	68.04	62.93	1.08:1
2004	71.56	90.25	0.79:1
2005	95.48	117.94	0.81:1
2006	35.81	103.65	0.34:1
2007	42.73	92.90	0.46:1

Sumber: Penyata Kewangan ASPA

- **Nisbah Kestabilan** - Nisbah Kestabilan merupakan pendekatan yang digunakan bagi menilai kestabilan syarikat iaitu sejauh mana liabiliti perlu ditanggung oleh aset yang dimiliki. Kedudukan nisbah antara liabiliti dan aset pada kadar kurang daripada 0.5 adalah menunjukkan keadaan yang baik. Nisbah kestabilan ASPA bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 adalah antara 0.63:1 hingga 0.96:1. **Nisbah ini menunjukkan jumlah hutang syarikat berbanding aset adalah tinggi.** Kedudukan nisbah kestabilan ASPA adalah seperti di **Jadual 9.22**.

Jadual 9.22
Nisbah Kestabilan ASPA Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Jumlah Liabiliti (a) (RM Juta)	Jumlah Aset (b) (RM Juta)	Nisbah Kestabilan (a/b)
2003	130.37	135.75	0.96:1
2004	133.06	142.28	0.93:1
2005	137.11	175.26	0.78:1
2006	119.17	165.46	0.72:1
2007	107.14	170.98	0.63:1

Sumber: Penyata Kewangan ASPA

- **Nisbah Keberuntungan** - Nisbah keberuntungan adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit hasil yang dipungut. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007 atas setiap ringgit pendapatan yang diterima ASPA mendapat margin keuntungan antara RM0.40:1 hingga RM0.66:1. Keadaan ini menunjukkan margin keuntungan ASPA berbanding pendapatan yang diterima adalah memuaskan. **Jadual 9.23** adalah menunjukkan kedudukan nisbah keberuntungan ASPA bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007.

Jadual 9.23
Nisbah Keberuntungan ASPA Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Keuntungan Sebelum Cukai (a) (RM Juta)	Jumlah Pendapatan (b) (RM Juta)	Nisbah Keberuntungan (a/b) (RM)
2003	7.37	17.64	0.42:1
2004	6.76	16.88	0.40:1
2005	30.84	46.47	0.66:1
2006	11.84	29.06	0.41:1
2007	20.44	32.05	0.64:1

Sumber: Penyata Kewangan ASPA

Kadar pulangan yang diperoleh daripada setiap RM1.00 aset yang digunakan adalah antara RM0.04 hingga RM0.17 seperti di **Jadual 9.24**.

Jadual 9.24
Pulangan Atas Aset ASPA Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Keuntungan Sebelum Cukai (a) (RM Juta)	Jumlah Aset (b) (RM Juta)	Pulangan Atas Aset (a/b) (RM)
2003	7.37	135.75	0.05
2004	6.76	142.28	0.04
2005	30.84	175.26	0.17
2006	11.84	165.46	0.07
2007	20.44	170.98	0.12

Sumber: Penyata Kewangan ASPA

Keadaan ini menunjukkan kecekapan syarikat mengurus aset bagi menjana keuntungan adalah kurang memuaskan. Manakala **Jadual 9.25** pula menunjukkan kadar keuntungan yang diperoleh bagi setiap RM1.00 ekuiti pemegang saham. Kadar pulangan yang diperoleh oleh pemegang saham bagi setiap RM1.00 yang dilabur adalah rendah kecuali pada tahun 2005 berlaku peningkatan ketara disebabkan keuntungan syarikat yang tinggi.

Jadual 9.25
Pulangan Atas Ekuiti ASPA Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2003 Hingga 2007

Tahun	Keuntungan Sebelum Cukai (a) (RM Juta)	Jumlah Ekuiti (b) (RM Juta)	Pulangan Atas Ekuiti (a/b) (RM)
2003	7.37	60.61	0.12
2004	6.76	60.61	0.11
2005	30.84	60.61	0.51
2006	11.84	60.61	0.19
2007	20.44	60.61	0.34

Sumber: Penyata Kewangan ASPA

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan ASPA adalah tidak memuaskan. Walaupun syarikat mencatat keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan 2003 hingga 2007, namun kerugian terkumpul syarikat hanya dapat diatasi pada tahun 2007. Selain itu, keuntungan syarikat adalah bergantung penuh kepada harga komoditi utama dan harga pasaran saham yang tidak menentu.

9.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan syarikat ASPA perlu dipertingkatkan memandangkan pencapaian ASPA dilihat agak sederhana. ASPA telah ditubuhkan melebihi tempoh 35 tahun dan seharusnya telah menunjukkan pencapaian prestasi yang jauh lebih baik berbanding syarikat-syarikat yang berdasarkan perladangan dan perkayuan yang lain. Tadbir urus korporat ASPA perlu lebih mantap dan utuh bagi menjamin prestasi dan keupayaan syarikat untuk bersaing di peringkat yang lebih global serta mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. Visi dan misi syarikat perlulah jelas untuk menentukan sasaran dan menilai prestasi syarikat dan syarikat subsidiari selaras dengan objektif penubuhan syarikat dan matlamat ASPA. Pihak Audit mengesyorkan pengurusan ASPA mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a) Memperkemaskan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan.
- b) Mengkaji semula dan menyediakan pelan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang dengan petunjuk prestasi yang jelas, mampu dicapai dan berdaya saing termasuk rancangan korporat bagi syarikat subsidiari ASPA.
- c) Memperkemaskan pengurusan sumber manusia dengan menyediakan pelan peralihan jawatan dan melaksanakan program pembangunan modal insan yang bersesuaian secara menyeluruh.

- d) Mempertingkatkan pengurusan kewangan dengan menyediakan panduan dan prosedur kerja bagi mewujudkan kawalan dalaman serta pengurusan aset syarikat dengan berkesan.
- e) Mempertingkatkan prestasi aktiviti syarikat dengan memberi tumpuan kepada aktiviti yang berdaya saing dan membawa keuntungan yang tinggi kepada ASPA serta menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi Negeri Pahang.
- f) Mewujudkan polisi pengurusan risiko bagi mengenal pasti risiko dan potensi syarikat bagi menjamin kepentingan kerajaan.
- g) Mempertingkatkan pemantauan di peringkat Lembaga Pengarah ASPA serta menjalankan tindakan susulan bagi memastikan peraturan dan panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan terhadap syarikat berkaitan kerajaan dipatuhi.



BAHAGIAN III PERKARA AM

BAHAGIAN III PERKARA AM

10. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan melalui Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Berdasarkan maklumat semasa mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang kebanyakan perkara yang dibangkitkan telah berjaya diselesaikan oleh Ketua-Ketua Jabatan. Tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2007 adalah seperti berikut:

11. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2007

11.1 PEJABAT TANAH DAN GALIAN PAHANG, PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN DAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH ROMPIN - PENGURUSAN SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER (SPTB)

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
6.2.2(b)(vii)	APTN Bilangan 2 Tahun 2003 Integrasi SPTB dan SHTB masih belum berjaya dilaksanakan sepenuhnya.	Pemindahan data dilakukan bergantung pada keperluan pengguna. Menu untuk pemindahan telah disediakan dan pengguna perlu mengemas kini setiap data tersebut untuk tujuan pemindahan.	Pihak Audit berpendapat PTG perlu mempertingkat usaha untuk memastikan proses pemindahan berjalan dengan lancar.
6.2.2(c)	Manual SPTB Manual Pengguna Versi 1 tiada dalam simpanan PDT Rompin semasa pengauditan dijalankan.	Telah disediakan oleh PDT Rompin.	Pihak Audit berpuas hati kerana Manual tersebut telah disediakan.
6.2.2(d)	Panduan Keselamatan SPTB Pegawai Keselamatan tidak dilantik seperti yang ditetapkan oleh Panduan Keselamatan SPTB.	PTG telah melantik Pegawai Keselamatan SPTB pada 26 Mei 2008.	Pihak Audit berpuas hati kerana Pegawai Keselamatan telah dilantik.
6.2.3(a)(i)	Membekal, Menghantar, Memasang Dan Mentauliahkan Perkakasan Utama Dan Peralatan-Peralatan Lain Yang Berkaitan Perkakasan Utama Lima jenis perkakasan iaitu Personal Computer, Duplex Laser Printer, Laser Printer,	Komputer yang tidak dapat dikesan itu berada di JKPTG Pahang yang digunakan	Pihak Audit berpuas hati kerana komputer tersebut masih wujud

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
	UPS dan PC UPS tidak dapat dikesan.	sebagai latihan dan back up sahaja.	dan telah digunakan sebaiknya.
6.2.3(a)(ii)	Peralatan-Peralatan Lain <i>Lightning Isolator</i> yang dibekalkan ke Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin tidak dapat dikesan.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin telah menggantikan dengan yang baru.	Pihak Audit berpuas hati kerana peralatan yang tidak dapat dikesan tersebut telah digantikan.
6.2.3(a)(ii)	Manual Pengguna Pihak kontraktor tidak membekalkan Manual SPTB Strata bagi ketiga-tiga pejabat berkenaan.	Manual SPTB Strata masih belum dilaksanakan.	Pihak Audit berpendapat pelaksanaan SPTB Strata perlu dilakukan setelah SPTB sedia ada dikemas kini.
6.2.3(b)	Membangun, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliahkan Perisian Yang Ditetapkan Perisian PC Anti Virus jenis Symantec Antivirus tidak diguna pakai oleh PTG kerana ia telah menggunakan perisian Symantec Anti Virus yang dibekalkan oleh Unit Pengurusan Teknologi Maklumat.	Perisian yang dibekalkan oleh Kontraktor tersebut telah luput tarikh leseninya pada tahun 2003.	Pihak Audit berpuas hati kerana perisian Antivirus digunakan telah berfungsi dengan berkesan.
6.2.3(h)(i)	Pembetulan Di Bawah Seksyen 380 KTN Semakan Audit terhadap proses pembetulan data melalui Seksyen 380 bagi tahun 2005 hingga 2007 mendapati pembetulan yang dilakukan tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Pendaftar.	Setiap pembetulan telah diluluskan melalui buku log dan dokumen verifikasi yang disediakan.	Pihak Audit berpuas hati pembetulan tersebut telah diberi kelulusan.
6.2.3(h)(ii)	Pembetulan Back Door Pembetulan back door adalah pembetulan yang tidak diperuntukkan di bawah KTN dan juga mana-mana peraturan bertulis.	Pembetulan ini dilakukan setelah pembetulan di bawah Seksyen 380 tidak dapat dilaksanakan. Pembetulan ini perlu kelulusan Pendaftar terlebih dahulu melalui Borang Masalah Aplikasi yang disediakan.	Pihak Audit berharap kadar pembetulan tersebut dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.
6.2.3(j)(i)	Bilik Server Kawalan Kebakaran PTG dan PDT Rompin menggunakan alat pemadam api dari jenis debu/serbuk.	Sistem pencegah kebakaran telah ditukar kepada jenis Pyrogen pada bulan Mei 2008.	Pihak Audit berpuas hati penukaran telah dilakukan.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
6.2.3(j)(i)	Bilik Server Kawalan Keselamatan Sistem pendawaian di Bilik Server PTG dan PDT Kuantan tidak teratur dan tersusun yang boleh mendedahkan keselamatan Pejabat kepada risiko kebakaran.	Pendawaian elektrik telah disusun semula.	Pihak Audit berpuas hati penyusunan semula telah dilakukan.
6.2.3(j)(i)	Bilik Server Kawalan Kebakaran Alat penggera keselamatan dipasang di Bilik Server PTG berbanding PDT Kuantan dan Rompin bagi membantu mengesan kebakaran di peringkat awal.	Alat penggera keselamatan telah pun dipasang.	Pihak Audit berpuas hati alat penggera keselamatan telah dipasang.
6.2.3(j)(i)	Bilik Server Kawalan Persekutaran Hanya PDT Rompin sahaja yang meletakkan alat jangka suhu.	Pejabat PTG telah dipasang alat digital <i>thermometer</i> dan <i>hygrometer</i> untuk mengukur kelembapan.	Pihak Audit berpuas hati alat jangka suhu telah dipasang.
6.2.3(j)(i)	Bilik Kebal Kawalan Daripada Kebakaran Di PTG, dokumen lama yang disimpan di Bilik Kebal yang masih lagi diperlukan tidak diselenggarakan dengan baik.	Pihak PTG telah mengambil tindakan mengemas dan menyusun dokumen supaya lebih teratur.	Pihak Audit berpuas hati bilik kebal telah disusun atur.
6.2.3(j)(iii)	Kawalan Sistem/Aplikasi/PC/Server/Pengkalan Data Kawalan Kata Laluan Kata laluan yang digunakan tidak pernah ditukar sejak SPTB dilaksanakan pada tahun 1999.	Pemasangan SPTB Versi 2.8.3 memastikan kata laluan ditukar sebulan sekali.	Pihak Audit berpuas hati penukaran kata laluan telah ditetapkan.
6.2.4(a)	Tiada Kadar Cukai Tanah 40 hak milik tidak mempunyai kadar cukai tanah.	Tindakan pembetulan di bawah Seksyen 380 sedang dilaksanakan.	Pihak Audit berpendapat pembetulan perlu dilakukan segera.
6.2.4(b)	Hak Milik Batal Daripada 387 hak milik yang telah disenaraikan sebagai batal, pihak Audit telah menjalankan semakan terhadap DHDK yang terlibat dan mendapati hak milik tersebut masih belum dibatalkan.	Masih dalam tindakan semakan pihak PTG.	Pihak Audit berpendapat pembetulan perlu dilakukan segera.
6.2.4(c)	Tiada Syarat Nyata 456 hak milik tiada syarat nyata.	Tindakan pembetulan di bawah Seksyen 380 sedang dilaksanakan.	Pihak Audit berpendapat pembetulan perlu dilakukan segera.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
6.2.4(d)	Tiada Tempoh Pajakan 27 hak milik tidak dicatat tempoh pajakan.	Tindakan pembetulan di bawah Seksyen 380 sedang dilaksanakan.	Pihak berpendapat Audit pembetulan perlu dilakukan segera.
6.2.4(g)	Tamat Tempoh Pajakan 61 hak milik telah tamat tempoh pajakan.	Tindakan pembetulan di bawah Seksyen 380 sedang dilaksanakan.	Pihak berpendapat Audit pembetulan perlu dilakukan segera.
6.2.4(i)	Tarikh Pendaftaran Hak Milik Tidak Munasabah 31 hak milik mempunyai tarikh pendaftaran tidak munasabah.	Tindakan pembetulan di bawah Seksyen 380 sedang dilaksanakan.	Pihak berpendapat Audit pembetulan perlu dilakukan segera.

11.2 PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN - PENGURUSAN PENGELOUARAN BAHAN BATUAN

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
12.2.4 (a) (iii)	Siasatan Permohonan Proses permohonan adalah tidak memuaskan kerana Pentadbir Tanah Kuantan tidak menetapkan tempoh masa khusus bagi sesuatu proses siasatan perlu dijalankan. Kelewatan juga berlaku berpuncu daripada Pentadbir Tanah Kuantan lewat menghantar surat kepada Jabatan Teknikal bagi mendapatkan ulasan mengenai kawasan yang dipohon.	Tempoh permohonan bagi mengeluarkan bahan batuan di atas Tanah Kerajaan sehingga Laporan Siasatan Tanah diulas ialah selama 30 hari. Manakala bagi Tanah Milik, tempoh sehingga kelulusan ialah selama tujuh hari bekerja. Penambahan Pegawai/Kakitangan bagi menjalankan tugas siasatan juga telah dibuat bagi mengatasi masalah kelewatan membuat siasatan.	Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang diambil oleh Pentadbir Tanah Kuantan bagi mengatasi kelewatan siasatan permohonan.
12.2.5 (a)	Hari Bekerja Pengurusan memberi kebenaran untuk bekerja selain dari hari biasa adalah tidak memuaskan kerana terdapat pengusaha menjalankan aktiviti pengeluaran bahan batuan tanpa kebenaran pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am akibat daripada kurangnya pemantauan oleh Unit Penguatkuasaan.	Pentadbir Tanah Kuantan telah memberi kebenaran kepada pengusaha untuk bekerja pada hari Sabtu dan mempertimbangkan permohonan untuk bekerja pada hari Ahad dan Cuti Am dengan menetapkan tempoh permit seperti berikut: i) Dua minggu bagi pengeluaran sehingga 1,000 meter padu. ii) Satu bulan bagi pengeluaran melebihi 1,000 meter padu. Pentadbir Tanah Kuantan	Pihak Audit berpuas hati tindakan yang diambil oleh Pentadbir Tanah Kuantan untuk mengurus dan memantau kerja pengeluaran bahan batuan yang dilakukan pengusaha selain daripada hari biasa.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit										
		juga telah menyediakan Jadual Tugas Pemantauan oleh pegawai dan kakitangan bagi lokasi yang dikenal pasti sering berlaku kecurian.											
12.2.5 (b)	<p>Penggunaan Lori Penggunaan lori oleh pemegang permit adalah tidak memuaskan kerana wujud penggunaan lori yang tidak didaftarkan.</p>	Pengarah Tanah Dan Galian sedang mempertimbangkan cadangan penggunaan stiker oleh setiap lori yang berdaftar bagi mengatasi masalah kewujudan penggunaan lori yang tidak berdaftar.	Pihak Audit berpuas hati dengan cadangan penggunaan stiker bagi mengawal pendaftaran lori. Bagaimana pun, kaedah untuk mengawal pengeluaran stiker tersebut perlu juga diambil kira.										
12.2.5 (c)	<p>Had Pengeluaran Pengurusan had pengeluaran bahan batuan adalah tidak memuaskan kerana muatan sebenar yang dikeluarkan adalah melebihi daripada yang dibenarkan. Akibatnya kutipan royalti bagi tempoh Januari hingga November 2007 terhadap pengeluaran tanah dan pasir yang dianggarkan RM377, 182 tidak dapat dikutip.</p>	<p>Had pengeluaran bahan batuan yang diguna pakai oleh semua Pentadbir Tanah Daerah pada masa sekarang adalah mengikut Arahān Pentadbir Tanah Negeri Pahang Bil.5/2008 yang dikeluarkan oleh Pengarah Tanah Dan Galian Pahang yang berkuat kuasa mulai 8 September 2008 seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis Lori</th> <th>Kapasiti Muatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2 gandar (4 tayar)</td> <td>3 meter padu</td> </tr> <tr> <td>2 gandar (6 tayar)</td> <td>8 meter padu</td> </tr> <tr> <td>3 gandar (6 tayar)</td> <td>10 meter padu</td> </tr> <tr> <td>4 gandar (6 tayar)</td> <td>16 meter padu</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Lori	Kapasiti Muatan	2 gandar (4 tayar)	3 meter padu	2 gandar (6 tayar)	8 meter padu	3 gandar (6 tayar)	10 meter padu	4 gandar (6 tayar)	16 meter padu	Pihak Audit berpuas hati dengan penetapan had muatan baru bagi memastikan Kerajaan Negeri memperoleh hasil yang sewajarnya.
Jenis Lori	Kapasiti Muatan												
2 gandar (4 tayar)	3 meter padu												
2 gandar (6 tayar)	8 meter padu												
3 gandar (6 tayar)	10 meter padu												
4 gandar (6 tayar)	16 meter padu												
12.2.6 (a)	<p>Buku Tiket Pengurusan pengeluaran bahan batuan menggunakan Buku Tiket adalah tidak memuaskan kerana amalan sekarang membenarkan pengusaha mencetak sendiri Buku Tiket tersebut. Ini memberi ruang kepada pengusaha untuk melakukan pengeluaran melebihi daripada had yang dibenarkan.</p>	Pentadbir Tanah Kuantan telah mula mencetak Buku Tiket sendiri dan pengusaha perlu menyatakan had muatan yang dibawa dalam setiap tiket. Perubahan ini telah mendapat mengawal had pengeluaran bahan batuan yang dibenarkan dan memudahkan pengusaha mematuhi peraturan tersebut.	Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan Pentadbir Tanah Kuantan mencetak Buku Tiket sendiri bagi mengawal pengeluaran bahan batuan. Bagaimanapun, tindakan ini perlu dilaksanakan oleh semua Pentadbir Tanah Daerah. Selain itu, penggunaan dan pengeluaran Buku Tiket tersebut perlu										

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
			dikawal mengikut prosedur yang ditetapkan kerana ia merupakan dokumen yang dikawal.
12.2.6 (b) dan (c)	Penyata Kuantiti Pengeluaran Bulanan Dan Pembaharuan Permit Penyerahan Penyata Kuantiti Pengeluaran Bulanan bagi permit tanah dan pasir adalah tidak memuaskan kerana sebahagian besar penyata tidak dikemukakan pada setiap bulan untuk tujuan semakan dan juga untuk pembaharuan permit.	Pentadbir Tanah Kuantan menetapkan bahawa pengusaha dikehendaki menyerahkan penyata pengeluaran pada setiap 20hb. bulan berikutnya bagi tujuan semakan dan juga sebagai syarat kelulusan pembaharuan permit.	Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang diambil bagi mengawal pengeluaran bahan batuan dan juga permit.
12.2.6 (e)(i),(ii)	Pengeluaran Armour Rock Oleh Syarikat Sebang Cemerlang Sdn. Bhd. Pengeluaran <i>armour rock</i> oleh syarikat ini adalah tidak memuaskan kerana wujud pengeluaran yang melebihi had. Akibatnya royalti telah terkurang bayar yang dianggarkan berjumlah RM20,642 bagi bulan November 2007. Syarikat turut melakukan kerja pengeluaran pada hari yang tidak dibenarkan disebabkan kurangnya pemantauan oleh pihak penguat kuasa.	Pentadbir Tanah Kuantan masih belum dapat mengutip royalti yang terkurang dibayar oleh syarikat berkenaan kerana syarikat yang menguruskan pengeluaran <i>armour rock</i> terdahulu telah ditukar kepada syarikat lain. Pentadbir Tanah Kuantan telah menyediakan Jadual Tugas Pemantauan bagi memantau operasi pengeluaran bahan batuan.	Pentadbir Tanah Kuantan perlu menyiasat latar belakang syarikat yang menjalankan kerja pengeluaran <i>armour rock</i> sekarang. Tindakan mengikut undang-undang hendaklah diambil dengan sewajarnya terhadap syarikat yang terlibat bagi mengutip royalti yang terkurang dibayar sejumlah RM20,642.
12.2.8	Kadar Bayaran Royalti Kadar royalti yang digunakan sekarang adalah tidak memuaskan kerana masih rendah berbanding Negeri lain.	Kutipan royalti yang diguna pakai adalah berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan oleh Kanun Tanah Negara 1965 dan Kaedah-kaedah Tanah Pahang 1992 P.U. 33.	Kadar royalti yang diguna pakai sekarang perlu disemak semula untuk meningkatkan lagi hasil Kerajaan Negeri dan selaras dengan kadar di Negeri lain.
12.2.9 (a)	Keperluan Kelengkapan Dan Peralatan Kelengkapan dan peralatan yang sedia ada tidak memuaskan kerana amat terhad dan tidak mencukupi.	Kelengkapan dan peralatan seperti kenderaan pacuan empat roda, GPS, kamera digital, teropong, <i>walkie talkie</i> , komputer riba dan senjata api perlu ada atau ditambah untuk melicinkan lagi tugas di Unit	Kelengkapan dan peralatan terutamanya kenderaan dan peralatan sokongan perlu dibekalkan dengan segera bagi

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
		Penguatkuasaan.	menjamin keberkesanan operasi penguatkuasaan yang dijalankan.

11.3 JABATAN KERJA RAYA NEGERI PAHANG - PROJEK PEMBINAAN KUARTERS KERAJAAN DI CAMERON HIGHLANDS

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
18.2.7(c)(iii)	<p>Pemilikan Tapak Projek Pembinaan</p> <p>Pemilikan tapak projek adalah tidak memuaskan kerana kontraktor telah memulakan kerja sebelum salinan pendaftaran PERKESO dikemukakan.</p>	<p>Bagi menjamin urusan pemilikan tapak dilaksanakan dengan teratur, pihak JKR Pahang telah menetapkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Setiap bayaran kemajuan projek kali pertama hendaklah disertakan dengan surat kelulusan pengesahan pendaftaran dari PERKESO dalam tempoh tidak lewat daripada satu bulan. b) Mendapat bukti daripada pihak kontraktor bahawa memohon pendaftaran dengan pihak PERKESO sebelum memulakan kerja pembinaan. 	<p>Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang telah diambil untuk memastikan syarat perjanjian kontrak dipatuhi.</p>
18.2.7(c)(vi)	<p>Arahan Perubahan Kerja</p> <p>Pelaksanaan Arahan Perubahan Kerja adalah tidak memuaskan kerana lewat diluluskan.</p>	<p>Pihak JKR Pahang akan memastikan masalah yang berlaku tidak akan berulang lagi dengan mengambil tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Memaklumkan melalui pekeliling atau dalam Mesyuarat Pengurusan peringkat Jabatan kepada semua Pegawai Pengguna supaya mematuhi peraturan untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu sebelum melaksanakan sebarang kerja tambahan kecuali kerja yang tidak melibatkan kos. b) Mengadakan naziran ke semua pejabat Pegawai Pengguna bagi memastikan peraturan pendapat kelulusan kerja tambahan dipatuhi. 	<p>Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang telah diambil untuk memastikan tidak berlaku kelewatan memberi kelulusan terhadap pelaksanaan Arahan Perubahan Kerja.</p>

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
18.2.7 (d)	<p>Jadual Pelaksanaan Kerja Prestasi pelaksanaan kerja pada keseluruhannya adalah memuaskan kecuali pembinaan bangunan substation TNB yang menyebabkan berlaku kelewatan penyerahan projek kepada Kerajaan Negeri.</p>	Untuk mengelak perkara ini daripada berulang pada projek lain, JKR Pahang akan mengambil tindakan dengan memaklumkan lebih awal kepada pihak TNB sebelum sesuatu bangunan dibina iaitu selepas pelantikan kontraktor bagi membuat perancangan pembekalan elektrik.	Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang telah diambil untuk memastikan tidak berlaku kelewatan dalam pelaksanaan kerja seterusnya penyerahan projek kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh yang sewajarnya.

11.4 PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PAHANG - PENGURUSAN PERPUSTAKAAN DAERAH

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
24.2.3	Pihak Perbadanan tidak menyediakan sasaran yang khusus untuk dicapai sama ada bagi tempoh jangka pendek maupun panjang yang akan menjadi ukuran kepada tahap keberkesanan perkhidmatan perpustakaan di peringkat daerah dan luar Bandar.	Pihak Perbadanan telah menyediakan sasaran yang khusus pada tahun 2008 dengan menyasarkan kepada promosi keahlian dengan mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan di setiap perpustakaan daerah dan desa. Ini secara tidak langsung bakal meningkatkan penggunaan perkhidmatan perpustakaan-perpustakaan tersebut. (Sasaran peningkatan 20% dari tahun 2007)	Pihak Audit berpuas hati dengan sasaran yang telah dibuat pada tahun 2008 kerana pihak Perbadanan telah mengadakan aktiviti yang menggalakkan penggunaan perkhidmatan perpustakaan.
24.2.4	Pemilikan bahan koleksi adalah tidak memuaskan kerana jumlah sebenar dimiliki tidak disediakan.	Pihak Perbadanan akan membuat 'Stock taking' bagi setiap perpustakaan daerah dan desa bagi mengenal pasti jumlah sebenar bahan koleksi. Tindakan ini sedang diambil oleh Unit Pembinaan Koleksi dan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PPAP.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh pihak Perbadanan bagi memastikan jumlah sebenar bahan koleksi dimiliki.
24.2.5(a)	Perolehan koleksi buku yang dilaksanakan oleh Perbadanan tidak memuaskan kerana tidak melalui keputusan Jawatankuasa Pemilihan Bahan.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bahan tidak dapat bersidang pada tahun 2006 dan 2007 kerana masalah pelantikan Ahli Lembaga Pengarah. Perolehan buku dibuat tanpa keputusan Mesyuarat dan akan membuat makluman pada Mesyuarat Lembaga Pengarah selepas itu.	Pihak Audit berpuas hati makluman mengenai perolehan koleksi buku yang telah di buat dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 14 Mei 2009 bermula tahun 2005 hingga 2008.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
24.2.5(b)	Pengagihan bahan koleksi yang telah dibeli adalah tidak memuaskan kerana kelewatan agihan dari tempoh ditetapkan.	Pengagihan bahan koleksi lewat diagihkan kepada lokasi terlibat kerana masalah sistem program pengrekodan yang ‘out-dated’ dan kekangan jumlah kakitangan.	Pihak Audit berpendapat pihak Perbadanan perlu mengambil tindakan untuk menambah baik program yang digunakan.
24.2.7(a) i	Pembaikan kerosakan yang terdapat pada bangunan perpustakaan adalah tidak memuaskan kerana terdapat kerosakan yang belum diambil tindakan.	Segala kerosakan yang dilaporkan telah dan akan diambil tindakan secara berperingkat oleh pihak pengurusan pada tahun 2008. Ini adalah kerana masalah peruntukan yang mana keutamaan diberi kepada bangunan yang mempunyai masalah yang serius dan kritikal.	Pihak Audit berpuas hati terhadap penyelenggaraan yang telah dibuat dan pihak Perbadanan memberi keutamaan kepada bangunan yang mempunyai masalah kritikal.
24.2.7(a) iii	Penyelenggaraan kelengkapan ICT oleh Perbadanan adalah tidak memuaskan kerana peralatan yang rosak tidak dibaiki.	Kelengkapan peralatan ICT yang rosak akan dibaiki secara berperingkat bergantung kepada bajet yang terhad.	Pihak Audit berpuas hati penyelenggaraan yang telah dibuat mengikut peruntukan yang telah diberikan.
24.2.7(b)	Pengurusan pelupusan oleh Perbadanan adalah tidak memuaskan kerana aktiviti pelupusan tidak dilaksanakan.	Jawatankuasa Pengurusan Aset telah pun bersidang bagi menangani masalah ini. Jawatankuasa Pelupusan dan Hapus kira PPAP akan mengambil tindakan selanjutnya.	Pihak Audit berpuas hati kerana pihak Perbadanan telah membuat tindakan untuk pelupusan aset.
24.2.7(c)	Kawalan keselamatan perpustakaan adalah tidak memuaskan kerana aspek keselamatan dititikberatkan.	Pihak Perbadanan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menanggung kos kawalan keselamatan. Pada ketika ini hanya di Perpustakaan Negeri sahaja disediakan perkhidmatan tersebut.	Pihak Audit berpendapat kawalan keselamatan diperluas dengan mendapatkan peruntukan mencukupi.
24.2.9	Prestasi perbelanjaan Perbadanan adalah tidak memuaskan kerana perbelanjaan adalah melebihi peruntukan yang diluluskan.	Pihak Perbadanan akan cuba memperbaiki dan menangani masalah perbelanjaan melebihi peruntukan dengan cara yang berhemah. Pada tahun 2008, pihak Perbadanan telah mendapat peruntukan tambahan dari Kerajaan Negeri iaitu sejumlah RM200,000.00.	Pihak Audit berpendapat pihak Perbadanan perlu melaksanakan dan sentiasa mengamalkan perbelanjaan secara berhemah.
24.2.10	Keperluan guna tenaga di Perbadanan adalah tidak memuaskan kerana kekurangan guna tenaga dan pengisian pelbagai	Pihak Perbadanan telah pun mengemukakan permohonan peruntukan tambahan bagi pengisian jawatan-jawatan baru yang diluluskan oleh pihak JPA	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan pihak Perbadanan untuk mendapat

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
	jawatan yang kosong tidak dilaksanakan sepenuhnya.	melalui Perbendaharaan Malaysia kepada pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan. Namun demikian, ianya telah pun ditangguhkan melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1 Tahun 2008 Bertarikh 2 Januari 2008.	peruntukan bagi pengisian jawatan tersebut.

11.5 MAJLIS DAERAH LIPIS - PENSWASTAAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PELUPUSAN SISA PEPEJAL

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
30.2.2	<p>Pematuhan Syarat Perjanjian Penswastaan Perkhidmatan Kebersihan dan Pelupusan Sisa Pepejal</p> <p>Sehingga akhir tahun 2007, sebanyak 7 kali perjanjian telah dibuat untuk memperbaharui perjanjian pengurusan di antara Majlis dan Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB)</p> <p>a) Pemindahan Aset Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2007, AFSB belum menjelaskan baki bayaran berjumlah RM144,074 bagi 4 buah lori kompaktor dan sebuah <i>Armroll/Roll On Roll Off</i>.</p>	<p>Sehingga akhir tahun 2008 sebanyak 8 kali perjanjian telah dibuat untuk membaharui Perjanjian Pengurusan Sisa Pepejal di antara Majlis dan Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB). Perkara ini akan berlanjut sehingga penswastaan sepenuhnya berkuat kuasa.</p> <p>Jumlah keseluruhan tuntutan bayaran pemindahan aset kenderaan berjumlah RM146,574. AFSB telah membuat bayaran pendahuluan RM2,500 pada 20 November 1998. Sehingga kini AFSB belum menjelaskan baki bayaran yang ditutut.</p>	<p>Pihak Audit berpendapat, perkara ini akan dapat diselesaikan sekiranya penswastaan sepenuhnya berkuat kuasa.</p> <p>Pihak Audit berpendapat, perkara ini akan dapat diselesaikan sekiranya penswastaan sepenuhnya berkuat kuasa.</p>
30.2.3	<p>Undang-Undang dan Peraturan</p> <p>Lawatan Audit pada 16 Januari 2008 ke Taman Desa Perwira mendapati sebilangan kecil penduduk taman berkenaan tidak menyediakan tong sampah seperti mana kehendak Seksyen 3(1), Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Daerah Lipis) 1983. Sisa pepejal didapati telah dimasukkan dalam beg plastik dan dilonggokkan di tepi jalan.</p>	<p>Majlis telah menetapkan peraturan, penduduk perlu menyediakan tong sampah bertutup dan menggunakan karung plastik untuk membuang sampah. Tindakan penguat kuasa di ambil melalui nasihat lisan dan notis sebelum tindakan mengkompaun kesalahan dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Daerah Lipis) 1983.</p>	<p>Pihak Audit berpendapat, Majlis perlu mempertingkat tindakan penguatkuasaan terhadap penduduk yang melakukan kesalahan berkaitan sisa pepejal.</p>

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
30.2.5	Prestasi Jadual Kerja Bulanan Prestasi perkhidmatan AFSB tidak mencapai ke tahap yang dikehendaki oleh Majlis. Ini kerana terdapat peningkatan pengeluaran Notice To Correct (NTC) dan Notice to Back Up (NTB) bagi tahun 2005 hingga 2007.	Majlis telah mengeluarkan 27 NTC pada tahun 2008. Manakala NTB tidak dapat dikeluarkan oleh kerana Majlis tidak mempunyai kemudahan dan tenaga pekerja untuk melakukan kerja-kerja pemulihan.	Pihak Audit berpendapat, Majlis perlu mempertingkatkan usaha melaksanakan kerja pemulihan.
30.2.6	Bayaran Perkhidmatan Penswastaan Sehingga akhir tahun 2007, sejumlah RM1.87 juta masih belum dibayar oleh Majlis kepada AFSB bagi perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal	Pemotongan bayaran dibuat terhadap kerja-kerja yang tidak dilaksanakan. Bayaran kepada AFSB berjumlah RM80,000 sebulan. Tunggakan bayaran sehingga Disember 2008 ialah berjumlah RM2.7 juta. Majlis tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menjelaskan bayaran kepada AFSB.	Pihak Audit berpendapat, Majlis perlu berusaha untuk menjelaskan tunggakan kepada AFSB seperti yang ditetapkan.
30.2.7	Kepuasan Penduduk Tahap perkhidmatan yang diberikan oleh AFSB adalah tidak memuaskan bagi semua jenis perkhidmatan/ penyenggaraan.	Bilangan aduan awam berhubung dengan kebersihan meningkat disebabkan oleh prestasi perkhidmatan AFSB yang semakin merosot dan tidak memuaskan hati penduduk.	Pihak Audit berpendapat, Majlis perlu pro-aktif untuk mengambil tindakan terhadap aduan awam.
30.2.9	Prestasi Pelaksanaan a) Pungutan Sisa Pepejal (i) Pungutan Sisa Pepejal di kawasan kediaman/ Perumahan Lawatan Audit ke Taman Desa Perwira pada 16 Januari 2008 (pagi Rabu), mendapati sisa pepejal belum lagi dipungut oleh AFSB. (ii) Pungutan Sisa Pepejal di kawasan awam Lawatan Audit ke Pasar Borong Jalan Jeram Batu pada 16 Januari 2008 (tengah hari Rabu) mendapati sisa pepejal telah dipungut mengikut jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, sikap	Jadual kutipan sampah oleh AFSB berubah apabila berlaku kerosakan lori dan permasalahan lain seperti pekerja bercuti, tumpuan pembersihan perlu diberikan ke kawasan lain yang diarahkan dan sebagainya. Terdapat juga permasalahan sampah yang dilakukan oleh peniaga. Sikap peniaga melonggokkan sampah di luar tong telah menjelaskan kebersihan.	Pihak Audit berpendapat, Majlis perlu pro aktif dengan mengadakan pemantauan yang kerap dilokasi kutipan bagi memastikan AFSB menjalankan kerja seperti yang dirancang.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
	peniaga yang tidak bertanggungjawab telah melonggokkan sampah di tepi tong sampah yang disediakan walaupun tong tersebut masih lagi kosong.	hari.	
	b) Pembersihan (i) Pembersihan Longkang Lawatan Audit ke Jalan Bukit Residen (Rumah Rehat Kerajaan) pada 6 November 2007 (petang Selasa) mendapati kerja pembersihan longkang tidak dilaksanakan di mana longkang berkenaan tersumbat dan telah ditumbuhi rumput.	Permasalahan longkang di kawasan Bukit Residen telah diatasi.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.
	(ii) Pembersihan Pasar Awam Lawatan Audit ke Pasar Besar Kuala Lipis pada 16 Januari 2008 (petang Rabu) mendapati longkang di sekeliling pasar berkenaan tidak dibersihkan dan dipenuhi sisa pepejal.	AFSB tidak menjalankan kerja-kerja pembersihan dengan sempurna.	Pihak Audit berpendapat, Majlis perlu pro-aktif dengan mengadakan pemantauan yang kerap di lokasi kutipan bagi memastikan AFSB menjalankan kerja seperti dirancang
	c) Pungutan Sisa Pepejal Dari Pusat Tong Pihak Audit mendapati hanya sebuah tong sahaja disediakan di <i>Lipis Centre Point</i> berbanding dua tong yang ditetapkan dalam perjanjian mengakibatkan sisa pepejal telah memenuhi tong.	Masalah tong penuh dan sampah bertaburan berlaku apabila kutipan sampah tidak dijalankan mengikut jadual AFSB.	
	d) Pemotongan Rumput Lawatan Audit ke kawasan berhampiran pusat membeli belah <i>Centre Point</i> , Kuala Lipis pada 6 November 2007 (Selasa) mendapati rumput tidak dipotong mengikut jadual yang ditetapkan.	Jadual pemotongan rumput sering tidak dipatuhi oleh AFSB walaupun perbincangan dan teguran dikeluarkan berkali-kali. Majlis pernah bertindak mengeluarkan skop perkhidmatan pemotongan rumput daripada perkhidmatan AFSB dan menyerahkan kepada pihak swasta yang lain mulai 1	

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 1 Jun 2009	Ulasan Audit
		Februari 2007 hingga 31 Mei 2007.	
	e) Pengurusan Dan Penyenggaraan Tapak Pelupusan Lawatan Audit ke Tapak Pelupusan Sampah Km 8 Jalan Lipis, Padang Tengku pada 6 November 2007 mendapati tempat pelupusan ini tidak dapat menampung pembuangan sisa pepejal yang semakin bertambah menyebabkan ia terpaksa dilonggokkan di laluan masuk ke tapak pelupusan.	Penyenggaraan tapak pelupusan tidak dibuat dengan sempurna oleh AFSB menyebabkan tapak berkenaan telah penuh dan tidak boleh digunakan pada waktu yang singkat.	Pihak Audit berpendapat, Majlis perlu pro-aktif dengan mengadakan pemantauan yang kerap ditapak pelupusan bagi memastikan sisa pepejal disenggara dengan baik oleh AFSB.
30.2.10	Prestasi Kewangan Prestasi kewangan bagi tahun 2005 hingga 2007 mendapati Majlis hanya berbelanja sejumlah RM769,918 atau 25.7% sahaja daripada RM3 juta yang telah diperuntukkan.	Pembayaran kepada AFSB bergantung kepada Aliran Tunai Majlis.	Pihak Audit berpendapat, Majlis perlu berusaha meningkatkan aliran tunainya.

12. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi bagi tahun 2007 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang pada 24 November 2008.

13. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pada tahun 2008 dan sehingga Mei 2009, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang (Jawatankuasa) telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 dan 2007 mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Negeri Pahang. Pada tahun 2008, Jawatankuasa telah bermesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 manakala pada tahun 2009 Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak dua kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, selain daripada membincangkan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Jawatankuasa juga perlu membuat lawatan ke tapak projek dan juga boleh membuat semakan terhadap perkara-perkara yang tidak diliputi oleh Laporan Ketua Audit

Negara. Di samping itu, Jawatankuasa juga perlu memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan sewajarnya oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri. Kedudukan perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat pada tahun 2008 dan sehingga Mei 2009 adalah seperti di **Jadual 13.1**.

Jadual 13.1

**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Pada Tahun 2008 Sehingga Mei 2009
Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Bagi Aktiviti Dan Kajian Khas**

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1.	12.2.2008	i. Jabatan Pertanian Negeri Pahang ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang iii. Yayasan Pahang iv. Majlis Daerah Maran	Mesyuarat Siasatan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 i. Program Pembangunan Industri Buah-Buahan. ii. Pengurusan Skim Bantuan Am. iii. Pengurusan Pinjaman Pendidikan. iv. Pengurusan Cukai Taksiran.
2.	13.4.2009	i. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pahang ii. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan iii. Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin iv. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	Mesyuarat Siasatan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 i. Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB). ii. Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan.
3.	28.5.2009	i. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang ii. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang iii. Majlis Daerah Lipis.	Mesyuarat Siasatan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 i. Projek Pembinaan Kuarters Di Cameron Highlands. ii. Pengurusan Perpustakaan Daerah. iii. Penswastaan Perkhidmatan Pembersihan Dan Pelupusan Sisa Pepejal.

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatan Kira-kira Wang Awam Negeri Pahang



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti oleh Jabatan/Agensi. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjelaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah antaranya kurang latihan diberi kepada pegawai terlibat dan tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif program/aktiviti berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperolehi keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya**

10 Julai 2009